emir

Seri Novel Biografi Imam Mazhab

Abdul Latip Talib

Imam Maliki

Pencinta kebenaran

Novel Sejarah Islam

Abdul Latip Talib

Penulis Novel Sejarah No.1 Malaysia



Imam Maliki

Pengarang kebenaran

Novel Sejarah Islam


Abdul Latip Talib

Penulis Novel Sejarah No.1 Malaysia



Imam Maliki

Pengarang kebenaran



Muslim Distribution
SUNNI
SHIA
SHAFIE
HANAFI
MALIKI
HANBALI
HANAFI DAN JUGA SEMUA MAZHAB YANG EMPAT
Russia
Sweden
Finland
Norway
United Kingdom
Estonia
Latvia
Lithuania
Denmark
Ireland
Belarus
Poland
Germany
Ukraine
Austria
France
Bulgaria
Italy
Spain
Portugal
Georgia
Armenia
Azerbaijan
Kazakhstan
Uzbekistan
Kyrgyzstan
Turkmenistan
Tajikistan
Turkey
Mongolia
North Korea
South Korea
Japan
China
Iraq
Iran
Afghanistan
Pakistan
Bhutan
Bangladesh
India
Laos
Taiwan
Philippines
Vietnam
Sri Lanka
Maldives
Brunei
Malaysia
Singapore
Indonesia
Timor-Leste
Australia
Tunisia
Morocco
Algeria
Libya
Egypt
Saudi Arabia
Western Sahara
Mauritania
Niger
Chad
Sudan
Djibouti
Ethiopia
Somalia
Kenya
Guinea
Ghana
Togo
Nigeria
Cape Verde
Sierra Leone
Cote d'Ivoire
Gabon
Congo
Tanzania
Comoros
Angola
Zambia
Madagascar
Mauritius
Namibia
Zimbabwe
Botswana
Mozambique
Lesotho
Swaziland
South Africa
Seychelles
United Arab Emirates

Pendahuluan

Riwayat Hidup

Imam Malik atau nama sebenarnya Abu Abdullah Malik bin Anas bin Malik bin Abi Amir bin Amr bin Haris bin Gaiman bin Kutail bin Amr bin Haris al-Asbahi. Beliau lahir di Madinah pada tahun 95 H/ 712 M dan wafat tahun 179 H/ 796 M ketika berumur 84 tahun dan dikebumikan di perkuburan Baqik. Beliau mempunyai seorang isteri dan empat orang anak, tiga lelaki dan seorang perempuan. Anak perempuannya bernama Fatimah. Manakala anak-anak lelakinya bernama Muhamad, Hammad dan Yahya.

Keluarga atau keturunannya berasal dari Yaman. Moyangnya berpindah ke Madinah dan menganut Islam pada zaman Rasulullah. Imam Malik adalah pengasas Mazhab Maliki.

Ibu Imam Malik adalah seorang wanita solehah bernama Aisyah binti Syarik al-Azdiyah, berasal dari Yaman. Namun pendapat yang popular mengatakan ibunya bernama Siti Aliyah binti Syuraik bin Abdul Rahman bin Syuraik al-Azdiyah.

Imam Malik dikandungkan ibunya selama dua tahun. Malah ada yang mengatakan selama tiga tahun. Imam Malik daripada generasi tabie tabi'in iaitu satu generasi umat Islam yang tidak sempat berjumpa dengan para sahabat Rasulullah. Hanya sempat berjumpa dengan generasi tabiin, iaitu mereka yang sempat berjumpa dengan sahabat Rasullulah SAW sahaja.

Imam Malik dikurniakan umur yang panjang. Beliau hidup pada zaman sembilan orang khalifah bani Umaiyah dan lima orang khalifah bani Abbasiyah. Bermula dari khalifah al-Walid bin Abdul Malik (95 Hijrah) sampai ke zaman khalifah Harun al-Rasyid (179 Hijrah).

Beliau meninggal dunia pada hari Ahad, 14 Rabiul Awal tahun 179 hijrah ketika berusia 84 tahun.

Peribadi

Imam Malik bin Anas dikurniakan kecerdasan akal fikiran yang tinggi. Beliau menghafaz Quran ketika usianya masih muda. Beliau seorang yang berakhlak mulia, bersopan santun, suka memakai pakaian yang bersih dan bagus, serta bau-bauan yang harum.

Beliau bergaul dengan semua lapisan masyarakat dan sangat benci kepada perbuatan mencela sesama manusia. Imam Malik juga seorang hartawan yang sangat dermawan dan menggunakan hartanya bagi membantu mereka yang susah.

Imam Malik menghormati hadis Rasulullah SAW. Sebelum membacakan hadis ataupun berbincang berkenaan hadis, beliau mandi dan berpakaian bersih serta memakai harum-haruman terlebih dahulu. Semasa membaca hadis, beliau mahu penuntutnya mendengar dengan tekun dan tidak boleh berbuat bising. Beliau juga tidak sanggup menunggang kuda di kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah.

Imam Malik tabah menghadapi sebarang ujian yang menimpanya. Beliau pernah disebat dengan rotan sehingga patah tulang rusuknya kerana mengeluarkan fatwa yang tidak disukai oleh khalifah. Namun beliau tetap memaafkan mereka yang memfitnah dan menyeksanya. Beliau juga adalah satu-satunya ulama yang mahu berdampingan dengan khalifah dengan tujuan memberi nasihat kepada pemerintah.

Beliau adalah seorang ulama yang warak, taat dan patuh kepada Allah. Beliau juga kuat beribadat terutama sekali pada waktu malam.

Pendidikan

Imam Malik gemar menuntut ilmu pengetahuan. Sejak kecil beliau menghafaz Quran dan hadis. Beliau juga berguru dengan ramai ulama Madinah yang hidup pada masa itu. Beliau mempunyai daya hafalan yang luar biasa. Suatu hari beliau mendengar gurunya membaca 30 hadis terus-menerus dan beliau dapat menghafal 29 hadis.

Imam Malik pernah belajar daripada 900 guru. Sebahagian daripadanya terdiri daripada ulama tabiin. Antaranya Nafi’ bin Abi Nuaim, Ibnu Syihab az Zuhri, Abul Zinad, Hasyim bin Urwa, Yahya bin Said al-Anshari, Muhammad bin Munkadir, dan Abdurrahman bin Hurmuz.

Pada usia muda, Imam Malik dapat menguasai banyak ilmu. Rasa cintanya kepada ilmu menjadikan hampir seluruh hidupnya diabdikan bagi menuntut ilmu. Beliau hanya mula mengajar apabila diakui oleh 70 orang ulama yang mahir dalam ilmu fikah, hadis dan Quran pada masa itu.

Ramai yang menuntut ilmu dengan Imam Malik termasuk empat khalifah bani Abbasiyah iaitu Abu Jaafar al-Mansur, al-Mahdi, al-Hadi dan Harun ar-

Rasyid. Malah Imam Abu Hanifah dan Imam Syafie juga pernah menimba ilmu daripada Imam Malik.

Sumbangan

Imam Malik pakar dalam bidang ilmu hadis. Beliau berhati-hati dalam menyelidik sanad dan perawi (periwayat) hadis bagi memastikan kesahihannya. Kerana kemasyhuran Imam Malik dalam bidang ilmu hadis, ramai ulama dari luar Madinah datang bagi mendapatkan ilmu daripada beliau.

Selain mengumpul hadis-hadis nabi, Imam Malik juga menganalisa hadis-hadis itu bagi merumus hukum-hukum agama.

Imam Malik menghabiskan umurnya selama 40 tahun bagi menghimpunkan dan menapis hadis-hadis yang diterima daripada gurunya. Beliau menghafaz sebanyak 100 ribu buah hadis. Walau bagaimanapun tidak semua hadis-hadis itu diterima bagi dijadikan sumber hukum. Selepas ditapis, hanya 10 ribu buah hadis yang diakui sah. Daripada 10 ribu buah hadis yang disiasat dan dipadankan dengan Quran, akhirnya hanya lima ribu buah hadis yang benar-benar diterima sebagai hadis Rasulullah SAW yang sah. Hadis-hadis itu disusun dalam sebuah kitab yang diberi nama *al-Muwattak*.

Imam Malik juga berhati-hati dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Sebelum setiap hukum dikeluarkan, terlebih dahulu beliau merujuk kepada Quran dan hadis. Sekiranya tidak terdapat di dalam kedua-dua sumber itu, barulah beliau merujuk kepada Ijmak ulama dan Qias.

Peninggalan Imam Malik yang terbesar adalah kitab *al-Muwattak* yang menjadi bahan rujukan kepada seluruh umat Islam hingga sekarang. Mazhab Maliki berkembang di Morocco, Algeria, Libya dan Palestin.

Kitab Al-Muwattak

Al-Muwattak ialah kitab fikah yang menghimpunkan hadis-hadis pilihan. Ia menjadi rujukan penting, khususnya bagi mazhab Maliki. Karya terbesar Imam Malik ini memiliki banyak keistimewaan kerana disusun berpandukan Quran, hadis dan fatwa para sahabat Rasulullah SAW.

Penulisan kitab *al-Muwattak* ini dimulakan oleh Imam Malik selepas pertemuannya dengan khalifah Abu Jaafar al-Mansur di Mina pada musim haji. Selepas beliau menolak tawaran khalifah menjadi kadi dan berpindah ke Baghdad, khalifah Abu Jaafar al-Mansur meminta Imam Malik

mengumpulkan ilmunya ke dalam sebuah kitab supaya dapat menjadi rujukan generasi akan datang.

Imam Malik menghabiskan umurnya selama 40 tahun mengumpul serta menyaring hadis-hadis yang diterima daripada guru-gurunya. Beliau menghafal 100 ribu hadis. Daripada 100 ribu itu, apabila diteliti cuma 10 ribu hadis yang diakui sah. Daripada 10 ribu itu pula cuma lima ribu sahaja hadis yang benar-benar diterimanya sebagai hadis Rasulullah SAW. Daripada lima ribu hadis itu disaring lagi. Akhirnya cuma 1,720 buah sahaja dimuatkan dalam kitab *al-Muwattak*.

Selesai menyusun kitab *al-Muwattak,* Imam Malik menunjukkan kepada 70 ulama yang terkenal pada masa itu bagi disemak dan kesemua mereka menyetujui kandungannya.

Selepas kitab itu selesai ditulis, Imam Malik runsing memikirkan apakah nama kitab itu. Pada suatu malam beliau bermimpi bertemu Rasulullah yang menyuruhnya menyebarkan kitab itu kepada manusia. Lalu dinamakan *al-Muwattak* bererti yang disepakati atau tunjang atau panduan.

Khalifah Harun ar-Rasyid sangat menghormati kitab *al-Muwattak* hingga bercadang menggantungnys pada dinding Kaabah sebagai lambang perpaduan pendapat para ulama mengenai urusan agama. Tetapi cadangan itu tidak dipersetujui Imam Malik.

Kitab *Al-Muwattak* mula ditulis pada zaman khalifah Abu Jaafar al-Mansur dan selesai pada zaman khalifah al-Mahdi. Dunia Islam mengakui kitab *al-Muwattak*adalah karya agung Imam Malik. Kitab ini menghimpunkan 1,720 hadis yang terpilih. Ia diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa termasuk bahasa Melayu.

Kata Imam Syafie, “Tidak ada satu kitab pun di atas muka bumi ini yang lebih banyak kebenarannya selain *al-Muwattak*.”

Selain kitab *al-Muwattak*, Imam Malik juga menulis beberapa kitab antaranya *al-Mudawwanah al-Kubra* yang berisi fatwa-fatwa dan jawapan Imam Malik pada pelbagai persoalan yang menyentuh hukum fikah. *Tafsir Gharibil Quran, Risalah fir Rad ala-qadariyah, Kitabussurur, Kitab An-Nujum wa Hisab, Kitabusiyar* dan *Risalah* kepada al-Laith bin Saad.

Mazhab Maliki

Imam Malik adalah pengasas Mazhab Maliki. Suatu ketika dahulu mazhab ini pernah menjadi mazhab rasmi di Mekah, Madinah, Irak, Mesir, Algeria, Tunisia, Andalusi, Moroco, dan Sudan. Tetapi kini penduduk Mekah dan Madinah tidak lagi menganut Mazhab Maliki. Di Iraq dan Mesir juga tidak ramai lagi yang menganutnya. Cuma Moroco sahaja satu-satunya negara yang menjadikan Mazhab Maliki sebagai mazhab rasminya.

Imam Maliki membina mazhabnya berpandukan pada sumber-sumber asas sebagaimana yang dilakukan ulama yang terdahulu seperti Imam Abu Hanifah, Imam Sufyan bin Uyainah, Imam Jaafar as-Siddiq, Imam Lait bin Saad, Imam Sufyan at-Thuri dan lain-lain lagi. Beliau berpegang kepada lima dasar atau sumber seperti berikut.

Quran

Sumber pertama yang menjadi pegangannya adalah Quran. Beliau tidak akan mencari nas-nas selain Quran. Sekiranya tidak ada dalam Quran, baru beliau beralih kepada sumber yang kedua iaitu hadis Nabi Muhammad SAW.

Imam Malik memberi syarat, seseorang yang mahu menjadi Imam Mujtahid Mutlak perlu menghafal keseluruhan Quran. Di samping itu perlu mahir dalam ilmu bahasa Arab.

Beliau pernah berkata, “Sekiranya aku terjumpa seseorang mentafsir Quran tetapi dia tidak mahir bahasa Arab, pasti aku hukum dia dengan hukuman yang berat.”

Ini juga pegangan imam mazhab lain seperti Imam Hanafi, Imam Hanbali dan Imam Syafie.

Oleh kerana itu Imam Malik melarang memasukkan kisah-kisah Israilliyat ketika mentafsir Quran.

Hadis

Sumber rujukan kedua Imam Malik adalah hadis atau sunnah. Ini kerana hadis ialah pentafsir Quran atau penerang maksudnya.

Allah menyatakan dalam Quran maksudnya, “Dan apa-apa (ajaran) yang dibawa Rasul itu terimalah, dan apa-apa (ajaran) yang dilarangnya maka jauhi.”

Nabi Muhammad SAW berpesan, “Bahawa perkara yang diharamkan Nabi adalah sama dengan perkara yang diharamkan Allah.”

Walaupun begitu Imam Malik berhati-hati dalam memilih hadis. Beliau hanya berpegang pada hadis yang dipegang ulama-ulama hadis di Hijaz.

Amalan Ahli Madinah Atau Ijmak Ulama Madinah

Imam Malik menjadikan amalan ahli Madinah sebagai dasar hukum dalam membina mazhabnya. Amalan dan fatwa khalifah Umar al-Khattab dan khalifah Umar bin Abdul Aziz menjadi rujukan utamanya. Beliau menolak hadis yang berlawanan dengan pendapat para ulama Madinah.

Ini kerana Imam Malik berpendapat, orang Madinah amat mengetahui sunnah-sunnah Rasulullah. Mereka tidak sekali-kali bersepakat melakukan sesuatu amalan yang tidak berdasarkan ajaran Nabi Muhammad. Baginya amalan penduduk Madinah menepati sunnah Rasulullah.

Pendapat ini agak bertentangan dengan Imam Syafie yang menganggap hadis adalah sumber yang lebih utama dipandang sebagai sumber hukum berbanding amalan sekelompok manusia.

Qias

Salah satu sumber hukum mazhab Maliki adalah qias. Malah mazhab-mazhab lain juga mengambil pendekatan yang sama.

Qias bermakna perbandingan. Oleh itu hukum qias adalah hasil daripada perbandingan antara satu persoalan baru yang tidak mempunyai nas daripada Quran dan hadis dengan masalah yang sudah ada jawapannya dan serupa ilatnya.

Contoh hukum yang diputuskan dengan qias adalah dalam masalah ganja, dadah dan sebagainya. Hukumnya haram kerana memabukkan dan merosakkan akal fikiran orang yang menghisapnya.

Maslahah Al-Mursalah

Maslahah al-Mursalah ertinya memelihara tujuan syarak dengan jalan menolak segala sesuatu yang merosakkan makhluk.

Contohnya, membunuh seseorang itu berdosa. Tetapi apabila seseorang itu ditawan dan dijadikan perisai oleh musuh, maka bagi menghancurkan musuh itu perlu mengorbankan orang yang ditawan maka dibolehkan membunuh orang yang ditawan.

Contoh lain, apabila harta baitulmal sudah habis dibelanjakan bagi kelengkapan tentera berperang, pemerintah dibenarkan mengambil secara

kekerasan harta orang kaya dengan kadar mencukupi.

Cara Mazhab Malik Berkembang

Pada mulanya Mazhab Imam Maliki cuma berkembang di Madinah. Tetapi apabila ramai anak-anak muridnya datang dari Mesir, Iraq, Morocco, Tunisia, Algeria, Al-Andalus, dan sebagainya, mazhab itu dikembang anak-anak muridnya apabila pulang ke negara masing-masing.

Di Mesir

Orang yang mula-mula memperkenalkan Mazhab Imam Maliki di Mesir adalah seorang penduduk Mesir yang juga sahabat baik Imam Malik bernama Imam Uthman bin al-Hakkam al-Juzami dan Abdul Rahman bin Khalid bin Yazid bin Yahya.

Kemudian apabila anak-anak murid Imam Malik seperti Imam Ibnu Wahbin, Imam Ibnu Qasim, Imam as-Syhab bin Abdul Aziz, Imam Abdullah bin Abdul Hakam, Imam Haris bin Miskin dan lain-lain pulang ke Mesir, Mazhab Maliki berkembang dengan pesat.

Apabila Imam Syafie berpindah ke Mesir pada tahun 198 hijrah, barulah Mazhab Imam Malik digantikan dengan Mazhab Syafie.

Cara Munculnya Mazhab

Nabi Muhamad SAW berkata, “Sesiapa yang yang hidup (lama) di antaramu nescaya akan melihat perselisihan (faham) yang banyak. Ketika itu pegang teguhlah sunnahku dan sunnah khalifah ar-Rasyidin yang diberi hidayah. (Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Dalam hadis lain nabi berkata, “Demi Tuhan yang memegang jiwa Muhammad di tanganNya, akan berfirqah umatku sebanyak 73 firqah, hanya satu masuk syurga yang lainnya masuk neraka. Bertanya para sahabat, “Siapakah itu, ya Rasulullah?”

Nabi Menjawab, Ahlussunnah wal Jamaah.” (Thabrani)

Antara perkara yang membatalkan akidah adalah seperti berikut:

1. Menolak salah satu daripada rukun iman ataupun menyeleweng daripadanya.
2. Menolak hukum agama ataupun mengubahnya seperti menghalalkan perkara yang haram ataupun

mengharamkan perkara yang halal.

3. Menerima sebahagian rukun iman dan menolak sebahagian yang lain secara ingkar.

Sejarah munculnya pelbagai fahaman itu berlaku pada kurun pertama Hijrah. Seorang penganut Kristian bernama Susan berjaya mempengaruhi fikiran Ma'bad bin Ubaidillah al-Juhani. Dia menyebarkan ajaran yang dinamakan Qadariah. Ajaran ini membataskan kuasa dan kehendak Allah serta menyatakan manusia mempunyai kuasa dan kehendaknya sendiri. Dia berjaya memasuki bandar suci Madinah dan berjaya mempengaruhi beberapa penduduknya.

Abdullah bin Umar mengisytiharkan, beliau menolak sekeras-kerasnya ajaran yang dibawa oleh Ma'bad. Hasan al-Basri berkata, "Jauhkan diri daripada Ma'bad kerana dia sesat dan menyesatkan." Muslim bin Yasar mengisytiharkan di tempat beliau mengajar di masjid, "Ma'bad berucap dengan ucapan orang Nasrani." Akhirnya, khalifah Abdul Malik bin Marwan memerintahkan supaya Ma'bad dihukum bunuh. Walaupun Ma'bad dibunuh, ajarannya diteruskan oleh Marwan atau Ibnu Muslim. Dengan beraninya dia berkata, "Qadar baik dan jahat itu daripada hamba, bukannya daripada Tuhan." Akhirnya dia dikenakan tindakan keras oleh khalifah Hisham bin Abdul Malik.

Abdullah bin Saba' seorang Yahudi berpura-pura memeluk Islam. Dia juga berpura-pura menyokong Ali bin Abu Talib hingga menganggap Ali sebagai seorang nabi. Dia menganggap Ali mampu hidup semula di dunia selepas mati. Namun, pada masa yang lain, Ali dikatakan tidak mati. Alasannya, sebahagian daripada zat ketuhanan menjelma dalam diri Ali. Selain itu, berbagai-bagai lagi fahaman yang lain ditimbulkan mengenai Ali.

Pada kurun kedua Hijrah, muncul pula Jaham bin Safuan di Tirmiz. Dia menyebarkan fahaman yang dinamakan Jabariah. Dia berjaya menarik beberapa pengikut dan akhirnya mengisytiharkan kenyataannya kuasa dan ilmu Allah itu ada kesudahannya. Syurga, neraka dan penduduknya akan binasa. Hanya Allah yang tinggal seperti keadaan awal yang tiada sesuatu pun. Dia juga menyatakan, iman itu pada makrifat (pengetahuan mengenai Allah) sahaja dan kufur itu kerana tidak tahu Allah. Tiada perbuatan langsung bagi makhluk selain daripada Allah sahaja. Akhirnya, Jaham bin Safuan juga dihukum bunuh bagi menyelamatkan umat Islam.

Namun fahaman yang menyesatkan umat Islam itu terus muncul. Ketika fikiran umat Islam menjadi kalut, keliru dan berpecah belah, Allah melahirkan para ulama yang melakukan pembaharuan (*tajdid*). Mereka mempertahankan Islam dengan hujah-hujah Quran, sunnah dan logik akal yang tidak bercanggah dengan kedua-duanya. Antara mereka adalah Hasan al-Basri. Beliau menolak dengan tegas teori Wasil bin Ata' mengenai fahaman Muktazilah. Kes ini berlaku pada awal abad kedua Hijrah.

Pada akhir kurun ketiga Hijrah, muncul pula Abu Mansur al-Maturidi yang berusaha menolak hujah-hujah golongan sesat. Beliau berjaya mengumpulkan pengikut-pengikutnya bagi mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah yang dikenali dengan aliran Maturidiah.

Kemunculan Abu Hassan al-Asy'ari memberi kekuatan besar kepada Ahli Sunnah wal Jamaah apabila beliau keluar daripada ajaran Muktazilah. Beliau berjaya berdebat dengan pemimpin Muktazilah yang bernama Aljubbai yang juga adalah bapa tirinya. Beliau berjaya menubuhkan kumpulan yang disertai oleh ulama-ulama terbilang pada zamannya. Kumpulan itu dikenali sebagai Asya'irah.

Iraq menjadi medan pergolakan hebat terutamanya di Basrah yang menjadi tumpuan pengikut pelbagai fahaman itu. Kadang-kadang, pemerintah cenderung kepada golongan-golongan berfahaman sesat lalu menyebabkan para ulama menjadi mangsa. Ada antara mereka dipenjara dan dibunuh. Walau bagaimanapun, Allah memberi jaminan bagi memelihara agama ini hingga hari kiamat.

Dugaan dan cabaran berlaku kepada semua umat para nabi. Ini dibuktikan daripada Ibnu Mas'ud yang melaporkan, Nabi Muhammad SAW berkata, "Tidak ada nabi yang dibangkitkan Allah sebelum aku melainkan di kalangan umat mereka ada yang menjadi pengikut setia dan sahabat yang mengambil ajarannya dan mengikut perintahnya. Selepas masa berlalu, ada di kalangan mereka (umat ini) melakukan perkara-perkara yang jahat. Mereka bercakap mengenai perkara yang mereka tidak melakukannya dan mereka membuat perkara yang tidak disuruh. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan tangannya, dia beriman. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan lidahnya, dia beriman. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan hatinya, dia beriman. Tidak ada iman lagi selepas itu walaupun sebesar biji yang halus." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Bab 1 Kelahiran Seorang Ulama

Malam itu perkampungan Al-Aqiq yang terletak jauh dari kota Madinah dibungkus suasana sepi kerana penghuninya sedang nyenyak tidur. Cuma Anas bin Malik yang masih belum terlena. Dia masih keresahan di tempat tidurnya. Ada pelbagai perkara yang sedang difikirkannya, terutama mengenai masa depan keluarganya.

"Kakanda masih belum tidur?" tanya Siti Aliyah, isterinya yang sedang sarat mengandung.

"Kakanda sedang memikirkan masa depan kita dan anak yang bakal dilahirkan. Keluarga kita akan menjadi bertambah besar dan ramai," jawab Anas lalu bangun dari tempat perbaringan.

Sebenarnya sudah sekian lama dia memikirkan perkara itu. Tetapi entah mengapa malam itu fikirannya hanya tertumpu pada perkara itu sehingga matanya tidak mahu terlena. Apabila isterinya sudah bertanya dia perlu berterus terang.

"Kongsilah dengan adinda apa yang kakanda sedang fikirkan. Sekiranya baik adinda pasti menyokongnya," kata Siti Aliyah.

"Bagaimana sekiranya kita berpindah ke kota Madinah? Kakanda boleh mencari rezeki dengan berniaga kain di samping terus membuat anak panah yang memang menjadi kemahiran kakanda. Di sana tentu ramai yang membelinya," kata Anas meluahkan hasrat di hatinya.

"Sebelum adinda menjawab pertanyaan kakanda itu, boleh kakanda jawab dahulu pertanyaan adinda?" tanya Siti Aliyah pula.

"Tanyalah apa sahaja," jawab Anas.

"Mengapa sekarang baru kakanda mahu berpindah ke kota Madinah? Mengapa selama ini kita mendiami desa yang terpencil ini? Seolah-olah kita sedang menyembunyikan diri," tanya Siti Aliyah. Sudah lama pertanyaan itu disimpannya, baru sekarang dia berani meluahkannya.

Menurut Anas, ayahnya Malik bin Abu Amir dan datuknya Abu Amir bin Amru diburu orang bani Umaiyah kerana mereka dipercayai kenal siapa yang membunuh Khalifah Uthman bin Affan. Jadi mereka terpaksa menyembunyikan diri di perkampungan Al-Aqiq.

"Memang benar ayah dan datuk kakanda melarikan mayat khalifah Uthman Affan kerana bimbang jatuh ke tangan puak pemberontak. Kemudian mereka mengebumikan jenazah itu di suatu tempat rahsia. Namun mereka tidak kenal siapa pembunuh khalifah Uthman Affan. Tambahan pula pemberontak yang mengepung rumah khalifah terlalu ramai.

"Apabila Muawiyah menjadi khalifah, beliau memerintahkan orangnya mencari di mana ayah dan datuk kakanda berada kerana mereka dipercayai kenal siapa yang terlibat dalam pembunuhan itu. Sejak itu kami berada di perkampungan yang terpencil ini sehingga ayah dan datuk kakanda meninggal dunia. Jadi selepas kita berkahwin, kita terus menetap di sini," kata Anas dengan panjang lebar.

"Mengapa kakanda rahsiakan perkara ini selama ini?" tanya Siti Aliyah lagi.

"Demi keselamatan kita, kakanda terpaksa merahsiakannya supaya orang tidak tahu siapa kita yang sebenarnya," jawab Anas.

"Mengapa sekarang kakanda membuka rahsia itu dan berani berpindah ke kota Madinah?" Siti Aliyah terus bertanya.

"Keadaan sekarang sudah selamat. Sekarang Al-Walid bin Abdul Malik yang menjadi khalifah. Keadaan di kota Madinah juga sudah aman sejak diperintah gabenor Umar bin Abdul Aziz. Jadi kakanda mahu berpindah ke kota Madinah. Kita mulakan kehidupan baru di sana." Jawapan Anas itu memuaskan hati Siti Aliyah lalu menyatakan persetujuannya berpindah ke kota Madinah.

Beberapa hari kemudian Anas dan Siti Aliyah meninggalkan desa Al-Aqiq lalu berhijrah ke kota Madinah. Tempat yang pertama mereka singgah adalah Masjid Nabi.

"Wahai kakanda. Di kota Madinah ini kita tidak mempunyai saudara-mara dan kenalan. Di manakah kita hendak menumpang?" tanya Siti Aliyah

sambil meluahkan kerisauan dalam hatinya.

"Esok kita berjumpa dengan gabenor Madinah, Umar bin Abdul Aziz. Khabarnya dia seorang yang baik hati dan sering membantu mereka yang dalam kesusahan. Kakanda yakin dia pasti dapat membantu kita," jawab Anas lalu mengajak isterinya bermalam di Masjid Nabi. Tambahan pula masjid itu sudah dibesarkan. Makam Rasulullah dimasukkan ke dalam kawasan masjid.

Malam itu Anas bermimpi bertemu seorang lelaki yang tidak dikenalinya mengatakan anak yang sedang dikandungkan oleh isterinya akan lahir tidak lama lagi. Lelaki itu berpesan supaya Anas dan isterinya menjaga anak itu dengan baik. Beri didikan agama dan makanan yang halal supaya berkat hidupnya.

Keesokan harinya Anas menceritakan mimpi itu kepada isterinya. Siti Aliyah sungguh gembira mendengarnya. Dia yakin mimpi suaminya itu adalah benar kerana ia berlaku ketika mereka sedang beriktikaf di Masjid Nabi.



836.jpg

"Wahai tuan, boleh tunjukkan di mana rumah gabenor Umar bin Abdul Aziz?" tanya Anas kepada seorang lelaki yang duduk bersebelahan dengannya ketika mereka sembahyang subuh berjemaah.

"Adakah kamu tidak tahu gabenor yang baik itu sudah dipecat oleh khalifah Al-Walid? Tempatnya sudah digantikan dengan orang lain. Penduduk Mekah dan Madinah tidak bersetuju dengan tindakan khalifah. Mereka akan memberontak." Jawapan lelaki itu mengejutkan Anas.

"Saya dan isteri baru sampai di sini. Jadi kami tidak tahu apa yang sedang berlaku," kata Anas sambil termenung memikirkan kepada siapakah dia hendak mengadu.

"Kamu dari mana? Apa tujuan kamu datang ke sini?" tanya lelaki itu.

"Saya dari desa Al-Aqiq. Berhijrah ke sini mahu mencari pekerjaan. Khabarnya gabenor Umar bin Abdul Aziz seorang yang baik dan sedia membantu mereka yang dalam kesusahan. Kerana itu saya mahu berjumpa

dengannya. Tetapi sekarang dia sudah dipecat. Saya tidak mempunyai saudara ataupun kenalan di sini," jawab Anas sambil mengatakan isterinya sedang sarat mengandung. Cuma menunggu masa bagi melahirkan.

"Apakah kemahiran kamu?" tanya lelaki itu.

"Saya pandai membuat anak panah. Di samping itu saya pernah menjual kain kepada penduduk desa Al-Aqiq," jawab Anas.

"Kebetulan saya memerlukan seorang pembantu. Mahukah kamu bekerja dengan saya?" tanya lelaki itu lagi.

"Saya sanggup melakukan apa sahaja kerja asalkan tidak bertentangan dengan hukum agama kita," jawab Anas dengan wajah gembira.

Lelaki itu memperkenalkan dirinya. Namanya Muaz, seorang saudagar kain. Dia memerlukan seorang pembantu bagi membantunya berniaga.

"Saya ada sebuah rumah di Zulmarwah yang terletak di utara kota Madinah. Kamu akan ditempatkan di sana. Kamu akan menjadi wakil pengedar kain-kain saya di kawasan Zulmarwah. Di samping itu kamu boleh terus membuat anak-anak panah bagi dijual kepada sesiapa yang berminat membelinya," kata Muaz dan Anas menganggap itu sebagai satu rahmat.

Sejak itu Anas dan Siti Aliyah tinggal di Zulmarwah. Dia mengambil upah berniaga kain dengan saudagar Muaz. Di samping itu dia menggunakan kemahirannya membuat anak panah bagi dijual kepada mereka yang memerlukannya. Pada suatu hari Anas dipanggil menghadap gabenor Madinah.

"Benarkah kamu mahir membuat anak panah?" tanya Khalid, gabenor Madinah.

"Saya membuatnya sejak berumur 15 tahun, kerana itu saya begitu mahir membuatnya. Mereka yang membeli anak panah daripada saya semuanya berpuas hati. Tambahan pula saya menjualnya pada harga yang murah," jawab Anas.

"Ada yang mahu menempah anak panah daripada kamu sebanyak seratus ribu bilah. Apakah kamu sanggup membuatnya dalam masa sebulan?" tanya gabenor Madinah.

“Jumlah itu terlalu banyak. Mustahil sempat dibuat dalam masa sebulan. Tambahan pula saya membuatnya secara sambilan kerana pekerjaan utama saya membantu saudagar Muaz berniaga kain,” jawab Anas.

“Mulai sekarang lebih baik kamu tumpukan sepenuh masa membuat anak panah. Tambahan pula kamu sudah ada banyak tempahan. Kamu boleh menjadi kaya apabila menerima tawaran ini,” pujuk gabenor Madinah itu.

“Boleh saya tahu siapakah yang memerlukan anak panah yang begitu banyak? Mustahil tuan gabenor yang mahukannya,” tanya Anas pula.

“Saya baru mendapat perintah daripada al-Hajjaj Yusof at-Taqafi supaya mengumpulkan seratus ribu anak panah bagi kegunaan pasukan tenteranya. Beliau mendapat perintah daripada khalifah al-Walid supaya mengamankan penduduk kota Mekah. Jadi dia memerlukan senjata itu dalam masa yang cepat,” jawapan gabenor Madinah itu membuat Anas terkejut lalu mengucap panjang.

“Sesiapa sahaja yang mendapat tawaran ini pasti terkejut kerana mendapat penghormatan daripada pahlawan kesayangan khalifah itu. Kamu boleh menjadi kaya-raya apabila menerima tawaran ini,” kata gabenor Madinah sambil tersenyum.

“Saya menolak tawaran itu. Berikan sahaja kepada orang lain.” Kata-kata Anas itu mengejutkan gabenor Madinah.

“Adakah kamu sudah gila? Mengapa menolak peluang menjadi kaya?” tanya gabenor Madinah.

“Keputusan saya adalah muktamad. Saya menolak tawaran al-Hajjaj itu,” jawab Anas.

“Boleh saya tahu mengapa kamu menolaknya, wahai manusia yang paling bodoh dalam dunia?” tanya gabenor Madinah.

“Al-Hajjaj itu seorang yang zalim. Saya tidak mahu senjata buatan saya digunakan bagi membunuh saudara seagama,” jawab Anas tanpa rasa takut.

“Al-Hajjaj pasti sakit hati dengan penolakan kamu ini. Apakah kamu tidak takut kepadanya?”

“Saya hanya takut kepada Allah kerana Dia lebih berkuasa daripada al-Hajjaj.”

Jawapan Anas situ membuat gabenor Madinah marah lalu menyuruh Anas segera beredar dari kediamannya yang cantik itu. Ketegasan Anas tidak mahu membekalkan anak panah kepada al-Hajjaj itu mendapat pujian penduduk kota Madinah.

“Saya juga pernah menolak permintaan al-Hajjaj bagi menjahit pakaiannya. Dia seorang pemimpin yang zalim. Kita tidak boleh membantunya,” kata seorang tukang jahit pula.

Nama Anas semakin dikenali ramai. Jiran tetangga senang hati dengan pasangan suami isteri itu kerana mereka menunjukkan sikap yang baik serta pandai menghormati orang lain. Walau kehidupan mereka sederhana namun tidak pernah meminta apatah lagi menyusahkan sesiapa. Namun ada sesuatu yang menghairankan mereka.

“Benarkah Siti Aliyah sudah mengandungkan anaknya selama dua tahun?” tanya Rokiah salah seorang jirannya.

“Bukan dua tahun kerana ada yang mengatakan dia sudah mengandung selama tiga tahun,” jawab Aisyah.

“Saya pernah bertanya kepada Siti Aliyah mengenai kandungannya. Jawabnya memang sudah melebihi dua tahun. Namun dia tidak pasti tarikh yang sebenar,” kata yang lain pula.

“Mungkin tersilap kira kerana tidak pernah berlaku perempuan mengandung sampai tiga tahun,” sanggah seorang lagi.

“Sekiranya sebulan ataupun dua bulan mungkin tersilap kira. Tetapi mustahil tiga tahun boleh tersilap kira,” bantah Rokiah yang percaya jirannya itu sudah mengandungkan anaknya selama tiga tahun.

“Perkara begitu jarang berlaku tetapi tidak mustahil berlaku,” kata al-Uzdi, seorang perempuan yang paling tua antara mereka.

Menurutnya, di kalangan masyarakat Arab memang pernah berlaku mengandung lebih dari setahun.

“Anak yang dikandung lebih setahun memiliki banyak kelebihan, antaranya memiliki otak yang pintar. Dia juga tidak mudah mendapat penyakit gila,” kata perempuan tua itu. Barulah masing-masing percaya.

Tidak lama kemudian Siti Aliyah melahirkan seorang bayi lelaki yang elok paras rupanya. Lalu anak itu dinamakan Abdul Malik. Anas dan Siti Aliyah memelihara anak mereka dengan penuh kasih sayang.

“Semoga anak ini menjadi orang yang alim seperti Abu Amir bin Amru,” kata Anas dengan penuh pengharapan.

Menurut sejarahnya, moyang mereka Abu Amir berasal dari Yaman kemudian merantau ke Madinah bagi mencuba nasib membina kehidupan baharu. Ketika di Madinah beliau bertemu dengan Nabi Muhammad SAW lalu memeluk agama Islam. Abu Amir menyertai setiap peperangan bersama Rasulullah kecuali perang Badar.

Selepas Nabi Muhammad SAW wafat, ramai yang menjadi murtad malah ada yang mengaku menjadi nabi. Tetapi Abu Amir tetap berpegang teguh pada apa yang diajar Nabi Muhammad. Beliau antara penganut agama Islam yang taat.

Semasa pemerintahan khalifah Abu Bakar as-Siddiq, Abu Amir menyertai pahlawan Islam memerangi mereka yang murtad dan enggan membayar zakat. Semasa pemerintahan Umar al-Khattab, Abu Amir menyertai tentera Islam menakluki Baitulmaqdis.

Semasa pemerintahan khalifah Uthman Affan, Abu Amir diberi kepercayaan sebagai salah seorang yang ditugaskan mengumpulkan Quran. Malah selepas khalifah Uthman Affan dibunuh, Abu Amir berserta kawan-kawannya melarikan jenazah khalifah Uthman Affan supaya tidak jatuh ke tangan penentang. Abu Amir turut memandi, mengkafankan dan menyembahyangkan jenazah sebelum dikebumikan di satu tempat rahsia.

“Semenjak itu ayah dan datuk saya menjadi buruan orang bani Umaiyah kerana mereka hendak tahu siapa yang membunuh khalifah Uthman Affan,” kata Anas.

Menurut Anas lagi, apabila berlaku perselisihan faham antara khalifah Ali bin Abi Talib dengan Muawiyah bin Abi Sufian, Abu Amir menyertai pasukan Ali. Jadi dia dimusuhi bani Umaiyah.

“Menurut ayah saya, Abu Amir selalu berdoa semoga ada di kalangan zuriatnya yang menjadi orang yang alim. Maka ayah saya menjadi orang yang alim. Saya juga berdoa semoga anak kita menjadi orang alim seperti datuknya,” kata Anas.

“Adinda juga berdoa semoga anak kita ini menjadi anak yang soleh, bertakwa serta berilmu pengetahuan,” kata Siti Aliyah pula.

Siti Aliyah juga berasal dari Yaman. Semasa kecil dia dibawa ibu dan ayahnya berhijrah ke kota Madinah. Apabila meningkat remaja, dia dikahwinkan dengan Anas. Kehidupan mereka bertambah bahagia dengan kelahiran seorang cahaya mata.

Abdul Malik membesar dengan sihat. Kulitnya merah kekuningan. Mukanya tampak bersih. Dia dibesar serta dididik dengan penuh kasih sayang.

“Moyang kamu Abu Amir pernah hidup bersama Nabi Muhammad SAW. Beliau juga hidup pada zaman pemerintahan khalifah Abu Bakar as-Siddiq, khalifah Umar al-Khatab dan khalifah Uthman Affan. Beliau meninggal dunia semasa pemerintahan khalifah Ali bin Abi Talib. Moyang kamu itu seorang yang alim. Kamu patut mencontohinya,” kata Siti Aliyah kepada anaknya.

Siti Aliyah juga sering bercerita tentang kehebatan datuknya Malik bin Abu Amir, ulama besar daripada generasi tabiin. Beliau banyak meriwayatkan hadis daripada Umar al-Khattab, Uthman Affan, Ali bin Abi Talib, Talhah bin Ubaidillah dan beberapa sahabat Nabi Muhammad SAW yang sempat ditemuinya ketika itu.

“Anakku, moyang kamu sahabat Nabi Muhammad SAW. Datuk kamu ulama besar. Kamu juga perlu mencontohi mereka. Jadilah orang alim yang memiliki banyak ilmu pengetahuan.” Seringkali kata-kata itu diulang Siti Aliyah kepada anaknya.

Berkat doa dan didikan daripada seorang ibu yang solehah, anak kecil itu sudah menunjukkan sifat-sifat yang baik.

“Kakanda, anak kita Abdul Malik sudah pandai membaca Quran. Bawalah dia berguru dengan orang alim di kota Madinah ini. Semoga dia menjadi orang yang berilmu pengetahuan,” kata Siti Aliyah kepada suaminya Anas.

“Adinda, terima kasih kerana mendidik anak kita dengan baik. Pada waktu siang kakanda sibuk mencari rezeki. Pada waktu malam sibuk beramal ibadat. Jadi kakanda bersetuju anak kita itu berguru dengan orang alim,” kata Anas pula.

“Usah dilengahkan lagi, kakanda. Sekiranya boleh, esok kakanda bawa anak kita itu berguru dengan orang alim yang paling kakanda percayai,” kata Siti Aliyah.

Anas bersetuju dengan cadangan isterinya. Pada keesokan harinya dia membawa Abdul Malik bertemu dengan Imam Abdul Rahman bin Harmuz, seorang alim di kota Madinah.

Sebaik sahaja melihat wajah Abdul Malik, Imam Abdul Rahman sudah jatuh rasa sayang kepadanya. Dia menyatakan persetujuannya menerima Abdul Malik sebagai anak muridnya.

“Ajarlah anak saya ini dengan ilmu agama semoga berkat hidupnya di bawah asuhan tuan,” kata Anas dengan penuh harapan.

“Firasat saya mengatakan, apabila anak ini dewasa dia akan menjadi seorang ulama,” kata Imam Abdul Rahman yang juga mahir dalam ilmu firasat.

Sejak itu Imam Malik berguru pada Imam Abdul Rahman bin Harmuz. Itulah guru pertamanya.

“Tuan Imam, bagaimana dengan anak saya Abdul Malik? Sekiranya dia malas belajar saya benarkan tuan merotannya,” kata Anas yang datang berkunjung ke rumah Imam Abdul Rahman.

“Dia seorang pelajar yang tekun. Dalam masa yang singkat dia sudah dapat menghafal beberapa surah daripada Quran. Saya yakin tidak lama lagi dia dapat menghafal keseluruhan Quran,” kata Imam Abdul Rahman sambil memuji Abdul Malik.

“Alangkah gembira hati saya mendengarnya. Sebagai tanda kesyukuran dan kegembiraan, saya harap tuan sudi menerima hadiah ini,” kata Anas lalu memberikan 500 dirham kepada Imam Abdul Rahman.

“Maafkan saya kerana tidak dapat menerima pemberian itu kerana saya lebih mengharapkan ganjaran daripada Allah. Simpanlah duit itu bagi

perbelanjaan pelajaran anak kamu di kemudian hari. Dia perlu belajar dengan ramai ulama supaya dadanya penuh dengan ilmu yang bermanfaat," kata Imam Abdul Rahman.

Bab 2 Mahu Menjadi Terkenal

Penduduk kota Madinah berasa sangat gembira apabila khalifah Umar bin Abdul Aziz datang bagi menziarahi makam Rasulullah SAW. Orang ramai keluar menyambut kedatangannya secara besar-besaran. Beberapa hari sebelum itu, gabenor mengarahkan supaya kota Madinah dihias indah bagi menyambut kedatangan khalifah yang disayangi ramai itu. Tambahan pula khalifah Umar bin Abdul Aziz lahir di Madinah dan pernah menjadi gabenor kota itu. Imam Malik turut menyambut kedatangan pemimpin kesayangan ramai itu.

"Khalifah Umar bin Abdul Aziz seorang khalifah yang adil. Jadi orang ramai sayang dan hormat kepadanya," puji Anas, bapa Imam Malik.

Menurut bapanya, selepas Umar bin Abdul Aziz dilantik menjadi khalifah, beliau memerintahkan semua gabenor dan pegawai kerajaan bersikap adil kepada rakyat. Mereka yang ingkar ataupun melakukan kezaliman dipecat dan digantikan dengan mereka yang paling layak. Para petani berasa gembira kerana cukai tanah dihapuskan. Peniaga juga gembira kerana cukai jualan dihapuskan. Mereka diwajibkan membayar zakat sahaja. Rakyat jelata tidak lagi merasa ditindas. Fakir miskin dan mereka yang dalam kesusahan juga diberi bantuan.

Apa yang lebih menggembirakan rakyat adalah apabila tanah dan harta yang dirampas oleh khalifah Bani Umaiyah sebelumnya dipulangkan semula kepada pemilik asalnya. Sekiranya pemilik asal sudah meninggal dunia, maka harta itu diserahkan kepada baitulmal.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz juga menegakkan syariat Islam dengan melaksanakan undang-undang Islam. Pasukan tentera diwajibkan mengerjakan sembahyang lima waktu. Masjid dibina lebih banyak bagi memudahkan orang ramai bersembahyang berjemaah.

"Ayah dan saudagar Muaz pernah pergi ke kota Baghdad. Kami pergi ke rumah khalifah Umar bin Abdul Aziz. Alangkah terkejutnya kami kerana beliau dan keluarganya tidak duduk di dalam istana tetapi rumah biasa sahaja. Beliau dan keluarganya memilih hidup sederhana. Berbeza dengan

khalifah sebelumnya yang hidup mewah dan kaya-raya," kata Anas memuji kebaikan khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Kisah khalifah yang adil itu menarik minat Imam Malik mendengarnya. Bertambah lagi keinginannya mahu melihatnya dari dekat. Tambahan pula selain ayahnya, gurunya juga sering memuji khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Pada hari yang ditetapkan, orang ramai berbaris panjang dari gerbang masuk kota Madinah hingga sampai di Masjid Nabi. Masing-masing mahu menatap wajah khalifah Umar bin Abdul Aziz dari dekat.

Tidak lama kemudian, khalifah berserta beberapa orang pengiringnya sampai. Beliau turun dari kuda tunggangannya lalu berjalan kaki memasuki kota Madinah. Orang ramai mengambil kesempatan bersalaman dengannya.

"Ayahanda, khalifah cuma memakai pakaian biasa berbanding gabenor yang memakai pakaian yang mahal," kata Imam Malik.

"Sebelum menjadi khalifah, Umar bin Abdul Aziz juga suka memakai pakaian yang mahal. Kehidupannya mewah. Tetapi selepas menjadi khalifah beliau memilih cara hidup yang paling sederhana. Pakaiannya daripada jenis kain yang murah. Dia lebih suka memakan roti kering dan rumahnya juga sederhana," jawab Anas.

"Mengapa begitu?" tanya Imam Malik.

"Katanya, dia dan keluarganya pernah hidup mewah. Apabila dilantik menjadi khalifah beliau mahu mencontohi moyangnya khalifah Umar al-Khattab. Itulah pilihannya," jawab Anas.

Selama beberapa hari berada di kota Madinah, khalifah Umar bin Abdul Aziz mengambil kesempatan mendengar aduan orang ramai. Sebelum pulang ke kota Baghdad beliau sempat membuat beberapa perkara demi kebajikan orang ramai.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz mengarahkan supaya gabenor memberi bantuan kepada fakir dan miskin melalui harta baitulmal. Selain itu didirikan dapur awam di beberapa tempat bagi memberi makanan percuma kepada fakir miskin dan musafir. Segala perbelanjaannya ditanggung daripada harta baitulmal. Orang ramai berasa gembira.

Namun tidak lama kemudian mereka mendapat khabar sedih bahawa khalifah yang adil itu meninggal dunia akibat diracun oleh khadamnya. Orang ramai meratapi pemergiannya. Kisah khalifah yang adil itu sentiasa diingati oleh Imam Malik. Dia juga mahu menjadi terkenal sepertinya.

Tahun demi tahun berlalu, Imam Malik semakin meningkat remaja. Khalifah Bani Umaiyah juga silih berganti. Kini tampuk pemerintahan dipegang oleh khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

"Beberapa hari sahaja lagi akan diadakan pertandingan nyanyian di kota Baghdad. Saya bersama keluarga akan ke sana bagi menontonnya. Apakah awak tidak mahu menyertai kami?" tanya Basri kawan Imam Malik.

"Teringin juga saya mahu pergi ke sana. Tetapi saya perlu mendapat izin daripada ayah dan ibu dahulu," jawab Imam Malik.

"Awak mintalah izin daripada mereka. Saya harap kita boleh sama-sama pergi ke sana," kata Basri sambil tersenyum.

Imam Malik segera pulang ke rumah lalu meminta izin daripada ibunya. Ternyata Aliyah keberatan melepaskan anaknya pergi.

"Hanya orang kaya yang dapat menonton pertandingan nyanyian itu. Orang miskin seperti kita tidak boleh," dalih ibu Imam Malik.

"Semua perbelanjaan ditanggung keluarga Basri. Tambahan pula mereka yang ajak saya pergi bersama," kata Imam Malik.

"Tidakkah kamu berasa malu meminta belas kasihan orang bagi menonton pertandingan nyanyian? Ayah kamu tentu tidak benarkan," tegas Aliyah. Imam Malik terpaksa akur dengan keputusan ibunya walaupun keinginannya begitu kuat mahu pergi menonton pertandingan nyanyian.

"Balik dari kota Baghdad nanti saya akan ceritakan kepada awak apa yang saya saksikan," janji Basri sambil memujuk Imam Malik supaya bersabar menunggu kepulangannya.

Basri dan keluarganya pergi ke kota Baghdad menaiki kuda. Tambahan pula mereka keluarga yang kaya. Di kota Baghdad persiapan sudah dibuat bagi mengadakan pertandingan nyanyian itu. Sebuah pentas dibina di satu kawasan lapang berhampiran dengan pasar. Orang ramai membanjiri

kawasan bagi menyaksikan pertandingan nyanyian. Keadaan menjadi lebih meriah apabila khalifah Hisyam bin Abdul Malik turut datang menyaksikannya.

Seramai 40 penyanyi handalan dari seluruh tanah jajahan khalifah Hisyam datang bagi mencuba nasib. Selepas pertandingan berlangsung, tiga penyanyi yang menduduki tempat pertama, kedua dan ketiga diumumkan. Apabila pulang ke kota Madinah, Basri pun menceritakan kemeriahan pertandingan nyanyian itu kepada Imam Malik.

"Semua penyanyi yang mengambil bahagian mendapat hadiah daripada khalifah. Tetapi penyanyi yang berada di tempat pertama mendapat hadiah paling banyak. Dia dihadiahkan sebuah rumah dan duit sebanyak seratus ribu dirham. Penyanyi-penyanyi itu juga mendapat hadiah setiap kali dijemput membuat persembahan nyanyian. Jadi ramai yang mengatakan sesiapa yang menjadi penyanyi dapat hidup senang. Malah ada yang kaya-raya." Kata-kata Basri itu menarik perhatian Imam Malik.

"Teringin juga saya melihat penyanyi itu. Alangkah baiknya sekiranya mereka datang ke kota Madinah," katanya.

"Oh ya, baru saya teringat. Semua penyanyi itu akan dibawa mengerjakan umrah oleh pihak penganjur. Mereka juga akan datang ke Madinah bagi menziarahi makam Rasulullah. Ini peluang awak melihat mereka dari dekat," kata Basri.

Berita kedatangan penyanyi-penyanyi itu menarik perhatian penduduk kota Madinah. Gabenor mengarahkan supaya dibuat persiapan menyambut kedatangan mereka. Tambahan pula khalifah yang menanggung semua perbelanjaan. Kota Madinah dihias indah seolah-olah mahu menyambut kedatangan pembesar negara.

Pada hari yang ditetapkan, orang ramai keluar bagi menyambut kedatangan penyanyi-penyanyi itu. Mereka mempunyai peminat yang ramai. Semasa berada di Masjid Nabi orang ramai juga memberi perhatian kepada biduan itu. Imam Malik begitu kagum melihat sambutan orang ramai terhadap penyanyi pujaan mereka.

"Bukankah benar seperti yang saya katakan, menjadi seorang biduan itu lebih disanjung orang ramai dan boleh menjadi kaya-raya?" kata Basri yang

turut berasa gembira dengan kedatangan penyanyi-penyanyi pujaannya itu.

"Benar kata awak. Saya turut berasa kagum dengan kehebatan para biduan itu," ujar Imam Malik.

"Tahukah awak bahawa sesiapa sahaja dapat menjadi biduan? Apatah lagi sekiranya memiliki suara yang merdu dan wajah yang menarik," kata Basri lagi.

"Apakah awak juga bercita-cita menjadi seorang biduan?" tanya Imam Malik pula.

"Sudah tentu kerana ayah dan ibu saya tidak menghalangnya. Tambahan pula saya memiliki suara yang merdu dan wajah yang kacak. Apakah awak tidak perasan kelebihan saya?" tanya Basri pula sambil tersenyum simpul.

"Bagaimana pula dengan saya?" tanya Imam Malik.

Basri kelihatan seperti serba salah mahu menjawabnya. Tetapi kemudiannya dia berkata dengan nada suara yang mendatar, "Sebaik-baiknya jangan ada persaingan antara kita. Maksud saya, saya menjadi penyanyi maka awak terpaksa memilih bidang lain."

Namun dalam diam-diam Imam Malik menyimpan cita-cita menjadi penyanyi. Tambahan pula dia tidak pernah ketinggalan menyaksikan persembahan nyanyian penyanyi-penyanyi itu.



726.jpg

"Ibu, orang ramai menyaksikan persembahan nyanyian penyanyi-penyanyi itu. Tetapi mengapa ayah dan ibu tidak turut serta?" tanya Imam Malik kepada ibunya.

"Bukan ayah dan ibu sahaja yang tidak mahu menyaksikan persembahan penyanyi-penyanyi itu, malah ramai penduduk Madinah yang tidak setuju dengan kunjungan mereka di tanah suci ini. Tetapi mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana kedatangan penyanyi-penyanyi itu ditaja oleh khalifah," jawab Aliyah, ibu Imam Malik.

“Tidakkah ibu tahu, ramai penduduk kota Madinah yang datang menyaksikan persembahan biduan itu? Mereka sanggup membayar bagi menonton persembahan mereka walaupun harganya mahal. Tetapi kanak-kanak yang sebaya dengan saya tidak dikenakan apa-apa bayaran. Jadi saya dapat menyaksikannya secara percuma,” kata Imam Malik sambil menyatakan rasa kagumnya.

Aliyah kelihatan kurang senang mendengarnya lalu berkata, “Tidakkah kamu tahu, ayah kamu tidak suka dengan nyanyian kerana ia boleh melalaikan?”

“Tidakkah ibu tahu menjadi biduan itu disanjung ramai dan hidupnya mewah? Khalifah sayang kepada mereka dan sering dijemput datang ke istana bagi membuat persembahan. Kemudian mereka dikurniakan hadiah yang banyak,” kata Imam Malik pula.

Aliyah semakin berasa tidak senang hati dengan kata-kata anak kesayangannya itu. Namun dia faham anaknya itu baru belasan tahun. Banyak perkara yang perlu dipelajari bagi mematangkan fikirannya.

“Ibu, apabila besar nanti saya mahu menjadi seorang penyanyi. Saya akan disanjung orang ramai. Hidup saya mewah dan kaya-raya,” kata Imam Malik meluahkan hasrat hatinya.

Aliyah termenung seketika, mahu mencari kata-kata yang paling sesuai bagi menyedarkan anak kesayangannya itu. Dia tidak mahu anaknya menjadi seorang penyanyi. Namun dia perlu mencari alasan yang penuh hikmah bagi menyedarkan anaknya.

“Wahai anakku, bukankah biduan yang kamu lihat itu memiliki paras rupa yang menawan? Suaranya lunak merdu memukau orang ramai?” tanya Aliyah penuh hikmah.

“Benar ibu,” jawab Imam Malik sambil menceritakan betapa kacak dan tampannya mereka yang menjadi biduan itu.

“Tidakkah kamu tahu kamu tidak layak menjadi seorang biduan kerana wajah kamu tidak tampan dan suara kamu tidak merdu? Hanya mereka yang cantik dan suaranya merdu layak menjadi penyanyi,” kata Aliyah dengan harapan anaknya akan terpengaruh dengan kata-katanya.

“Tetapi, ramai kawan-kawan mengatakan saya memiliki wajah yang tampan. Ramai juga yang mengatakan suara saya merdu apabila membaca ayat-ayat suci Quran,” kata Malik pula.

“Adakah kamu lebih mempercayai kata-kata kawan-kawan kamu daripada kata-kata ibu sendiri? Wahai anakku, ibu ini yang mengandungkan kamu. Ibu yang melahir serta membesarkan kamu. Kawan-kawan kamu boleh mengkhianati kamu. Tetapi ibu tidak akan mengkhianati kamu. Percayalah,” kata Aliyah bersungguh-sungguh bagi meyakinkan anaknya.

“Saya percaya dengan kata-kata ibu.”

“Ibu mahu kamu menjadi seorang ulama, bukannya seorang penyanyi. Ulama tidak memerlukan wajah yang cantik dan suara yang merdu. Syaratnya perlu ada ilmu pengetahuan. Jadi kamu perlu belajar bersungguh-sungguh supaya menjadi orang yang berilmu pengetahuan.”

Akhirnya Imam Malik akur dengan kata-kata ibunya. Sejak itu dia tidak pernah lagi bercita-cita mahu menjadi seorang penyanyi.

Bab 3 Dalam Kepayahan Ada Kesenangan

“Ayah... ibu, sudah lama saya berguru dengan ulama besar Madinah, Imam Abdul Rahman Hurmuz. Dengan izin Tuhan saya sudah dapat menghafal Quran. Sekarang sudah sampai masanya untuk saya mempelajari ilmu fikah pula,” kata Imam Malik sambil meluahkan cita-citanya mahu berguru dengan ulama-ulama fikah yang terdapat di kota Madinah.

“Ayah dan ibu berasa gembira kerana kamu belajar bersungguh-sungguh dengan ulama besar Madinah. Berkenaan kemahuan mempelajari ilmu fikah itu kami merestuinya. Siapakah ulama fikah pilihanmu bagi dijadikan guru?” tanya Anas pula.

Walaupun namanya sama dengan seorang sahabat Nabi Muhammad, Anas bin Malik, namun dia bukan seorang ulama. Dia cuma orang biasa. Tetapi dia mahu anaknya Malik mengikut jejak langkah datuk dan moyangnya.

“Di Madinah ini terdapat beberapa orang ulama fikah yang terkenal. Saya mahu berguru dengan mereka semua. Sebagai permulaan, saya memilih berguru dengan Rabi’ah al-Rai,” jawab Malik.

“Mengapa dia yang menjadi pilihanmu?” tanya Anas lagi.

“Rabi’ah al-Rai itu ulama fikah yang paling tua di kota Madinah. Dia pernah hidup pada zaman khalifah ar-Rasyidin. Jadi dia menjadi pilihan pertama saya,” jawab Malik.

“Apakah anakanda sudah maklumkan perkara ini kepada gurumu Imam Abdul Rahman?” tanya Anas lagi.

“Belum lagi kerana saya perlu berbincang dengan ayah dan ibu dahulu. Selepas mendapat persetujuan baru saya akan memaklumkannya kepada Imam Abdul Rahman,” jawab Malik.

Petang itu selepas sembahyang Asar, Anas menemani anaknya berjumpa dengan Imam Abdul Rahman Hurmuz. Beliau senang hati selepas

mendengar kata-kata Anas dan hasrat hati Malik mahu mempelajari ilmu fikah. Tambahan pula beliau sudah berguru dengannya serta sudah menghafal Quran. Itu memudahkan lagi Malik mempelajari ilmu fikah.

"Bagi menjadi seorang ulama, kamu perlu mempelajari ilmu Quran, ilmu hadis dan ilmu fikah. Jadi saya menyokong hasrat kamu berguru kepada Rabi'ah al-Rai. Dia seorang yang mahir dalam ilmu fikah," kata Imam Abdul Rahman Hurmuz.

Keesokan harinya Imam Malik dengan ditemani ayahnya berjumpa Rabi'ah al-Rai. Beliau dengan senang hati menerima Malik menjadi anak muridnya. Mulai hari itu Imam Malik menuntut ilmu fikah. Dia begitu tekun mempelajarinya hingga sering mendapat puji-pujian daripada gurunya.

Pada suatu petang Anas pulang ke rumah dalam keadaan gembira. Menurut Anas, semasa dalam perjalanan pulang ke rumah dia bertemu dengan Rabi'ah al-Rai.

"Rabi'ah al-Rai mengatakan anak kita Malik begitu tekun mempelajari ilmu fikah. Walaupun dia pelajar yang paling muda tetapi kecerdasan otaknya melebihi pelajar yang lain. Kakanda berasa sangat gembira," kata Anas sambil meluahkan kegembiraannya.

"Adinda juga berasa gembira. Bersyukur kepada Tuhan yang mengurniakan kita seorang anak lelaki yang baik. Semoga apabila dewasa kelak dia menjadi seorang ulama," puji Aliyah pula.

"Kakanda perlu bekerja keras mencari duit bagi perbelanjaan anak kita menuntut ilmu," kata Anas pula.

"Kesihatan kakanda juga perlu dijaga. Sekiranya ada apa-apa, anak kita turut susah hati," nasihat Aliyah.

Beberapa bulan sudah berlalu. Pada suatu hari Anas jatuh sakit. Walaupun sudah berubat namun penyakitnya semakin teruk, akhirnya beliau meninggal dunia.

"Anakku, cuma rumah ini harta peninggalan bapamu. Namun hidup ini perlu diteruskan," kata Aliyah kepada anaknya.

Kemudian katanya lagi, “Ayahmu selalu berkata, harta yang paling berharga dalam hidupnya adalah kamu. Dia mahu kamu menjadi orang yang berilmu. Walaupun dia pergi tanpa meninggalkan harta tetapi dia meninggalkan seorang anaknya yang penuh dengan ilmu.”

“Ibu, walaupun ayah sudah tiada namun saya mahu terus menuntut ilmu. Masih ramai ulama yang belum anakanda temui. Anakanda mahu berguru pada mereka,” kata Malik pula.

“Ibu restui keinginanmu itu. Cuma yang ibu bimbang sekiranya kemiskinan kita menghalang kamu menuntut ilmu,” Aliyah meluahkan kebimbangan dalam hatinya.

“Sesungguhnya ilmu itu kepunyaan Allah. Dia pasti memberi jalan kepada sesiapa sahaja yang mahu menuntut ilmuNya. Anakanda tetap terus mahu menuntut ilmu walau dalam keadaan apa sekalipun. Anakanda berserah kepadaNya.” Malik meluahkan tekadnya.


Walaupun ayahnya sudah tiada dan hidup dalam serba kemiskinan, Malik meneruskan juga cita-citanya menuntut ilmu. Dia terus berguru pada Rabi’ah. Baginya kemiskinan bukan penghalang cita-citanya menuntut ilmu.

“Anakku, bagaimana dengan pelajaran kamu?” tanya Aliyah pada suatu malam.

“Saya sedang mempelajari ilmu fikah. Inilah bidang ilmu yang paling saya minat. Doakan kejayaan saya,” jawab Malik.

“Ibu tahu kamu begitu tekun belajar. Ibu sentiasa mendoakan kejayaan kamu. Cuma yang ibu bimbang, apakah guru kamu masih mahu mengajar apabila kita tidak mampu memberinya apa-apa?”

“Guru saya tidak pernah meminta apa-apa bayaran daripada anak muridnya. Namun apabila ada yang memberi hadiah ataupun sedekah, tetap diterimanya. Sejak ayah meninggal dunia, guru menjadi semakin rapat dengan saya. Mungkin dia bersimpati kepada keadaan kita.” Barulah senang hati Aliyah mendengarnya.



738.jpg

Malam itu langit mendung. Sebutir bintang pun tidak kelihatan. Ada tanda-tanda hujan lebat akan turun. Menjelang tengah malam, hujan turun mencurah-curah disertai dengan angin kencang. Tiba-tiba bumbung rumah mereka roboh dilanda angin kencang. Mujur Malik dan ibunya terselamat.

"Anakku, kita perlu membaiki bumbung rumah kita. Sedangkan kita tidak mempunyai duit. Apa cadangan kamu?" tanya Aliyah pada keesokan harinya.

"Benar ibu. Bagi membaiki rumah ini, kita memerlukan seorang tukang rumah yang mahir. Jadi kita perlukan duit bagi membayar upahnya. Selain itu ada pula kayu dan atap yang perlu diganti. Kita tidak mampu membelinya. Saya mencadangkan supaya...." Malik ragu-ragu mahu meneruskan kata-katanya bimbang menyinggung hati ibunya.

"Apa cadangan kamu?" desak Aliyah.

"Kita perlukan duit bagi perbelanjaan kita. Satu-satunya cara bagi mendapatkan duit adalah dengan menjualkan kayu-kayu bumbung rumah ini. Saya yakin ada yang mahu membelinya bagi dijadikan kayu api," kata Malik mengemukakan cadangannya.

Aliyah terdiam mendengar cadangan anaknya. Agak lama juga dia termenung memikirkannya. Malik berasa serba salah, bimbang ibunya tersinggung. Namun itu sahaja cara yang ada.

"Ibu sayangkan rumah ini kerana inilah satu-satunya harta peninggalan arwah ayah kamu kepada kita. Tambahan pula rumah ini banyak meninggalkan kenangan manis dalam hidup bonda." Akhirnya Aliyah bersuara selepas agak lama termenung.

"Sekiranya begitu mari kita sama-sama baiki rumah ini. Kita buat sedaya upaya kita," kata Malik pula.

"Kita pasti tidak mampu melakukannya," ujar Aliyah dengan nada suara yang sayu.

"Mahukah ibu sekiranya saya meminta bantuan daripada jiran-jiran kita bagi membaiki rumah ini? Mereka tentu mahu membantunya," kata Malik pula.


“Ibu tidak mahu menyusahkan orang lain. Bukankah selama ini pun kita tidak pernah meminta apa-apa daripada mereka? Hanya kepada Tuhan tempat kita mengadu serta memohon pertolongan.”

“Sekiranya begitu, apa keputusan ibu?” tanya Malik.

“Benar seperti katamu tadi, kita memerlukan duit bagi membeli barang-barang keperluan dan perbelanjaan kamu bagi belajar. Jadi ibu setuju kita jual kayu bumbung rumah ini,” jawab ibunya.

“Buat sementara waktu kita boleh menumpang tidur di masjid sehingga datang pertolongan Tuhan kepada kita,” kata Malik.

Mereka pun mengumpulkan kayu-kayu bumbung rumah, kemudian membawanya ke pasar bagi dijual. Hasil jualan kayu itu dapatlah mereka gunakan bagi membeli barang-barang keperluan.



743.jpg

“Sudah tiga hari kamu tidak datang belajar. Apakah yang menghalang kamu daripada datang menuntut ilmu daripada saya?” tanya Rabi’ah.

Malik memberitahu gurunya yang dia membantu ibunya menjual kayu bumbung rumah mereka di pasar. Rabi’ah berasa sangat kasihan lalu berkata, “Kamu teruslah belajar dengan saya. Saya tidak akan menerima apa-apa bayaran daripada kamu.”

Kisah dua beranak itu yang terpaksa menjual kayu bumbung rumah mereka sampai ke pengetahuan Abdullah bin Masud. Beliau segera menemui Malik.

“Bukankah di Madinah ini ramai orang kaya dan hartawan? Sekiranya kamu meminta pertolongan daripada mereka pasti ramai yang sanggup membantu,” kata Abdullah bin Masud.

“Kami tidak mahu meminta-minta daripada sesiapa selain daripada Allah. Kami lebih rela menjual kayu bumbung rumah kami daripada meminta belas kasihan orang lain,” kata Malik pula.

“Kamu bermalam di masjid?” tanya Abdullah bin Masud lagi.

“Masjid itu rumah Allah. Ia dapat dijadikan tempat persinggahan para musafir dan mereka yang tidak mempunyai rumah,” jawab Malik.

“Saya mempunyai dua buah rumah. Bawalah ibu kamu mendiami salah sebuah daripada rumah itu. Saya tidak akan meminta apa-apa bayaran,” kata Abdullah bin Masud.

“Terima kasih atas pelawaan tuan. Tetapi saya perlu berbincang dahulu dengan ibu saya.”

“Pergilah berbincang dengan ibu kamu sekarang juga. Saya menunggu apa keputusan kamu.”

Malik segera berbincang dengan ibunya. Menurut Malik, lebih baik mereka menerima tawaran itu kerana mereka memerlukan tempat kediaman yang lebih selesa. Dengan adanya tempat kediaman sendiri tentu lebih memudahkan dia mengulang kaji pelajarannya. Aliyah akhirnya akur dengan kehendak anaknya. Mereka segera menemui Abdullah bin Masud.

“Kami bersetuju menerima tawaran kamu tetapi dengan satu syarat,” kata Aliyah.

“Apa syaratnya?” tanya Abdullah bin Masud.

“Kamu sewakan rumah itu kepada kami,” jawab Aliyah.

“Saya tidak akan meminta apa-apa bayaran daripada kamu.”

“Kami tidak mahu hidup atas belas kasihan sesiapa. Sewakan sahaja rumah itu kepada kami ataupun kami terpaksa menolak tawaran kamu,” tegas Aliyah.

“Baiklah sekiranya itu permintaan kamu. Saya tidak akan menetapkan berapa jumlah sewanya. Terserah pada kemampuan kamu bagi membayarnya,” kata Abdullah bin Masud.

Sejak itu Imam Malik dan ibunya tinggal di rumah Abdullah bin Masud. Seperti yang dijanjikan, pada setiap bulan mereka membayar sewa rumah mengikut kemampuan.

Pada suatu hari Imam Malik pulang ke rumah dengan wajah yang sedih. Ibunya lantas bertanyakan sebabnya.

“Guruku Imam Rabi’ah sakit. Dia tidak mampu lagi mengajar ilmu fikah. Saya berasa sangat sedih,” kata Malik.

“Berdoalah kepada Tuhan semoga guru kamu itu cepat sembuh,” pujuk Aliyah sambil berusaha menenangkan hati anaknya.

“Ibu, bolehkah saya menziarahi guru yang sedang sakit itu pada setiap hari?” tanya Malik.

“Boleh,” jawab Aliyah.

Keesokan harinya Imam Malik berada di samping gurunya yang sedang sakit. Dia berusaha meredakan kesakitan gurunya dengan melakukan apa sahaja yang disuruh. Perkara itu dilakukannya pada setiap hari. Imam Rabi’ah berasa terharu kerana Imam Malik satu-satunya anak murid yang begitu menyayanginya.

“Walaupun saya sedang sakit tetapi saya masih boleh mengajar kamu. Sebelum saya meninggal dunia, saya akan curahkan segala ilmu yang ada kepada kamu,” kata Rabi’ah.

“Terima kasih,” ujar Malik.

Selama Imam Rabi’ah sakit, Malik menziarahinya setiap hari. Di samping itu dia dapat menuntut ilmu daripada ulama itu. Imam Rabi’ah juga menyayangi Malik. Sebelum meninggal dunia, dia sempat menghadiahkan anak murid kesayangannya itu wang sebanyak 400 dirham.

“Gunakan duit itu dengan sebaik-baiknya,” pesan Imam Rabi’ah.

Malik berasa sedih dengan kehilangan gurunya itu. Namun dia berasa paling beruntung kerana dapat menimba segala ilmu fikah daripada gurunya sebelum meninggal dunia.

“Ibu, guruku Imam Rabi’ah memberi duit sebanyak empat ratus dirham. Dia berpesan supaya duit pemberiannya itu digunakan dengan sebaik-baiknya,” kata Malik.

“Apakah rancangan kamu?” tanya ibunya pula.

“Saya mahu berniaga. Wang sebanyak 400 dirham itu dapat dijadikan modal permulaan,” jawab Malik.

“Boleh ibu tahu mengapa kamu mahu berniaga?” tanya Aliyah.

“Ramai yang berniaga menjadi kaya-raya. Hidup mereka senang. Jadi saya mahu berniaga supaya dapat mengubah kehidupan kita,” jawab Malik berterus terang.

“Apakah harta yang banyak itu dapat membantu kamu di akhirat kelak?” tanya Aliyah lagi. Malik tidak menjawab.

Aliyah menyambung kata-katanya, “Anakku, ibu lebih suka kamu menjadi seorang ulama. Moyang kamu Abu Amir seorang sahabat Rasulullah. Datuk kamu Malik bin Abu Amir seorang ulama. Ibu mahu kamu juga menjadi seorang ulama,” tegas Aliyah.

“Ibu, dalam tangan anakanda ada wang sebanyak 400 dirham. Tidak pernah kita memiliki wang sebanyak itu. Jadi kita perlu gunakan dengan sebaik-baiknya.” Akhirnya Imam Malik akur dengan kehendak ibunya.

“Mungkin ada di kalangan kawan-kawan kamu yang minat berniaga. Berikan duit itu kepadanya bagi dijadikan modal, dan keuntungannya boleh dibahagi dua,” kata Aliyah mencadangkan.

Imam Malik bersetuju dengan cadangan ibunya. Dia menemui Munzir seorang kenalannya yang berminat dalam perniagaan pakaian. Kedua-duanya bersetuju saling bantu-membantu. Malik memberinya modal sebanyak 400 dirham bagi memulakan perniagaannya. Seperti yang dijanjikan, keuntungannya dibahagi dua. Dengan wang itu dapatlah Malik dan ibunya membeli barang-barang keperluan.

Bab 4 Membuka Kelas Pengajian

Kota Madinah al-Munawwarah tempat yang paling dicintai Imam Malik kerana di situ dia lahir dan dibesarkan. Di situ berkumpulnya alim ulama dan mereka yang pakar dalam bidang ilmu pengetahuan. Apa yang paling utama di situ bersemadinya jasad junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

"Ramai kawan-kawan kita sudah keluar dari kota Madinah. Ada yang berhijrah ke Kufah, Damsyik dan kota Baghdad kerana mencari kehidupan yang baharu. Ada yang berniaga dan tidak kurang yang mencari pekerjaan di kota yang sedang membangun itu. Apakah awak tidak mahu berhijrah ke sana?" tanya al-Hakim kawan baiknya.

"Saya akan terus menetap di Madinah. Cinta dan kasih sayangku cuma pada kota Madinah," jawab Imam Malik.

"Di kota Madinah ini tempat kita menuntut ilmu. Namun kita perlu mencari pekerjaan yang sesuai di luar kerana di sana banyak peluang pekerjaan. Tambahan pula kamu sudah mempelajari banyak ilmu Quran dan ilmu fikah, tentu mudah mendapat pekerjaan," pujuk al-Hakim. Namun pujukan itu tidak dapat mengubah pendirian Imam Malik yang mahu terus menetap di kota Madinah.

Imam Malik terus menetap di kota Madinah. Dia berguru dengan alim ulama yang terdapat di kota itu. Dalam bidang Quran dan ilmu fikah beliau sudah berguru dengan lebih seratus orang guru hingga dia diakui sebagai ahli dalam bidang itu.

Seperti biasa, Masjid Nabi sentiasa dikunjungi orang ramai bagi sembahyang berjemaah serta menziarahi makam Rasulullah. Pagi itu selesai bersembahyang subuh, giliran Ibnu Syibab az-Zuhri memberi kuliah mengenai hadis. Imam Malik begitu tertarik hati mendengarnya lalu terbuka hatinya berguru dengan Ibnu Syibab az-Zuhri.

"Ibu, saya sudah mempelajari ilmu Quran dan ilmu fikah. Saya mahu mempelajari ilmu hadis pula," beritahu Imam Malik kepada ibunya.

"Ibu merestui cita-cita kamu itu. Di Madinah ini ramai guru yang mengajar ilmu hadis. Siapakah yang menjadi pilihanmu?" tanya ibunya pula.

"Ibnu Syibab az-Zuhri," jawab Imam Malik.

"Segeralah menemuinya. Semoga dia berlapang hati menerima kamu sebagai anak muridnya," kata Aliyah dengan rasa gembira.

Petang itu selepas sembahyang asar, Imam Malik bertemu dengan Ibnu Syibab az-Zuhri lalu menyatakan hasratnya mahu menuntut ilmu hadis.

"Menurut sahabatku Imam Abdul Rahman al-Rai, kamu sudah dapat menghafal Quran. Menurut Rabi'ah al-Rai pula kamu sudah dapat menguasai ilmu fikah. Apakah kamu masih belum berpuas hati dengan ilmu yang sudah kamu pelajari?" tanya Ibnu Syibab az-Zuhri.

"Saya mahu mempelajari ilmu hadis pula. Sekiranya ilmu itu belum dipelajari, saya rasa hidup ini belum lengkap. Jadi saya mahu berguru dengan tuan. Terimalah saya sebagai anak murid tuan," jawab Imam Malik lalu menyatakan kesungguhannya mahu mempelajari ilmu hadis.

Melihat kesungguhan Imam Malik itu, Ibnu Syibab az-Zuhri tidak keberatan menerima permintaannya. Malah dia berasa gembira kerana Imam Malik memilih dia sebagai gurunya. Keesokan harinya Imam Malik memulakan pembelajarannya. Tetapi dia datang cuma membawa seutas tali. Setiap kali mendengar gurunya membaca sebuah hadis, dia membuat satu simpulan pada tali itu bagi memudahkan dia mengingatinya. Perbuatan Imam Malik itu menimbulkan rasa hairan pelajar yang lain lalu mengadukannya kepada guru mereka.

"Apakah yang sedang kamu lakukan?" tanya Ibnu Syibab az-Zuhri.

"Saya sedang belajar," jawab Imam Malik.

"Saya lihat kamu asyik bermain tali," kata Ibnu Syibab az-Zuhri lagi.

"Saya sedang menghafal hadis-hadis yang tuan bacakan," jawab Imam Malik.

"Bagaimana kamu melakukannya?" tanya Ibnu Syibab az-Zuhri lagi.

“Setiap kali saya mendengar tuan membaca sebuah hadis, saya menghafalnya lalu saya buat satu simpulan pada tali ini, dengan itu memudahkan saya mengingatinya,” jawab Imam Malik.

Bagi menguji kebenaran kata-kata itu, Ibnu Syibab az-Zuhri menyuruh Imam Malik membaca sebuah hadis yang baru dibacakannya. Imam Malik membacanya dengan lancar tanpa sepatah huruf pun yang tinggal. Semua kagum dengan kebolehan Imam Malik.

Pada suatu hari, Ibnu Syibab az-Zuhri membacakan sebanyak 30 buah hadis secara terus-menerus. Imam Malik dapat menghafalnya sebanyak 29 buah sahaja. Dia berasa susah hati lalu bertanya kepada kawan-kawannya. Tetapi mereka juga tidak sempat menyalinnya.

“Bolehkah tuan mengulangi semula hadis-hadis yang dibacakan semalam?” tanya Imam Malik pada keesokan harinya.

“Bukankah saya suruh kamu hafal hadis-hadis yang saya ajar?” marah Ibnu Syibab az-Zuhri.

“Saya hanya menghafal sebanyak 29 hadis tetapi terlupa sebuah hadis,” jawab Malik.

“Sekiranya begitu cuba bacakan hadis-hadis yang kamu sudah hafal,” pinta Ibnu Syibab az-Zuhri.

Imam Malik pun mengeluarkan tali yang disimpulnya. Kemudian dia membaca hadis yang dihafalnya satu demi satu berpandukan pada simpulan tali itu hingga selesai 29 buah. Barulah Ibnu Syibab az-Zuhri tahu hadis mana yang belum dihafal anak muridnya itu.

Sejak itu ramai yang cuba meniru cara Imam Malik menghafal hadis dengan menggunakan simpulan pada tali tetapi mereka tidak berjaya. Mereka juga bertanyakan rahsianya namun Imam Malik sendiri tidak dapat menjelaskannya.

“Sesungguhnya saya sangat menghormati serta mencintai hadis-hadis Rasulullah SAW. Setiap kali mendengarnya saya tumpukan sepenuh perhatian hingga seolah-olah dada saya terbuka bagi menerima kemasukan hadis-hadis itu lalu terus melekat dalam ingatan saya,” beritahu Imam Malik.

Pada suatu hari khalifah Hisyam bin Abdul Malik datang ke Madinah. Ketika berada di Masjid Nabi, baginda melihat orang ramai sedang tekun mendengar kuliah daripada seorang lelaki.

“Siapakah lelaki itu?” tanya khalifah Hisyam kepada gabenor Madinah yang menjadi pengiringnya.

“Itulah Ibnu Syibab, seorang ulama hadis yang terkenal di Madinah,” jawab gabenor Madinah.

“Beritahu dia beta mahu berjumpa selepas sembahyang nanti,” kata khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Selepas sembahyang asar Ibnu Syibab menghadap khalifah.

“Mahukah kamu mengajar anak-anak beta berkenaan ilmu hadis?” tanya khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

“Insya-Allah, boleh,” jawab Ibnu Syibab az-Zuhri.

“Beta mahu kamu berpindah ke Damsyik. Di sana kamu dapat mengajar anak-anak beta. Di samping itu kamu dapat membuka kelas pengajian di masjid Damsyik,” kata khalifah Hisyam.

Oleh kerana Ibnu Syibab az-Zuhri menyatakan persetujuannya, dia tidak dapat lagi membantah permintaan khalifah itu. Beliau membawa keluarganya berpindah ke Damsyik. Imam Malik berguru pula dengan Imam Nafi’ Maula Ibnu Umar. Beliau belajar dengan tekun hingga beberapa tahun lamanya. Oleh kerana kefasihan lidahnya membaca Quran maka beliau sering disuruh menjadi imam sembahyang hingga orang ramai memanggilnya Imam Malik.

“Berapa tahun umur kamu sekarang?” tanya Imam Nafi’ Maula Ibnu Umar.

“Tujuh belas tahun,” jawab Imam Malik.

“Kamu sudah pandai dalam ilmu Quran, hadis dan ilmu fikah. Kamu sudah boleh membuka kelas pengajian,” kata Imam Nafi’ Maula Ibnu Umar.

“Saya merasakan diri ini masih belum layak mengajar. Saya perlu menuntut dengan lebih ramai ulama di kota Madinah ini,” kata Imam Malik.

“Pergilah kamu menuntut ilmu dengan mereka. Saya mengizinkannya,” kata Imam Nafi’ Maula Ibnu Umar.

Imam Malik pun berguru dengan alim ulama yang terdapat di kota Madinah. Beliau tidak pernah berasa jemu menuntut ilmu hingga semua ulama di kota Madinah menjadi gurunya.

“Kamu sudah berguru dengan ramai alim ulama. Sudah sampai masanya kamu menjadi guru pula. Sebarkanlah ilmu kamu itu kepada orang ramai,” kata ibunya pula.

“Ibu, saya hanya sanggup menjadi guru selepas diakui oleh 70 orang alim di kota Madinah ini,” kata Imam Malik.

“Sudahkah kamu menemui mereka?” tanya ibunya pula.

“Saya pernah menemui mereka bagi menuntut ilmu tetapi belum pernah meminta pendapat mereka apakah saya sudah boleh menjadi guru,” jawab Imam Malik.

“Pergilah kamu menemui mereka bagi bertanyakan apakah kamu sudah layak membuka kelas pengajian,” cadang ibunya.

Imam Malik patuh dengan kehendak ibunya. Dia menemui mereka yang dianggap alim ulama di kota Madinah. Selepas dia menyatakan maksudnya, kesemua mereka mengakui ilmu yang ada pada Imam Malik sudah melayakkannya membuka kelas pengajian. Selepas mendapat pengiktirafan daripada tujuh puluh orang alim ulama yang terdapat di kota Madinah, barulah Imam Malik berani membuka kelas pengajian.

“Ibu, hari ini adalah hari pertama saya membuka kelas pengajian ilmu hadis. Doakan kejayaan saya,” kata Imam Malik memohon restu daripada ibunya.

Siti Aliyah tersenyum melihat anaknya lalu bertanya, “Mengapa kamu berpakaian cantik dan mengenakan minyak wangi? Adakah tujuan kamu mahu menarik perhatian orang ramai supaya datang ke kelas pengajian kamu?”

“Tidak, ibu. Saya memakai pakaian cantik serta memakai minyak wangi kerana menghormati hadis Rasulullah SAW yang akan saya bacakan di tempat pengajian nanti,” jawab Imam Malik.

“Sudahkah kamu hebahkan kepada orang ramai yang kamu mahu membuka kelas pengajian di Masjid Nabi?” tanya ibunya lagi.

“Saya sengaja tidak mahu menghebahkannya kerana menghormati majlis pengajian guru-guru saya,” jawab Imam Malik.

“Apa maksud kamu?” tanya Aliyah lagi.

“Saya tidak mahu mereka yang sedang belajar dengan guru-guru saya meninggalkan kelas pengajian mereka supaya datang kepada saya. Jadi saya memilih membacakan hadis berhampiran dengan makam Rasulullah SAW,” jawab Imam Malik. Aliyah berpuas hati dengan jawapan anaknya lalu merestuinya.

Apabila sampai di Masjid Nabi, Imam Malik mengambil tempat berhampiran dengan makam Rasulullah lalu memulakan kelas pengajiannya dengan membacakan sebuah hadis. Orang ramai yang sedang menziarahi makam Rasulullah SAW tertarik hati mendengar hadis yang dibacakan lalu duduk mendengarnya. Bilangan mereka semakin bertambah ramai. Tidak lama kemudian datang gabenor Madinah.

“Siapakah anak muda itu?” tanya gabenor kepada imam Masjid Nabi yang mengiringinya menziarahi makam Rasulullah SAW.

“Namanya Imam Malik. Beliau mendapat persetujuan daripada tujuh puluh orang gurunya bagi mengajar hadis,” jawab imam Masjid Nabi.

Gabenor Madinah tertarik hati mendengarnya lalu datang kepada Imam Malik yang ketika itu sedang membacakan hadis. Imam Malik terus membaca hadis itu tanpa menghiraukan kedatangan gabenor. Orang ramai bimbang sekiranya menimbulkan kemarahan penguasa Madinah itu.

“Mengapa kamu tidak menghiraukan kedatangan saya?” tanya gabenor selepas selesai Imam Malik membaca hadis.

“Tuan gabenor, ketika tuan datang tadi saya sedang membaca sebuah hadis. Saya bimbang mendapat kemarahan tuannya,” jawab Imam Malik sambil menunjuk ke arah makam Rasulullah SAW.

Mendengar jawapan itu gabenor tidak jadi marah. Bahkan dia mahu menguji anak muda itu lalu bertanya beberapa soalan, “Berapakah umur kamu?”

tanya gabenor.

"Tujuh belas tahun," jawab Imam Malik.

"Umur kamu masih terlalu muda. Tidakkah kamu berasa malu mengajar mereka yang lebih tua umurnya daripada kamu?" tanya gabenor lagi.

"Tuan gabenor, saya sudah mendapat keizinan daripada tujuh puluh orang guru saya bagi mengajar hadis," jawab Imam Malik.

"Mengapa kamu memilih tempatnya berhampiran dengan makam Rasulullah SAW? Apakah tujuan kamu mahu menarik perhatian orang ramai yang datang menziarahi makam Rasulullah SAW?" tanya gabenor lagi.

"Saya memilih tempat ini kerana di sinilah Rasulullah SAW mengajar ilmu kepada para pengikutnya. Tempat ini juga sering digunakan khalifah Abu Bakar dan Umar al-Khattab apabila mengadakan majlis ilmu. Saya mahu mengambil keberkatan daripada mereka," jawab Imam Malik.

Gabenor Madinah berpuas hati dengan jawapan yang diberikan lalu membenarkan Imam Malik membuka kelas pengajian di situ. Sejak itu semakin ramai yang hadir. Mereka yang pernah menjadi guru Imam Malik juga turut hadir dalam majlis ilmu Imam Malik. Mereka kagum dengan kebolehan anak muda itu.

Imam Malik sangat menghormati hadis Rasulullah Rasulullah SAW. Setiap kali mahu mengajar ilmu hadis beliau berpakaian kemas dan cantik. Apabila membacakan sebuah hadis beliau membacanya dengan rasa hormat dan tawaduk. Mereka yang mendengarnya juga menundukkan kepala serta mendengarnya dengan penuh khusyuk.

Pada suatu hari sedang Imam Malik membacakan sebuah hadis, tiba-tiba muncul seekor lipan lalu menggigitnya. Beliau terus membacakan hadis itu tanpa menghiraukan kesakitannya. Apabila selesai membacanya barulah beliau berhenti bagi mengubati kesakitannya.

"Mengapa tuan berbuat demikian?" tanya salah seorang anak muridnya.

"Saya bersabar menahan kesakitan kerana menghormati hadis Rasulullah SAW yang sedang dibacakan," jawab Imam Malik.

Bab 5 Menjadi Orang Terkenal

Sejak membuka kelas pengajian ilmu hadis di Masjid Nabi, kehidupan Imam Malik bertambah senang kerana ramai yang memberinya pelbagai hadiah termasuk wang dan barang-barang berharga. Walaupun beliau tidak pernah meminta apa-apa bayaran, namun anak-anak muridnya memberi dengan ikhlas. Wang itu digunakan dengan sebaik-baiknya dan beliau tidak perlu lagi membuat pekerjaan selain menumpukan perhatian pada kelas pengajiannya.

Walaupun Imam Malik tidak suka hidup bermewah-mewah, namun beliau menjaga makan, minum serta keperluan pakaian diri dan keluarganya. Beliau suka memakai pakaian yang bermutu yang datang dari Aden, Khurasan dan Mesir. Beliau juga suka memakai bau-bauan yang bagus.

Apabila ditanya beliau menjawab, "Nikmat yang dikurniakan Tuhan itu perlu dipamerkan dalam kehidupan kita."

Beliau pernah menegur mereka yang kaya tetapi memakai pakaian yang buruk dan koyak rabak serta sanggup kelihatan seperti orang miskin kerana bersifat kedekut.

"Apabila menghadiri majlis ilmu kita perlu memakai pakaian yang cantik dan bersih sebagai penghormatan kepada hadis Rasulullah SAW," nasihat Imam Malik kepada anak-anak muridnya.

Sekiranya ada antara mereka yang mengadu tidak mampu membeli pakaian baharu kerana miskin, Imam Malik dengan murah hati menggunakan duitnya sendiri bagi membelikan mereka baju baharu.

"Tuan sentiasa berpakaian cantik apabila menghadiri majlis ilmu. Bagaimana pula keadaan tuan apabila berada di rumah?" tanya salah seorang anak muridnya.

"Di rumah saya memakai pakaian biasa sahaja. Tetapi apabila ada tetamu yang datang mahu bertanyakan mengenai hadis Rasulullah SAW, saya akan mandi dan berpakaian cantik sebelum menemui mereka. Sekiranya tetamu datang sekadar berkunjung ataupun bertanya ilmu fikah, saya keluar mendapatkannya dengan berpakaian apa yang sedang saya pakai," jawab

Imam Malik. Beliau lakukan itu kerana rasa hormatnya kepada hadis Rasulullah SAW.

Beliau sering berkata, sesiapa yang dikurniakan nikmat, perlu menampakkan nikmat Allah itu ke atas dirinya.

"Bagaimana pula dengan makanan tuan?" tanya anak muridnya lagi.

"Saya paling suka memakan daging. Buah yang paling saya suka adalah pisang," jawab Imam Malik.

Di kalangan anak muridnya ramai yang terdiri daripada keluarga yang kaya. Mereka sering memberinya pelbagai hadiah termasuk pakaian yang berjenama mahal, daging dan pisang kerana itu yang menjadi kesukaan guru mereka.

Pada suatu hari Imam Malik pergi ke kedai membuat cincin. Tuan kedai menyambut kedatangannya dengan gembira.

"Apakah tuan mahu menempah sebentuk cincin?" tanya tuan punya kedai itu sambil tersenyum bangga kerana dikunjungi seorang pelanggan yang paling istimewa.

"Memang benar. Buatkan saya sebentuk cincin tetapi bukan daripada emas," jawab Imam Malik.

"Saya akan buatkan sebentuk cincin yang paling baik untuk tuan. Tuan tidak perlu membayar apa-apa kerana saya salah seorang anak murid tuan," kata tuan punya kedai itu.

"Saya akan membayar harganya seperti yang kamu kenakan kepada pelanggan yang lain," kata Imam Malik pula.

Kemudian Imam Malik menyuruh diukir pada cincin itu perkataan, "Cukuplah Allah kepada kita. Dialah sebaik-baik tempat berserah diri."

Selepas siap, cincin itu disarungkan pada jari manis tangan kanannya. Ramai anak muridnya menempah cincin berbentuk sama seperti yang dipakai Imam Malik. Dia menjadi idola anak-anak muridnya.

Setiap hari selepas selesai mengajar ilmu hadis, Imam Malik sering bertanya adakah pada hari itu ada yang sakit ataupun meninggal dunia? Sekiranya ada, beliau akan pergi menziarahinya tanpa mengira orang itu miskin

ataupun kaya, berpangkat ataupun tidak. Sekiranya ada yang datang berjumpa dengannya mengadu kesusahan, beliau segera menghulurkan bantuan. Nama Imam Malik semakin terkenal dan disayangi orang ramai.

Pada suatu petang, seperti biasa sebelum masuk waktu maghrib, Imam Malik sudah keluar berjalan kaki menuju ke Masjid Nabi. Baru sahaja berjalan beberapa langkah, dia terperasan ada seorang tua sedang berjalan perlahan di belakangnya. Beliau berhenti lalu berjalan beriringan dengan orang tua itu. Memang menjadi sikap Imam Malik apabila berjalan, dia tidak mahu sesiapa berada di belakangnya. Beliau tidak mahu berjalan mendahului orang lain. Dia mahu berjalan beriringan dengan orang itu.

"Bukankah kamu mahu pergi ke masjid?" tanya orang tua itu. Dia tidak kenal Imam Malik dan Imam Malik juga tidak mengenalinya.

"Memang benar saya mahu ke masjid," jawab Imam Malik dengan sopan sebagai tanda hormat.

"Sekiranya begitu, kamu pergilah berjalan mendahului saya," kata orang tua itu.

"Tidak. Kita akan berjalan beriringan. Saya tidak akan mendahului pak cik," kata Imam Malik pula.

Orang tua itu berjalan amat perlahan kerana usianya yang sudah tua. Imam Malik terpaksa melambatkan langkahnya supaya tidak mendahuluinya. Ketika itu waktu maghrib sudah hampir masuk.

"Pak cik, sebentar lagi akan masuk waktu sembahyang maghrib. Kita perlu sampai segera ke masjid. Boleh saya dukung pak cik?" tanya Imam Malik sambil bersedia mendukung orang tua itu.

"Saya tidak mahu didukung. Kamu pergilah berjalan dahulu. Tidak mengapa tinggalkan saya berjalan sendirian," jawab orang tua itu.

"Saya tidak akan berjalan mendahului pak cik. Kita akan terus berjalan sama," kata Imam Malik pula.

Tiba-tiba kedengaran suara azan menandakan masuknya waktu sembahyang maghrib. Ketika itu Imam Malik dan orang tua itu masih belum sampai di masjid.

“Pak cik, azan maghrib sudah kedengaran. Saya akan dukung pak cik supaya kita sama-sama sampai ke masjid dengan cepat,” kata Imam Malik bersungguh-sungguh.

“Saya tidak mahu. Kamu berjalanlah dahulu!” bentak orang tua itu. Imam Malik terpaksa bersabar dan terus berjalan mengiringi lelaki itu.

Di masjid pula, apabila selesai azan dilaungkan, muazin tidak terus iqamat bagi memberi masa kepada orang ramai berkumpul dalam masjid. Salah seorang murid Imam Malik memaklumkan Imam Malik sedang dalam perjalanan ke masjid. Orang ramai menunggu kedatangannya dengan sabar. Tidak lama kemudian Imam Malik dan orang tua itu sampai ke hadapan masjid.

“Pak cik, kita sudah sampai. Marilah segera masuk ke dalam masjid,” beritahu Imam Malik.

“Tidakkah kamu tahu saya orang Yahudi yang bukan beragama Islam?” tanya lelaki tua itu pula.

Imam Malik mengucapkan istighfar. Namun dia tidak marah kerana rasa hormatnya kepada orang tua itu. Dia teringat peristiwa yang sama pernah terjadi kepada Ali bin Abi Talib, kerana itu dia langsung tidak marah.

Walaupun Imam Malik diakui ketinggian ilmunya serta kelas pengajiannya dihadiri oleh ramai orang termasuk alim ulama di kota Madinah, namun beliau masih dahagakan ilmu. Di samping mengajar, beliau juga belajar. Apabila ada ulama dari luar datang ke Madinah mahu menziarahi makam Rasulullah, Imam Malik tidak segan silu belajar daripada mereka.

Selesai musim haji, ramai yang berkunjung ke Madinah bagi menziarahi makam Rasulullah SAW. Mereka mengambil kesempatan mendengar Imam Malik membacakan hadis. Apabila pulang ke negara masing-masing, mereka menceritakan kehebatan Imam Malik. Ramai anak muda dari Mesir, Damsyik, Turki dan Khurasan datang berguru pada Imam Malik.

Walaupun nama Imam Malik sudah terkenal dan mempunyai anak murid yang ramai, namun beliau masih dahagakan ilmu pengetahuan. Apabila ada ulama terkenal yang datang ke Madinah, beliau akan menuntut ilmu dengan mereka, bukan menyuruh mereka menuntut ilmu dengannya.

“Di Kufah terdapat seorang sahabat nabi yang masih hidup, namanya Amir bin Wasilah atau lebih dikenali dengan gelaran Abu Tufail. Mengapa Imam Malik tidak mahu pergi ke Kufah berguru dengannya?” tanya salah seorang anak muridnya.

“Beliau tidak mahu meninggalkan kota Madinah kerana rasa cintanya yang sangat mendalam kepada negeri ini. Tambahan pula perjalanan ke Kufah masih belum aman. Sekiranya berlaku sesuatu pada beliau, bukankah kita juga yang rugi?” jawab kawannya.

Apabila Abu Tufail meninggal dunia, Imam Malik berasa sangat sedih kerana tidak sempat berguru dengannya. Beliau sebenarnya berharap serta menunggu kedatangan sahabat nabi itu ke kota Madinah. Tetapi kerana beliau sudah tua dan uzur, beliau tidak berkesempatan menziarahi makam Rasulullah. Tambahan pula ketika itu keadaan negara masih belum aman.

Tidak lama kemudian, Imam Malik didatangi seorang lelaki yang mengaku datang dari sebuah perkampungan yang terletak agak jauh dari kota Madinah.

“Kami mahu mempelajari ilmu hadis daripada tuan. Tetapi kami tidak mampu datang ke sini. Jadi, bolehkah tuan datang ke tempat kami?” tanya lelaki itu yang bersungguh-sungguh mahu berguru daripada Imam Malik.

Imam Malik tidak menghampakan permintaan lelaki itu lantas menyatakan persetujuannya. Beliau berjanji seminggu sekali datang ke kampung itu bagi membacakan hadis nabi. Tidak lama kemudian, penduduk kampung yang lain pula datang dengan permintaan yang sama. Imam Malik tidak sampai hati menghampakan harapan mereka.

“Tuan sering keluar dari kota Madinah kerana mengajar ilmu hadis. Saya cadangkan tuan membeli seekor kuda yang baik supaya perjalanan tuan lebih mudah,” cadang seorang anak muridnya.

Imam Malik bersetuju dengan cadangan itu lalu membeli seekor kuda. Apabila keluar dari kota Madinah, beliau menunggang kuda itu dan perjalanannya menjadi lebih mudah. Namun ada sesuatu yang menghairankan orang ramai. Salah seorang daripada mereka memberanikan diri bertanya.

“Mengapa tuan tidak menunggang kuda ini? Bukankah tujuan tuan membelinya bagi dijadikan tunggangan?” tanya salah seorang daripada mereka.

“Bukankah di sini terdapat jasad yang mulia Nabi Muhammad SAW?” tanya Imam Malik pula.

“Benar, tuan Imam Malik. Tetapi apa kaitannya dengan kuda itu?” tanya orang itu pula.

“Saya malu kepada Allah sekiranya memijak-mijak bumi yang di dalamnya terdapat jasad Rasulullah SAW dengan tapak kaki kudaku,” kata Imam Malik.

Menurut Imam Malik dia hanya sanggup menunggang kuda itu apabila sudah sampai di pinggir kota Madinah. Barulah orang ramai faham mengapa Imam Malik tidak pernah menunggang kuda ketika berada dalam kota Madinah.

Semakin hari semakin ramai yang datang berguru pada Imam Malik. Setiap kali beliau mengajar ilmu hadis, orang ramai memenuhi majlis tempat dia mengajar.

“Guru kita Imam Malik sudah terkenal. Hidupnya tidak lagi susah kerana rezeki datang melimpah. Beliau suka memakai pakaian daripada kain bermutu jenis Adaniyah keluaran negeri Aden, kain Khurasaniyyah dari negeri Khurasan dan juga kain Misriyyah keluaran negeri Mesir. Beliau juga suka memakai bau-bauan yang harum jenis kesturi dan anbar,” puji Imam Asyhab bin Abdul Aziz yang menjadi anak muridnya.

“Beliau juga sudah mempunyai seorang isteri dan seorang anak perempuan. Suatu ketika dahulu anak perempuannya sering menangis kerana kelaparan. Tetapi sekarang mereka sudah senang dan kaya,” kata Imam Syamsuri pula.

“Tetapi masih ada satu kekurangan lagi. Beliau belum mempunyai rumah sendiri. Beliau dan keluarganya masih menyewa di rumah kepunyaan Abdullah bin Mas’ud,” kata Imam Asyhab.

“Saya cadangkan kita berpakat dengan kawan-kawan berkongsi membelikan rumah kediaman untuk guru kita. Mereka tentu bersetuju kerana ramai di

antara kawan-kawan kita anak orang kaya dan berharta," cadang Imam Syamsuri.

Cadangan itu mendapat persetujuan ramai. Mereka sanggup mendermakan duit masing-masing lalu diserahkan kepada Imam Malik supaya digunakan bagi membeli sebuah rumah. Tetapi Imam Malik tidak membelinya. Duit itu disedekahkannya kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukan.

Pada suatu hari, khalifah Hisyam bin Abdul Malik mengerjakan ibadat haji ke tanah suci Mekah. Kebetulan Imam Asyhab juga turut mengerjakannya. Apabila mereka bertemu, khalifah Hisyam bertanyakan kisah Imam Malik.

"Benarkah guru kamu, Imam Malik masih belum mempunyai rumah sendiri?" tanya khalifah Hisyam.

"Memang benar, Amirul Mukminin. Beliau masih menyewa di rumah Abdullah bin Mas'ud," jawab Imam Asyhab.

Khalifah Hisyam terkenal dengan sifat pemurahnya. Baginda sering memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Selepas selesai mengerjakan ibadat haji, baginda pergi ke Madinah bagi menziarahi makam Rasulullah. Semasa berada di Masjid Nabi, baginda turut mendengar Imam Malik membacakan hadis nabi kepada anak-anak muridnya.

"Adakah tuan guru masih belum mempunyai rumah sendiri?" tanya khalifah Hisyam.

"Saya menyewa rumah Abdullah bin Mas'ud, Amirul Mukminin," jawab Imam Malik.

"Tidakkah tuan guru pernah mendengar kata-kata Rabi'ah yang juga guru tuan bahawa seseorang manusia itu dinamakan manusia kerana mempunyai rumah kediaman?" tanya khalifah Hisyam.

"Benar, Amirul Mukminin," jawab Imam Malik.

Khalifah al-Mahdi memberinya wang sebanyak 2,000 dinar lalu menyuruhnya membeli sebuah rumah. Imam Malik menerima pemberian itu. Sebelum khalifah Hisyam pulang ke Damsyik, sekali lagi baginda menemui Imam Malik lalu berpesan supaya gunakan duit yang diberinya itu bagi membeli sebuah rumah.

Sedang Imam Malik merancang mahu membeli rumah, dia mendapat tahu beberapa orang anak muridnya yang terdiri daripada keluarga miskin menghadapi masalah kewangan. Beliau terus mengagih-agihkan wang pemberian khalifah itu kepada mereka hingga habis. Baginya, membantu mereka yang memerlukan bantuan itu lebih penting daripada membeli rumah. Tambahan pula dia sudah ada rumah kediaman iaitu rumah sewanya.

Bab 6 Balat As-Syuhada

"Tuan guru, beberapa hari lagi khalifah Hisyam akan menghantar pasukan jihad ke Andalus. Saya memohon keizinan daripada tuan bagi menyertainya," kata Khalid al-Iraqi salah seorang anak murid Imam Malik.

"Itu adalah panggilan jihad. Sesiapa sahaja boleh menyertainya tanpa perlu meminta izin daripada sesiapa," kata Imam Malik.

"Doakan saya mendapat syahid," kata Khalid al-Iraqi lagi. Semangatnya berkobar-kobar mahu menyahut panggilan jihad itu.

Beberapa hari sebelum itu, khalifah Hisyam mendapat surat daripada gabenor Andalus yang meminta dihantar tentera tambahan bagi menyertai pasukan yang akan dihantar ke Perancis. Khalifah segera menyiapkan pasukan tentera yang mahu dihantar ke sana. Baginda juga menyeru rakyatnya supaya menyertai pasukan jihad itu.

Imam Malik sendiri turut berkempen menyeru orang ramai menyertai panggilan jihad yang diisytiharkan oleh khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Pada mulanya Imam Malik juga mahu menyertainya tetapi tidak dibenarkan oleh khalifah kerana khidmatnya lebih diperlukan di kota Madinah. Maka ramai penduduk Hijaz termasuk Madinah menyertainya.

Beberapa hari kemudian, berangkatlah pasukan tentera dari Madinah berjumlah dua puluh ribu orang. Mereka bergabung dengan pasukan tentera dari Mesir, Damsyik dan Khurasan menjadikan jumlahnya lebih lima puluh ribu orang. Apabila sampai di Andalus, mereka bergabung dengan pasukan tentera yang dipimpin panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi menjadikan jumlah mereka seramai seratus ribu orang. Kemudian mereka bergerak ke Perancis dengan satu tekad iaitu menang ataupun syahid.

Beberapa tahun sebelum itu, khalifah Hisyam bin Abdul Malik melantik Abdul Rahman al-Ghafiqi menjadi gabenor di Andalus. Kerajaan Perancis yang bersempadan dengan Andalus sering mengancam tentera Islam. Gabenor Andalus silih berganti kerana syahid dalam pertempuran dengan tentera Perancis.

Kerajaan Islam Andalus pernah membuat perjanjian dengan Perancis tetapi perjanjian itu dicabuli. Malah serangan sering dilancarkan bagi melemahkan kekuatan tentera Islam di Andalus. Jadi Abdul Rahman al-Ghafiqi membuat persiapan bagi menyerang Perancis. Beliau meminta bantuan tentera tambahan daripada khalifah Hisyam.

Abdul Rahman al-Ghafiqi memimpin seratus ribu orang tentera Islam merentasi Banjaran Pyrenees menuju ke Bandar Arles. Sebelum itu penduduk bandar itu berada di bawah pemerintahan Islam yang berpusat di Andalus. Kemudian Perancis menghasut mereka supaya mengisytiharkan bebas daripada pemerintah Islam. Malah As-Samhu, gabenor Andalus yang berusaha memujuk penduduk Bandar Arles sudah pun dibunuh.

Khalifah Hisyam menghantar Abdul Rahman al-Ghafiqi menjadi gabenor Andalus. Beliau membuat persiapan selama dua tahun bagi menyerang Perancis. Bagi menambah kekuatan pasukan tenteranya beliau meminta bantuan tentera tambahan daripada khalifah menjadikan jumlah pasukannya seratus ribu orang.

Berita kemaraan tentera Islam itu sampai ke pengetahuan maharaja Perancis, Duke of Aquatania. Beliau memimpin pasukan tenteranya berjumlah seratus ribu orang bagi mempertahankan Bandar Arles. Maka berlaku pertempuran sengit antara kedua-dua belah pihak. Walaupun pada masa itu tentera Islam sedang menjalani ibadat berpuasa pada bulan Ramadan, tetapi itu tidak menghalang mereka bertempur dengan musuh. Malah semangat juang mereka lebih hebat.

Selepas berlaku pertempuran selama seminggu, akhirnya tentera Islam mendapat kemenangan. Duke of Aquatania membawa tenteranya berundur ke Bordeaux, sebuah bandar terbesar di Perancis. Baginda bertekad mempertahankan bandar itu. Tentera tambahan dari daerah-daerah lain berkumpul di Bordeaux bagi mempertahankan bandar itu.

Seperti yang dijangka, selepas berjaya menakluk Bandar Arles, Abdul Rahman al-Ghafiqi memimpin pasukan tenteranya menuju ke Bordeaux. Mereka adalah pejuang Islam yang cintakan syahid seperti tentera Perancis yang cintakan hidup. Sebelum menyertai pertempuran itu mereka sudah nekad tidak akan kembali ke tanah air kerana mahukan mati syahid.

Kemudian berlaku pertempuran bagi kali yang kedua antara pasukan tentera yang dipimpin Abdul Rahman al-Ghafiqi dengan pasukan tentera yang

dipimpin Duke of Aquatania. Selepas berperang hampir sebulan, Bordeaux berjaya ditawan dan tentera Perancis berundur ke Bandar Lyon. Mereka membuat persiapan di bandar itu bagi mengekang kemaraan tentera Islam. Namun kedatangan pejuang-pejuang Islam itu bagaikan banjir besar yang tidak mampu dihalang sesiapa. Dengan mudah Bandar Lyon jatuh ke tangan mereka. Kemudian panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi menakluk Bandar Besancon dan Sens.

Selepas satu demi satu bandar-bandar penting dikuasai tentera Islam, timbul rasa gerun di hati Duke of Aquatania mahu berhadapan dengan lawannya. Beliau bersama pasukan tenteranya melarikan diri ke Eropah lalu meminta bantuan daripada maharaja Charles Martel. Demi menyekat kemaraan tentera Islam dan demi mempertahankan tanah air, mereka sanggup melupakan perbezaan fahaman agama antara mereka. Duke of Aquatania sanggup meletakkan pasukan tenteranya di bawah pimpinan Charles Martel, Duke of The Franks bagi menghalang kemaraan tentera Islam.

Pada ketika itu panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi dan pasukan tenteranya berjaya menguasai sebahagian daripada negara Perancis. Kini mereka sedang membuat persiapan bagi menawan Bandar Tours, sebuah bandar yang terkenal sebagai bandar yang paling kaya. Di sana terdapat bangunan-bangunan serta istana yang besar dan gereja-gereja yang cantik. Di bandar itu juga tersimpan harta yang melimpah-ruah.

Selepas pasukan tentera Duke of Aquatania melarikan diri ke Eropah, Bandar Tours hanya dipertahankan oleh penduduk bandar itu. Selepas dikepung selama hampir seminggu, akhirnya penduduk bandar itu terpaksa menyerah kalah. Panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi dan pasukan tenteranya memasuki bandar itu tanpa pertumpahan darah. Tentera Islam mendapat harta rampasan perang yang sangat banyak. Maka timbul rasa tamak di hati mereka. Masing-masing mahu mendapatkan pembahagian harta rampasan perang.

Panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi terpaksa tunduk dengan permintaan tenteranya supaya harta rampasan yang banyak itu dibahagikan segera kepada mereka. Tambahan pula mereka sudah masuk terlalu jauh ke dalam negara Perancis. Mereka tidak dapat menghantar harta rampasan itu ke Andalus dan mereka juga sudah terputus hubungan bagi mendapatkan bantuan dari luar.

Apabila harta rampasan perang yang banyak itu dibahagikan, timbul masalah hendak membawanya. Tambahan pula mereka masih dalam keadaan berperang. Ramai antara mereka yang mahu membawa pulang harta itu ke tanah air. Mereka sudah lupa matlamat asal berjuang bagi menegakkan syiar Islam di Negara Perancis, bukannya mencari harta kekayaan. Apabila sudah merasakan dirinya banyak harta dan kaya, takut mati itu mula menguasai hati mereka.

Dalam masa yang sama, pasukan tentera Perancis yang bergabung dengan pasukan tentera Eropah sedang mara ke Bandar Tours. Jumlah mereka berlipat kali ganda daripada jumlah tentera Islam. Mereka datang dengan semangat baharu sedangkan tentera Islam sudah letih berperang. Tentera Islam hanya memikirkan bagaimana hendak membawa pulang harta rampasan perang yang banyak itu. Charles Martel yang dilantik menjadi pemimpin pasukan itu dapat menghidu masalah yang sedang dihadapi tentera Islam. Dia memerintahkan pasukan tenteranya mengepung Bandar Tours.

Kemudian Charles Martel pura-pura menawarkan perdamaian kepada tentera Islam. Beliau membuat pengumuman tentera Islam yang mahu berdamai boleh pulang dengan membawa harta masing-masing. Ramai tentera Islam yang terdiri daripada bangsa Barbar dan Turki terpengaruh dengan muslihat musuh itu lalu bersetuju meninggalkan medan perang.

Panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi yang dapat menghidu muslihat lawannya itu berusaha menasihatkan tenteranya supaya jangan terpedaya dengan tipu helah musuh. Tetapi tidak diendahkan kerana mereka mahu pulang ke tanah air dengan membawa harta rampasan perang yang banyak. Mereka tidak dilepaskan pergi begitu sahaja. Apabila sudah berpisah dengan pasukan induk, tentera Islam yang melarikan diri dari medan perang itu diperangkap lalu disembelih. Jumlah mereka dianggarkan mencapai sepuluh ribu orang.

Walaupun kekuatan pasukan tenteranya sudah berkurangan, namun panglima Abdul Rahman al- Ghafiqi bertekad untuk terus berperang. Beliau memerintahkan semua tenteranya yang masih taat setia itu mengumpulkan harta masing-masing dalam sebuah khemah bagi memudahkan mereka berperang. Perintah itu dipatuhi pasukan tenteranya.

Maka berlaku pertempuran yang hebat antara kedua-dua belah pihak. Pada hari pertama pertempuran belum ada tanda-tanda pasukan mana yang kalah ataupun menang. Tetapi selepas hampir satu minggu berperang, pasukan tentera Islam mula kelihatan lemah kerana kekurangan senjata, makanan dan air. Ketika itu mereka dikepung musuh dan tidak mendapat bantuan dari luar.

Pada hari yang kelapan, Panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi memerintahkan pasukan tenteranya berperang berhabis-habisan. Maka pertempuran mula berlaku selepas sembahyang subuh.

Charles Martel seorang panglima tentera yang bijak. Selama berlakunya pertempuran dia menyuruh anggota tenteranya membuat intipan di mana tentera Islam menyimpan senjata, makanan, air dan harta mereka. Apabila mengetahui tempatnya, dia menghantar sepasukan tentera bagi memusnahkan khemah-khemah itu.

Pada hari yang kelapan berlakunya pertempuran, Charles Martel memerintahkan sepasukan tenteranya menyerbu khemah yang menempatkan harta rampasan perang tentera Islam. Khemah itu terletak di barisan belakang.

Ketika pertempuran sedang berkecamuk, tentera Islam dikejutkan dengan berita khemah yang menyimpan harta mereka sedang diserang musuh. Oleh kerana tamak dan lebih pentingkan harta, ramai yang berundur ke belakang bagi menyelamatkan harta mereka. Cuma sebahagian sahaja yang masih bertahan di barisan hadapan.

Apabila melihat situasi itu, Charles Martel memerintahkan pasukan tenteranya menumpukan serangan ke barisan hadapan tentera Islam yang mula kelihatan kucar kacir. Keadaan menjadi semakin gawat apabila panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi terkena sasaran anak panah yang dilepaskan musuh. Beliau meninggal dunia.

Menjelang senja, hampir sepuluh ribu tentera Islam terbunuh. Antara yang paling ramai terbunuh adalah mereka yang cuba menyelamatkan harta di barisan belakang. Mereka masuk ke dalam perangkap musuh. Ramai yang mati disembelih tentera Perancis. Menjelang malam barulah pertempuran berhenti.

Ketika itulah Khalid al-Iraqi menunjukkan kebolehannya sebagai pemimpin pasukan tentera. Keberaniannya di medan perang dan menjadi pembantu

panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi yang paling dipercayai, membolehkan dia dilantik menjadi ketua.

Panglima Khalid al-Iraqi mengambil keputusan berundur dari medan perang bagi menyelamatkan pasukan tenteranya. Dia membuat tipu muslihat dengan menyuruh pasukan tenteranya membakar banyak unggun api supaya musuh menyangka bilangan mereka masih ramai. Menjelang tengah malam, Panglima Khalid al-Iraqi memerintahkan pasukan tenteranya meninggalkan medan perang dan kembali ke al-Andalus.

Keesokan harinya, tentera Perancis dan tentera Eropah menunggu kemunculan tentera Islam bagi meneruskan pertempuran. Tetapi hingga menjelang tengah hari tentera Islam masih tidak muncul. Beliau mengarahkan tenteranya membuat serbuan. Baru mereka sedar tentera Islam sudah jauh meninggalkan medan perang.

Duke of Aquatania mahu mereka mengejar tentera Islam yang melarikan diri tetapi Charles Martel tidak setuju kerana bimbang itu cuma muslihat tentera Islam. Tambahan pula beliau lebih berminat dengan harta yang ditinggalkan daripada mengejar lawannya. Akhirnya terjadi perbalahan antara kedua-dua belah pihak lalu terjadi pertempuran sesama mereka kerana berebutkan harta. Perang saudara itu berlarutan selama beratus tahun.

Akibat kekalahan tentera Islam dalam perang Balat as-Syuhada atau The Battle of Tours itu, membantutkan cita-cita khalifah Hisyam mahu menakluk kota Konstantinopel dari sebelah barat. Kekalahan itu juga menjejaskan kekuatan pasukan tentera bani Umaiyah kerana ramai yang terbunuh dalam perang itu dan banyak pula harta yang dikorbankan.

Bagi menguatkan semula pasukan tenteranya serta mendapatkan semula harta yang banyak dibelanjakan bagi peperangan itu, khalifah Hisyam terpaksa menaikkan cukai pada rakyatnya. Akibatnya timbul rasa tidak puas hati di kalangan orang ramai.

Bab 7 Qadariyah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah

Pagi itu selepas sembahyang subuh, seorang utusan khalifah Hisyam datang menemui Imam Malik lalu berkata, "Khalifah Hisyam bin Abdul Malik menjemput tuan datang ke Baghdad kerana ada perkara mustahak mahu dibincangkan."

"Beritahu khalifah saya tidak akan meninggalkan Madinah kecuali bagi mengerjakan ibadat haji sahaja. Sekiranya khalifah Hisyam memerlukan saya, sepatutnya beliau yang datang menemui saya bukan saya yang datang menemuinya," kata Imam Malik pula.

"Jawapan tuan itu pasti menimbulkan kemarahan khalifah Hisyam. Tidakkah tuan tahu beliau ditakuti oleh semua raja-raja termasuk raja-raja Eropah?" kata utusan itu.

"Hanya Allah yang patut kita takuti. Selain itu semua hambaNya," balas Imam Malik.

Utusan itu segera kembali ke Baghdad lalu melaporkan kepada khalifah Hisyam jawapan Imam Malik itu. Beliau tidak marah tetapi akur dengan kehendak Imam Malik supaya datang menemuinya. Keesokan harinya khalifah Hisyam berangkat ke Madinah. Kemudian menyuruh Imam Malik datang menghadapnya.

Di Madinah terdapat sebuah istana khalifah yang dijadikan tempat persinggahannya apabila berada di sana. Ketika Imam Malik datang, khalifah Hisyam sedang duduk di atas singgahsana yang dihiasi hamparan permaidani. Imam Malik menanggalkan seliparnya lalu memijak permaidani itu dan terus menghadap khalifah sambil mengucapkan salam.

"Beginikah sikap kamu sebagai seorang ulama? Tidak menghormati Amirul Mukminin?" marah pengawal khalifah.

"Apakah yang membuat tuan marah? Sedangkan khalifah tidak pun marah," tanya Imam Malik.

"Tuan menanggalkan selipar menghadap khalifah. Itu tanda tidak hormat kepada Amirul Mukminin!" jawab pengawal itu.

"Setiap kali menghadap Allah saya tanggalkan selipar saya. Apabila menghadap khalifah saya lakukan perkara yang sama. Sekiranya Allah tidak marah saya menghadapnya tanpa memakai selipar, saya yakin khalifah juga tidak marah," kata-kata Imam Malik itu membuat khalifah Hisyam tertawa.

Kemudian dia menyatakan maksudnya, "Di Baghdad sekarang sudah timbul fahaman yang memecahbelahkan umat Islam. Beta datang mahu meminta pandangan kamu mengenai perkara itu," kata khalifah Hisyam.

Kemudian katanya lagi, "Apa pendapat kamu mengenai makna perkataan *istiwak* seperti yang terdapat dalam Quran? Adakah maknanya Tuhan itu bersemayam seperti beta sedang bersemayam sekarang?"

Imam Malik menjawab, "*Istiwak* itu pengertiannya sudah dimaklumi iaitu bersemayam, tetapi bagaimanakah caranya Tuhan itu bersemayam tidak dapat dibayangkan dengan akal, tetapi mengimaninya adalah wajib. Bertanya ataupun membincangkan apa yang dilakukan Tuhan itu tidak boleh."

"Bagaimana pula pendapat kamu mengenai mereka yang mengatakan manusia itu berkuasa melakukan kehendaknya sendiri?" tanya khalifah lagi.

"Itu fahaman Qadariyah," jawab Imam Malik lalu menceritakan bagaimana munculnya fahaman Qadariyah.

Menurutnya pada sekitar tahun 80 hijrah, seorang penganut agama Kristian bernama Susan datang ke Madinah berpura-pura menganut agama Islam. Dia menyebarkan fahaman bahawa Tuhan menyerahkan kuasanya kepada manusia dan manusia itu mempunyai kuasa dan kehendaknya sendiri. Dalam erti kata lain manusia dapat melakukan apa sahaja mengikut kemahuannya sendiri. Susan berjaya mempengaruhi seorang lelaki yang dianggap alim bernama Ma'bad bin Ubaidillah al-Juhani supaya menyebarkan fahaman itu.

"Ramai yang terpengaruh dengan fahaman Qadariyah hingga memecahbelahkan umat Islam ketika itu," kata Imam Malik.

"Apa pula pendapat alim ulama pada masa itu?" tanya khalifah Hisyam.

“Abdullah bin Umar menolak sekeras-kerasnya ajaran yang dibawa oleh Ma’bad. Beliau mengisytiharkan dirinya bebas daripada fahaman itu. Hasan al-Basri pula berkata, 'Jauhkan diri kamu daripada Ma’bad kerana dia sesat dan menyesatkan'. Muslim bin Yasar pula mengatakan, Ma’bad berucap dengan ucapan orang Nasrani'. Tiga ulama besar pada masa itu menolak fahaman Qadariyah,” jawab Imam Malik.

“Apa pula yang dilakukan oleh khalifah?” tanya khalifah Hisyam lagi.

“Mustahil Amirul Mukminin tidak tahu. Khalifah Abdul Malik bin Marwan iaitu ayah Amirul Mukminin memerintahkan supaya Ma’bad dihukum bunuh,” jawab Imam Malik.

Kemudian dia membacakan sebuah hadis yang bermaksud, “Tidak ada nabi yang dibangkitkan Allah sebelum aku melainkan di kalangan umat mereka ada yang menjadi pengikut setia dan sahabat yang mengambil ajarannya dan mengikut perintahnya. Selepas masa berlalu, ada di kalangan mereka (umat ini) melakukan perkara-perkara yang jahat. Mereka bercakap mengenai perkara yang mereka tidak melakukannya dan mereka membuat perkara yang tidak disuruh. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan tangannya, dia beriman. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan lidahnya, dia beriman. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan hatinya, dia beriman. Tidak ada iman lagi selepas itu walaupun sebesar biji yang halus.” (Dilaporkan oleh Muslim)

“Beta cuma mahukan jawapan daripada Tuan sendiri. Dengan ini sekiranya ada yang mempertikaikan tindakan beta nanti Tuan boleh menjelaskannya kepada orang ramai,” kata khalifah Hisyam.

Menurut beliau, di kota Baghdad terdapat dua lelaki bernama Ghailan al-Dimasyqi yang menyebarkan fahaman Qadariyah dan Ja’d bin Dirham yang menyebarkan fahaman Jabariyah.

“Selepas mendengar penerangan daripada Imam Malik, beta tidak teragak-agak lagi mahu bertindak ke atas mereka,” kata khalifah Hisyam.

Selepas pulang ke kota Baghdad, khalifah Hisyam memerintahkan supaya Ghailan al-Dimasyqi datang menghadap.

“Siapakah guru kamu, Ghailan?” tanya khalifah Hisyam.

“Saya pernah berguru dengan Ma’bad al Juhani dan Syeikh Hasan Basri,” jawab Ghailan al-Dimasyqi.

“Bukankah kedua-dua guru kamu itu mempunyai pendapat yang berbeza? Ma’bad berfahaman Qadariyah, Syeikh Hasan Basri berfahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah,” tanya khalifah.

“Memang benar, Amirul Mukminin. Saya berpegang pada apa yang diajar oleh guru saya Ma’bad,” jawab Ghailan al-Dimasyqi.

“Tidakkah kamu tahu Ma’bad al-Juhani dibunuh oleh al-Hajjaj, gabenor Basrah kerana fatwa-fatwanya yang salah itu?” tanya khalifah lagi.

“Dia difitnah dan kematiannya adalah syahid,” jawab Ghailan al-Dimasyqi.

“Amirul Mukminin, saya membantah kata-kata Ghailan itu. Ma’bad al-Juhaini bukan difitnah dan bukan mati syahid. Dia dihukum bunuh oleh gabenor Basrah kerana menyesatkan orang ramai dengan fatwanya yang bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah,” kata Abdullah, mufti Baghdad yang turut hadir dalam perjumpaan itu. Beliau juga pernah berguru dengan Imam Malik.

Pada mulanya khalifah mempelawa Imam Malik datang ke Baghdad bagi berdepan dengan Ghailan al-Dimasyqi. Tetapi Imam Malik menolak sebaliknya mencadangkan anak muridnya Abdullah yang menjadi mufti Baghdad berhujah dengan Ghailan al-Dimasyqi.

“Beritahu beta apakah fatwa-fatwa lelaki ini yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah?” tanya khalifah kepada mufti Baghdad.

“Lebih elok sekiranya lelaki itu sendiri yang menerangkannya supaya kita sama-sama mendengarnya,” jawab Abdullah.

“Amirul Mukminin, saya bersetuju berdebat dengan mufti Baghdad ini dengan satu syarat. Sekiranya saya menang, dia mesti menjadi pengikut saya,” kata Ghailan al-Dimasyqi.

“Apakah kamu sanggup berdebat dengannya?” tanya khalifah Hisyam kepada mufti Baghdad.

“Saya sanggup, Amirul Mukminin,” jawabnya.

Maka perdebatan pun dimulakan. Mufti Baghdad mengemukakan satu pertanyaan kepada Ghailan.

“Ghailan, bukankah kamu memberi fatwa dengan mengatakan semua perbuatan manusia adalah daripada kehendak manusia sendiri, tanpa campur tangan daripada Tuhan?” tanya mufti Baghdad.

“Memang benar, Tuhan sama sekali tidak ada hubungannya dengan manusia sekarang. Bahkan Tuhan tidak tahu sebelumnya apa yang akan dikerjakan oleh manusia,” jawab Ghailan al-Dimasyqi.

“Apakah hujah kamu?” tanya mufti Baghdad.

“Bukankah selepas seseorang itu mengerjakan perbuatannya baru Tuhan memberinya dosa ataupun pahala. Itu bukti yang jelas Tuhan tidak tahu apa yang akan dilakukan oleh manusia? Semua perbuatan manusia sama ada baik ataupun buruk diciptakan oleh manusia sendiri, bukan oleh Tuhan,” jawab Ghailan al-Dimasyqi.

Menurutnya lagi, “Sekiranya perbuatan manusia dijadikan oleh Tuhan, mengapa mereka diberi pahala sekiranya berbuat baik dan diseksa sekiranya melakukan maksiat. Sedangkan yang membuat atau menciptakan hal itu adalah Allah. Sekiranya begitu Tuhan tidak adil.”

Kemudian Ghailan membaca ayat Quran surah *ar-Ra’du* ayat 11 yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sekiranya mereka sendiri tidak mengubahnya.”

Kemudian Ghailan al-Dimasyqi berhujah, “Ayat itu membuktikan Allah memberikan kuasa merubah itu kepada manusia. Mereka sendiri yang berkuasa melakukannya dan Tuhan tidak berbuat apa-apa.”

Kemudian Ghailan al-Dimasyqi memberi hujah kedua dengan membacakan ayat Quran surah *al-kahfi* ayat 29 yang bermaksud, “Sesiapa yang memilih untuk beriman, berimanlah dia dan sesiapa yang memilih kafir, kafirlah dia.”

Kemudian Ghailan al-Dimasyqi pun berhujah, “Dalam ayat ini jelas menunjukkan manusia bebas memilih sama ada mahu menjadi orang yang beriman ataupun orang yang ingkar. Ini bukti yang jelas manusia yang menentukan perbuatannya, bukan Tuhan.”

Kemudian Ghailan al-Dimasyqi memberi hujahnya yang ketiga dengan membacakan ayat Quran surah *an-Nisa'* ayat 110 yang bermaksud, "Sesiapa yang mengerjakan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri kemudian dia meminta ampun kepada Tuhan pasti akan diperolehnya (keampunan), bahawasanya Tuhan itu pengampun dan penyayang."

"Dalam ayat ini jelas manusia sendiri yang membuat dosanya, bukan Tuhan. Sekiranya Tuhan yang memperbuatkan dosa hambaNya tentu ia menganiaya hambaNya itu. Itu mustahil kerana Tuhan tidak menganiaya hambaNya," kata Ghailan al-Dimasyqi.

Akhirnya dia membaca ayat Quran surah *ad-Dahr* ayat 3 yang bermaksud, "Sesungguhnya kami menunjukkan jalan kepadanya. Ada kalanya dia menjadi orang yang syukur dan ada kalanya menjadi orang yang kufur."

Kata Ghailan al-Dimasyqi menutup hujahnya, "Ayat ini jelas menunjukkan seseorang itu menjadi kufur ataupun syukur kerana pilihannya sendiri. Bukan ditakdirkan Allah."

Selepas mendengar hujah-hujah yang dikemukakan Ghailan al-Dimasyqi itu, khalifah Hisyam meminta Abdullah, mufti Baghdad mengemukakan pula hujahnya bagi menangkis lawannya.

"Sesunguhnya fatwa kaum Qadariyah itu tidak sesuai dan ditentang oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diketuai oleh Imam Abu Hasan al-Asyari. Fahaman itu bertentangan dengan hadis dan ayat Quran. Mereka tersalah menilai keadilan Tuhan dan keliru dalam mentafsirkan ayat-ayat Quran," kata Abdullah memulakan hujahnya.

Kemudian beliau membacakan ayat Quran surah *as-Shaffat* ayat 96 yang bermaksud, "Tuhan yang menjadikan kamu dan apa-apa yang kamu kerjakan."

Menurut Abdullah, ayat itu menerangkan, yang menjadikan manusia dan yang menjadikan pekerjaan manusia adalah Tuhan, bukan manusia. Kemudian dia mengemukakan hujahnya yang kedua dengan membacakan ayat Quran surah *an-Nisa'* ayat 78 yang bermaksud, "Sekiranya mereka mendapat kebaikan, mereka katakan ini daripada Tuhan dan sekiranya mereka mendapat bahaya dikatakannya ini daripada engkau (hai Muhamad). Katakanlah (kepada mereka) Semuanya daripada Tuhan, tetapi mengapa mereka tidak mengerti sesuatu kejadian?"

Menurut Abdullah, daripada keterangan ayat itu menjelaskan buruk ataupun baiknya pekerjaan manusia sudah ditakdirkan Tuhan. Kemudian dibacakannya pula ayat Quran surah *al-Hadid* ayat 22 yang bermaksud, "Tidak ada sesuatu bencana yang berlaku di bumi ini dan pada diri kamu sendiri melainkan sudah ditulis dalam kitab (azali) sebelum kamu laksanakan terjadinya, sesungguhnya hal yang demikian bagi Allah mudah sahaja."

Menurutnya, ayat itu jelas menunjukkan semua yang berlaku adalah dalam ketentuan Allah. Ataupun sudah tertulis sebelumnya dalam azali pada lohmahfuz sebelumnya iaitu sebelum kita melakukannya di dunia ini.

"Dengan itu pendapat fahaman Qadariyah yang mengatakan Tuhan tidak tahu apa yang belum dilakukan oleh manusia adalah tidak benar," kata Abdullah.

Bagi menguatkan lagi hujahnya, mufti Baghdad itu membacakan sebuah hadis Nabi Muhammad yang bermaksud, "Kamu dikumpulkan kejadiannya dalam perut ibumu empat puluh hari masih *nutfah* (air), empat puluh hari lagi *a'laqah* (darah) empat puluh hari lagi *mudghah* (daging) kemudian diutus malaikat dan ditiupkan roh dan disuratkan empat perkara iaitu rezekinya, ajalnya, pekerjaannya,dan untung jahat ataupun baiknya." (Imam Bukhairi dan Muslim)

Tiba-tiba khalifah Hisyam menyampuk. "Hujah-hujah dari kamu berdua yang disertakan dengan ayat-ayat Quran dan hadis itu semuanya kelihatan seperti benar. Tetapi saya lebih tertarik dengan kata-kata Abdullah bahawa lawannya salah dalam mentafsirkan ayat-ayat Quran. Boleh kamu buktikan?

"Baiklah, Amirul Mukminin," kata mufti Baghdad itu.

Menurutnya, ayat Quran yang bererti, "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sekiranya tidak mereka sendiri yang mengubahnya," membawa maksud begini, "Tuhan tidak mengambil semula nikmat yang diberikannya kepada manusia kecuali sekiranya mereka sudah mengubahnya iaitu daripada taat menjadi derhaka."

Hal ini dijelaskan Allah dalam surah *al-Anfal* ayat 53 yang bermaksud, "Hal itu (terjadi) disebabkan kerana Allah tidak mengubah nikmat yang diberikannya kepada sesuatu kaum kecuali apabila kaum itu mengubah diri mereka sendiri."

Hujah Abdullah itu diakhiri dengan kata Nabi Muhammad SAW, “Bagi tiap-tiap umat ada Majusinya. Majusi bagi umat ini adalah mereka yang tidak percaya kepada takdir. Sekiranya mereka meninggal dunia jangan ziarahi, sekiranya mereka sakit jangan dijenguk, mereka adalah golongan dajal, memang ada hak Tuhan mengaitkan mereka dengan dajal.” (Abu Daud.)

Ghailan al-Dimasyqi kelihatan tidak berpuas hati dan mahu berdebat lagi tetapi khalifah Hisyam pun bertitah, “Beta yakin fahaman Qadariyah adalah sesat dan menyesatkan. Beta menyokong fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.”

Kemudian baginda memerintahkan Ghailan al-Dimasyqi ditangkap lalu dijatuhkan hukuman bunuh. Sejak itu fahaman Qadariyah dapat dikekang buat sementara waktu. Umat Islam di Baghdad kembali bersatu di bawah fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.

Bab 8 Khalifah dengan Ahli Sihir

Pagi itu suasana di pasar kota Baghdad seperti biasa sibuk dengan orang ramai yang datang membeli barang-barang keperluan. Tiba-tiba muncul seorang lelaki yang sudah berumur sambil membawa seekor keldai dan sebuah bekas berisi kuih dan air minuman.

"Mari dekat tuan-tuan dan puan-puan semua. Saya bawakan kuih dan air minuman. Kamu boleh ambil dengan percuma tanpa apa-apa bayaran," teriak lelaki itu.

Maka ramai yang datang mendapatkan kuih dan air minuman yang diberikan lelaki itu.

"Mengapa tuan memberinya secara percuma?" tanya satu suara dari celah orang ramai yang datang berpusu-pusu.

"Hari ini dan esok saya beri percuma tetapi selepas itu sesiapa yang hendakkan kuih dan air minuman ini dikenakan bayaran," jawab lelaki itu sambil tertawa.

"Mengapa hari ini dan esok sahaja? Mengapa tidak hari-hari yang seterusnya?" tanya satu suara lagi sambil disambut gelak tawa orang ramai.

"Baiklah, saya boleh beri percuma. Esok kita jumpa lagi," kata lelaki itu.

Keesokan harinya lelaki itu datang lagi. Orang ramai segera mengerumuninya bagi mendapatkan kuih dan minuman percuma.

"Sebelum kamu mendapat kuih dan minuman percuma ini saya mahu buat satu pertunjukan dahulu. Kamu pasti terpegun melihatnya kerana ia sesuatu yang sangat luar biasa," kata lelaki itu.

"Tunjukkan cepat, kami tidak sabar melihatnya," teriak orang ramai.

"Baiklah tetapi sebelum itu saya mahu mencabar kamu dahulu. Siapa antara kamu yang boleh menghilangkan diri di belakang keldai ini," kata lelaki itu.

Orang ramai terdiam kerana tidak siapa yang dapat melakukannya.

Kemudian lelaki itu berkata, “Adakah kamu percaya yang saya mampu melakukannya?” tanya lelaki itu.

“Mustahil kamu dapat menghilangkan diri di belakang keldai itu. Kami tidak percaya,” jawab salah seorang daripada mereka.

“Sekiranya saya dapat melakukannya, sanggupkah kamu membayar kepada saya, seorang sepuluh dirham?” tanya lelaki itu lagi.

“Kami sanggup. Tetapi sekiranya kamu tidak berjaya, kamu yang membayar kepada kami seorang sepuluh dirham,” jawab mereka.

“Baiklah,” kata lelaki itu.

Kemudian dia berdiri di atas keldai itu lalu mulutnya berkumat kamit membacakan sesuatu. Tiba-tiba dia hilang daripada pandangan. Tidak lama kemudian dia muncul semula. Orang ramai tercengang melihat kehebatan lelaki itu. Mereka terpaksa membayar sepuluh dirham kepada lelaki itu.

“Bagaimana kamu dapat melakukannya?” tanya orang ramai.

“Inilah karamah yang Tuhan berikan kepada saya,” jawab lelaki itu dengan bangga lalu mengatakan keesokan harinya dia datang lagi.

Sejak itu setiap pagi lelaki itu datang ke pasar kota Baghdad bagi menunjukkan kehebatannya. Orang ramai berasa kagum dengan kebolehan luar biasa lelaki itu. Mereka sanggup membayar bagi melihat pertunjukannya. Akhirnya perkara itu disampaikan kepada khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

“Amirul Mukminin, orang ramai sedang heboh memperkatakan perihal seorang lelaki yang mengaku dikurniakan kelebihan yang luar biasa. Dia dapat menghilangkan diri daripada pandangan orang ramai. Dia juga dikatakan mampu mengubati pelbagai jenis penyakit,” kata Sulaiman, wazir khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

“Sekiranya benar memang luar biasa lelaki itu, teringin juga beta mahu bertemu dengannya,” kata khalifah Hisyam.

“Buat sementara waktu ada baiknya ditangguh dahulu kerana kita belum tahu siapa yang sebenarnya lelaki itu. Dikhuatiri dia musuh kita. Tambahan

pula banyak kelakuannya yang mencurigakan. Jadi perkara ini saya maklumkan kepada Amirul Mukminin," kata Sulaiman pula.

"Boleh beritahu beta apakah perkara yang mencurigakan kamu mengenai lelaki itu?" tanya khalifah.

"Ada yang berpendapat lelaki itu adalah ahli sihir. Dia mengaut keuntungan daripada permainan sihirnya. Sudah ramai yang terpengaruh hingga ada yang sanggup menyerahkan semua hartanya termasuk anak gadisnya kepada lelaki itu. Mereka percaya lelaki itu mempunyai karamah yang dikurniakan Tuhan kepada lelaki pilihanNya," jawab Sulaiman.

Khalifah Hisyam tertarik dengan kisah lelaki itu lalu menyuruh beberapa pegawainya supaya menjalankan siasatan. Baginda mahu tahu siapa namanya, datang dari mana dan di mana tempat tinggalnya. Selepas dijalankan penyiasatan, maka Sulaiman melaporkan kepada khalifah.

"Amirul Mukminin, lelaki itu bernama Yaklam. Berasal dari Parsi. Dia tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap kerana sentiasa menjadi tetamu di rumah mereka yang terpengaruh dengan permainan sihirnya. Mereka menyayangi lelaki itu seperti keluarga sendiri. Malah ramai yang berebut-rebut supaya lelaki itu menjadi tetamu di rumah mereka," kata Sulaiman melaporkan.

Menurut Sulaiman, setiap pagi lelaki itu pergi ke pasar Baghdad lalu menunjukkan kehebatannya kepada orang ramai. Kemudian lelaki itu menjual barang-barang dagangannya. Ramai yang membelinya.

"Apakah barang-barang yang dijualnya?" tanya khalifah.

"Beberapa jenis kuih dan beberapa jenis air minuman. Khabarnya sesiapa yang memakan kuih ataupun meminum air jualan lelaki itu terus menjadi ketagih dan esoknya mereka datang lagi membelinya," jawab Sulaiman.

"Sekiranya begitu lelaki itu tidak membahayakan kita. Dia menunjukkan kehebatannya bagi menarik perhatian pelanggannya. Biarkan sahaja lelaki itu dengan permainannya asalkan dia tidak menghasut orang ramai membenci beta," kata khalifah Hisyam.

Maka bertambah ramai yang tertarik kepada lelaki itu. Setiap pagi orang ramai berkumpul di pasar Baghdad bagi melihat permainannya. Selepas itu

mereka berebut-rebut membeli kuih dan air minuman yang dijualnya.

Selepas beberapa bulan berada di kota Baghdad, tiba-tiba lelaki itu tidak muncul lagi. Dia menghilangkan diri secara tiba-tiba. Ramai yang tertanya-tanya ke mana perginya lelaki itu. Tersebar khabar angin yang mengatakan lelaki itu diculik lalu dibunuh lanun padang pasir. Akhirnya kisah lelaki itu senyap begitu sahaja.

Sebenarnya lelaki itu masih hidup. Dia sengaja melakukannya bagi mengelirukan orang ramai. Dalam diam-diam lelaki itu berpindah ke kota Madinah. Dia pergi ke pasar Madinah dengan membawa seekor keldai. Sama seperti yang dilakukannya di pasar kota Baghdad, sebelum menunjukkan permainannya lelaki itu berteriak menyeru orang ramai supaya datang bagi mendapatkan kuih dan minuman percuma.

"Saya akan menunjukkan kebolehan saya menghilangkan diri daripada pandangan kamu semua," kata lelaki itu.

Kemudian dia berdiri di atas belakang keldainya lalu mulutnya berkumat kamit membacakan sesuatu. Tiba-tiba lelaki itu hilang daripada pandangan. Tidak lama kemudian lelaki itu muncul semula. Orang ramai berasa kagum kepada kebolehan lelaki itu.

"Tuan-tuan, saya ada membuat tangkal yang mana dapat melindungi tuan-tuan daripada pandangan musuh sepertimana tuan tidak melihat saya sebentar tadi," kata lelaki itu sambil menunjukkan tangkal-tangkal yang dibawanya.

Ramai yang percaya kepada kata-kata lelaki itu lalu membeli tangkal itu walaupun dengan harga yang mahal. Pada suatu hari salah seorang anak murid Imam Malik pergi ke pasar hendak membeli barang keperluannya. Apabila melihat orang ramai berkumpul, dia pun pergi melihatnya. Kemudian dia mengadukan perkara itu kepada Imam Malik.

"Tuan Imam, saya yakin lelaki itu ahli sihir bukannya orang alim yang dikurniakan karamah. Tambahan pula dia menjual tangkal. Bukankah memakai tangkal itu dilarang oleh agama kita?" tanya Yusuf.

"Dari cerita kamu tadi saya juga yakin lelaki itu seorang ahli sihir. Sesiapa yang dikurniakan karamah, dia tidak menunjuk-nunjukannya di khalayak

ramai. Mereka yang tahu hukum agama juga tidak memakai ataupun menjual tangkal," kata Imam Malik.

"Tuan Imam, apakah makna sihir itu yang sebenarnya?" tanya salah seorang anak muridnya.

Bagi menjawab pertanyaan itu Imam Malik pun membaca ayat Quran surah *al-Baqarah* ayat 102 yang bermaksud, "Mereka mengikuti apa yang dibacakan syaitan pada masa kerajaan Sulaiman dan Sulaiman itu bukan tukang sihir tetapi syaitanlah yang kafir. Mereka ajarkan ilmu sihir kepada manusia dan apa-apa yang diturunkan kepada dua malaikat Harut dan Marut di negeri Babil."

Menurut Imam Malik, dua malaikat Harut dan Marut itu diturunkan bagi menentang tukang-tukang sihir. Bagi membuktikan ilmu sihir itu salah, dua malaikat itu mengajarkan ilmu sihir kepada manusia.

"Ibnu Mas'ud pernah berkata, sesiapa pergi ke tukang ramal, ataupun ke tukang sihir ataupun ke tukang tenung, kemudian ia bertanya dan percaya kepada apa yang dikatakannya, sungguh dia kufur pada apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

"Rasulullah SAW berkata lagi, Tidak akan masuk syurga peminum arak, dan tidak pula orang yang percaya kepada sihir dan tidak pula orang yang memutuskan silaturahim," kata Imam Malik.

"Tuan Imam, mengenai lelaki itu apa yang perlu kita lakukan sekarang?" tanya Yusuf.

"Laporkan perkara itu kepada gabenor," jawab Imam Malik.

Yusuf pun melaporkan perkara itu kepada gabenor. Gabenor pula melaporkannya kepada khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

"Sekiranya kita tidak bertindak, orang ramai akan menuduh kita bersubahat dengan tukang sihir itu. Mereka pasti menuduh kita melindungi tukang sihir dan itu membuatkan orang ramai membenci kita," kata gabenor Madinah.

"Benar juga kata kamu," kata khalifah.

Kemudian khalifah Hisyam pun berangkat ke Madinah lalu berjumpa dengan Imam Malik.

“Apakah hukum bagi tukang sihir?” tanya khalifah.

“Saya berpendapat orang itu harus dibunuh sekiranya memang sah dia yang melakukan perbuatan sihir itu,” jawab Imam Malik.

“Apa hujah kamu?” tanya Khalifah.

Menurut Imam Malik, Hafsah Ummul Mukminin pernah disihir oleh jariahnya. Dia menyuruh supaya dibunuh perempuan itu selepas terbukti kesahihannya.

“Umar al-Khattab juga pernah menjatuhkan hukuman bunuh kepada tukang-tukang sihir,” kata Imam Malik.

Selepas mendengar fatwa daripada Imam Malik, khalifah pun pergi ke pasar bagi melihat sendiri permainan tukang sihir itu. Dilihatnya orang ramai sedang berkerumun mengelilingi tukang sihir itu. Melihat kedatangan khalifah, orang ramai memaklumkan kedatangannya. Keadaan itu menggembirakan hati tukang sihir.

“Pada hari ini saya berasa gembira kerana Amirul Mukminin Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sudi datang melihat permainan saya. Hari ini ada tetamu yang paling istimewa, jadi saya akan menunjukkan satu permainan yang paling luar biasa yang belum pernah saya lakukan sebelum ini,” kata lelaki itu dengan bangga.

“Tunjukkan segera kami tidak sabar mahu melihatnya,” teriak orang ramai.

“Saya mahu bertanya, adakah sesiapa yang dapat masuk ke dalam perut keldai ini?” tanya lelaki itu.

“Kami tidak dapat melakukannya,” teriak orang ramai.

“Mustahil manusia dapat masuk ke dalam perut keldai,” teriak yang lain pula.

“Bagaimana sekiranya saya dapat melakukannya?” tanya lelaki itu sambil bercekak pinggang.

“Sekiranya tuan dapat melakukannya memang tuan seorang yang hebat. Tuan dikurniakan karamah yang luar biasa,” jawab orang ramai.

Lelaki itu pun berdiri sambil memegang kepala keldai. Kemudian dia menyuruh keldai itu membuka mulut. Tiba-tiba lelaki itu masuk ke dalam badan keldai melalui mulut binatang itu. Tidak lama kemudian lelaki itu keluar dari arah dubur keldai itu.

Selepas melihat kejadian itu, khalifah Hisyam pun berteriak, "Wahai kaum Muslimin sekalian, ketahuilah lelaki itu adalah tukang sihir dan beta sendiri sudah melihat permainan sihirnya. Jadi beta jatuhkan hukuman bunuh ke atas tukang sihir ini," kata khalifah Hisyam.

Perintah itu segera dijalankan. Pengawal khalifah pun memenggal leher lelaki itu. Kemudian khalifah memerintahkan orang ramai berkumpul di Masjid Nabi. Imam Malik juga dijemput datang.

Kemudian khalifah pun berucap, "Kamu diperdayakan oleh tukang sihir yang menjual kepada kamu tangkal. Sedangkan memakai tangkal itu dilarang oleh agama kita. Beta minta Imam Malik menerangkannya," kata khalifah.

Imam Malik pun membacakan hadis Nabi Muhammad SAW mengenai larangan memakai tangkal, "Sesiapa menggantungkan tangkal, dia menyekutukan Allah. Sesiapa menggantungkan tangkal, Allah tidak akan menyempurnakan imannya, dan sesiapa menggantungkan azimat, Allah tidak akan mempercayainya. Rasulullah SAW berkata, sesungguhnya tangkal dan azimat itu adalah syirik," kata Imam Malik.

Kemudian khalifah Hisyam bin Abdul Malik memerintahkan mereka yang memakai tangkal ataupun azimat perlu dibuang atau dimusnahkan.

Bab 9 Istana Musim Sejuk

Hari menjelang senja. Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sedang duduk di anjung istana, disertai oleh beberapa orang menterinya. Mereka baru sahaja menikmati makan malam. Sementara menunggu masuknya waktu sembahyang maghrib mereka duduk berbual.

"Amirul Mukminin, mahukah mendengar kisah Nabi Sulaiman?" Tiba-tiba Maulana Syarif bersuara.

"Ceritalah kerana sudah lama beta tidak mendengarnya," kata khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

Maulana Syarif yang terkenal sebagai pandai bercerita itu pun menceritakan kisah Nabi Sulaiman. Apabila sampai kepada kisah Puteri Balqis yang terpesona melihat istana Nabi Sulaiman sehingga terpaksa menarik kainnya ke atas dan menampakkan betis kerana menyangka lantai istana itu berair, maka khalifah pun menyampuk.

"Nabi Sulaiman juga memiliki istana yang cantik. Maka beta juga mahu membina sebuah istana yang lebih indah daripada kediaman maharaja Rom," katanya.

"Bagi membina istana yang cantik memerlukan perbelanjaan yang banyak. Sekiranya khalifah mampu kami sanggup membuatnya," kata wazir pula.

"Beta tetap akan membuatnya walau dengan apa cara sekalipun," kata khalifah Hisyam.

Tidak lama kemudian beliau pergi ke Madinah lalu berjumpa dengan Imam Malik. Beliau menyatakan maksudnya, "Nabi Sulaiman mempunyai sebuah mahligai yang cantik sehingga Puteri Balqis terpesona melihatnya. Beta juga mahu memiliki sebuah istana yang cantik. Apa pendapat kamu?" tanya khalifah.

"Nabi Sulaiman dikurniakan nikmat yang banyak oleh Allah. Beliau dapat memerintahkan angin membawanya pergi ke mana sahaja. Makhluk jin juga tunduk kepadanya. Namun beliau seorang yang taat kepada Allah. Kekayaan

dan kekuasaan yang dimilikinya tidak pernah membanggakan dirinya malah membuat dia semakin bertakwa," kata Imam Malik pula.

Kemudian katanya lagi, "Nabi Muhammad SAW juga boleh memiliki kekayaan seperti Nabi Sulaiman. Tetapi beliau lebih suka hidup sederhana dan bersahabat dengan mereka yang hidup sederhana. Contohilah khalifah Umar bin Abdul Aziz. Beliau disayangi rakyat kerana keadilannya."

"Imam Abu Hanifah memberi fatwa, kerajaan ataupun ketua-ketua negara ataupun pembesar berhak mengendalikan harta negara. Mereka juga berhak memberi hadiah kepada pejuang-pejuang ataupun sesiapa sahaja yang berjasa kepada negara. Adakah kamu bersetuju dengan fatwanya itu?" tanya khalifah Hisyam kepada Imam Malik dalam satu pertemuan mereka di Masjid Nabi.

"Saya tidak membantah fatwanya kerana Imam Abu Hanifah memberi fatwa berdasarkan Quran dan hadis," jawab Imam Malik.

"Imam Abu Hanifah juga memberi fatwa, pemerintah boleh membahagikan tanah-tanah yang belum dibuka kepada rakyat yang memerlukannya. Adakah kamu bersetuju dengan fatwanya itu?" tanya khalifah lagi.

"Saya bersetuju," jawab Imam Malik.

"Apabila kamu sudah menyatakan persetujuan dengan fatwa itu adakah kamu sanggup mempertahankannya sekiranya ada sesiapa yang mempertikaikannya?" tanya khalifah lagi.

"*Insya-Allah*," jawab Imam Malik.

Khalifah Hisyam kelihatan gembira. Dia memberikan hadiah kepada Imam Malik sebanyak sepuluh ribu dinar. Imam Malik menerimanya kerana mahu menjaga hati khalifah. Duit itu akan dibahagikannya kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukan bantuan.

Selepas mendapat kepastian daripada Imam Malik, khalifah pulang segera ke Baghdad. Kemudian bermesyuarat dengan para pembantunya termasuk gabenor-gabenor.

Menurut khalifah Hisyam, beliau mahu membina sebuah istana musim sejuk yang akan digunakan setiap kali tibanya musim sejuk. Dia juga mahu istana

itu lebih indah daripada kediaman maharaja Rom. Menurutnya lagi, beliau berhak menggunakan harta perbendaharaan negara sesuai dengan fatwa yang dikeluarkan Imam Abu Hanifah dan dipersetujui Imam Malik bin Anas.

"Beta namakannya Istana Musim Sejuk. Kamu perlu cari tempat yang sesuai bagi membina istana itu. Kerahkan tukang-tukang yang mahir. Gunakan batu jubin dan mozek dari Parsi dan Turki. Semua perbelanjaannya akan ditanggung oleh perbendaharaan negara," beritahu khalifah Hisyam.

Tidak ada siapa yang berani membantah perintah khalifah yang mahu menggunakan harta negara bagi membina istana musim sejuknya itu. Tambahan pula sesuai dengan fatwa Imam Abu Hanifah serta dipersetujui Imam Malik bahawa pemerintah berhak menggunakan harta negara. Walau bagaimanapun khalifah Hisyam mahu rancangan itu jangan dihebahkan kepada orang ramai. Selepas agak lama mencari kawasan yang sesuai seperti yang dikehendaki khalifah Hisyam, akhirnya mereka menjumpai satu kawasan yang dirasakan paling menepati kehendak khalifah.

"Amirul Mukminin, kami sudah berjalan banyak tempat bagi mencari kawasan yang sesuai. Selepas puas mencari, akhirnya kami sebulat suara memilih di suatu tempat bernama Jerico atau dikenali juga dengan nama Arihah," kata wazir khalifah Hisyam.

Menurutnya, Jerico sebuah bandar yang tertua di dunia. Wujud kira-kira sepuluh ribu tahun yang lalu. Jerico juga adalah bandar yang paling rendah di dunia kerana terletak di bawah paras laut. Ia berhampiran dengan laut mati.

"Istana Musim Sejuk itu akan didirikan di sebuah kawasan yang dinamakan Tal al-Mafjar yang terletak di utara Jerico. Istana itu akan dikelilingi bukit-bukit kering dan sebuah jalan yang lurus akan dibina menghala ke istana itu," kata wazir.

"Beta mahu istana itu dibina lebih cantik daripada kediaman Maharaja Rom. Dilengkapi dengan taman-taman permainan, kawasan mandian, air pancut dan tempat beristirahat. Dihiasi dengan pelbagai binaan indah dengan jubinnya yang berwarna warni.

"Istana itu adalah istana musim sejuk, jadi beta mahu sistem pengairannya dapat membekalkan air panas ke dalam kolam mandian dan tempat

beristirahat. Di perkarangan istana ditanam dengan bunga-bunga, manakala di kelilingnya pula ditanam pohon-pohon yang menghijau," kata khalifah Hisyam lalu melakarkan pelan istana impiannya itu.

Maka bermulalah kerja-kerja pembinaan Istana Musim Sejuk khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Beratus pekerja yang mahir dikerahkan bagi pembinaannya. Walaupun perbelanjaannya sangat mahal, namun tidak menjadi masalah kerana ditanggung oleh perbendaharaan negara.

Sejak itu juga khalifah Hisyam begitu sibuk dengan istana impiannya itu. Setiap hari beliau memikirkan apa yang perlu dibuat bagi mencantikkan lagi istana itu. Dia mahu istana itu menjadi lambang kemegahan pemerintahannya dan menjadi kebanggaan generasi yang akan datang. Beliau sering ke Jerico melihat pembinaannya.

Akhirnya pembinaan istana musim sejuk khalifah Hisyam di Jerico itu diketahui juga oleh orang ramai. Mereka heboh memperkatakannya. Ramai yang membantah kerana menganggap pembinaan istana itu membazirkan harta negara. Sepatutnya harta itu digunakan bagi membantu fakir miskin dan mereka yang memerlukan.

"Selama khalifah Hisyam berkuasa, beliau banyak menghabiskan harta negara bagi peperangan. Tetapi selepas pasukan tentera kita gagal menakluk Perancis, tidak berlaku peperangan lagi. Harta negara digunakan bagi membina istananya pula. Itu zalim namanya," kata Ali bin Zainal Abidin yang sememangnya tidak bersetuju dengan khalifah Hisyam.

"Bukankah tindakan khalifah itu mendapat persetujuan daripada Imam Abu Hanifah dan Imam Malik?" tanya Wasiq pula.

"Saya akan menemui kedua-dua ulama itu bagi meminta penjelasan," kata Ali bin Zainal Abidin.



721.jpg

"Tuan Imam, tuan memberi fatwa bahawa pemerintah dibolehkan menggunakan harta negara bagi kepentingannya. Fatwa itu digunakan oleh khalifah Hisyam bagi membina istana musim sejuknya di bandar Jerico. Bukankah membina kediaman indah lebih indah daripada kediaman

maharaja Rom itu satu pembaziran?” tanya Ali Zainal Abidin kepada Imam Abu Hanifah.

“Fatwa saya begini, pemerintah boleh menggunakan harta negara bagi kepentingan orang ramai. Bukan kepentingan dirinya sendiri. Khalifah Hisyam menyalahgunakan fatwa itu,”jawab Imam Abu Hanifah.

Imam Abu Hanifah menemui khalifah Hisyam lalu memaklumkan beliau tidak setuju dengan pembinaan istana musim sejuk itu. Beliau juga menerangkan maksud yang sebenar fatwanya itu. Namun tidak dipedulikan oleh khalifah. Pembinaan istana musim sejuk di bandar Jerico itu tetap diteruskan.

Malah khalifah Hisyam mengarahkan pekerjanya membina mozek bergambar, seekor rusa yang diterkam oleh seekor singa di sebatang pokok yang rendang. Di balik pokok pula terdapat dua ekor rusa yang gemuk. Beliau mahu gambar pada mozek ini menjadi lambang kepada bandar Jerico. Ramai yang cuba mentafsirkan makna gambar itu tetapi hanya khalifah Hisham yang tahu maknanya.

“Singa itu adalah khalifah Hisyam. Rusa yang diterkam itu adalah Imam Abu Hanifah. Dua ekor rusa lagi itu adalah Imam Malik dan Imam Ahmad yang bakal diterkam singa,” kata Ali bin Zainal Abidin mentafsirkan.

Apabila perkara itu dimaklumkan kepada Imam Malik, beliau lebih suka mengambil sikap berkecuali kerana tidak mahu mengeruhkan keadaan. Tambahan pula sudah ada tanda-tanda akan berlaku pemberontakan. Walau bagaimanapun Imam Malik sering memuji khalifah Umar bin Abdul Aziz yang dianggapnya sebagai khalifah yang terbaik daripada kalangan khalifah bani Umaiyah.

“Sebelum dilantik menjadi khalifah, beliau tinggal di dalam istana dan hidup dengan mewah. Tetapi selepas menjadi khalifah, Umar bin Abdul Aziz mendiami sebuah rumah yang sederhana sahaja besarnya tanpa ada perabot di dalamnya. Lantainya cuma dialas dengan sehelai tikar. Beliau memakai pakaian yang paling murah dan memakan roti kering sahaja,” cerita Imam Malik.

Menurutnya lagi, khalifah Umar bin Abdul Aziz juga tidak mahu menggunakan harta negara bagi kepentingan diri ataupun keluarganya.

Beliau mempunyai dua buah pelita, satu digunakan untuk keluarganya dan satu untuk urusan negara. Pelita untuk negara cuma dipasang apabila beliau menjalankan tugas rasmi negara. Selepas selesai urusannya, pelita itu segera dipadamkannya.

Pada suatu hari, sedang khalifah Umar bin Abdul Aziz mengira buah-buah epal yang akan dibahagikan kepada fakir miskin, tiba-tiba datang anak kecilnya yang sedang lapar lalu mengambil sebiji buah epal itu. Baru sahaja kanak-kanak itu hendak makan tiba-tiba khalifah merampas buah epal dari mulut anaknya itu.

Imam Malik sering menceritakan kisah khalifah Umar bin Abdul Aziz itu kepada anak muridnya dan juga kepada orang ramai. Harapannya semoga dapat dijadikan contoh teladan kepada mereka yang berkuasa.

Walaupun semakin banyak mendapat bantahan daripada orang ramai, namun khalifah Hisyam bin Abdul Malik tetap meneruskan pembinaan istana musim sejuknya itu. Beliau mahu istana itu menjadi kediaman khalifah Islam yang paling cantik mengalahkan kediaman maharaja Rom. Setiap hari beliau menceritakan perihal istana itu kepada keluarganya menyebabkan mereka seolah-olah tidak sabar lagi mahu mendudukinya.

Namun manusia cuma merancang tetapi Tuhan yang menentukan. Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dan ahli keluarganya tidak sempat menduduki istana musim sejuk kerana musnah dilanda gempa bumi.

Bab 10 Pemberontakan

Khalifah Hisyam kelihatan gelisah. Berita yang baru disampaikan kepadanya itu benar-benar mengejutkan. Kaum Barbar di Afrika Utara memberontak kerana kepimpinannya. Mereka mendapat sokongan daripada penduduk tempatan hingga jumlahnya ratusan ribu orang.

"Sekiranya kita tidak bertindak segera, pasukan pemberontak pasti menguasai Andalus. Sekiranya itu berlaku mereka pasti menubuhkan kerajaan sendiri. Selepas itu mereka mahu menumbangkan kita," kata wazir khalifah Hisyam.

"Beta tahu dan mahu bertindak segera. Tetapi kita sedang menghadapi satu masalah yang paling besar. Itu yang membuat beta susah hati," kata khalifah Hisyam pula.

"Apa masalahnya?" tanya wazir.

"Bagi menghantar pasukan tentera, kita perlukan perbelanjaan yang besar. Sedangkan harta perbendaharaan negara sudah habis digunakan bagi membina istana musim sejuk di Jerico. Itu yang menjadi masalahnya." Akhirnya khalifah berterus terang.

Selama ini dia cuba merahsiakan perkara itu. Cuma dia dan penjaga perbendaharaan yang tahu. Dalam keadaan sekarang perkara itu tidak dapat dirahsiakan lagi.

"Kita dapatkan bantuan daripada rakyat. Gunakan paksaan sekiranya perlu. Ini dilakukan demi kepentingan dan keselamatan mereka juga," kata wazir mencadangkan.

"Beta setuju tetapi kita perlu mendapatkan fatwa daripada Imam Malik dan Imam Abu Hanifah. Fatwa itu perlu berbunyi, pemerintah boleh memaksa rakyat membiayai perbelanjaan peperangan," kata khalifah Hisyam.

"Saya akan memujuk Imam Abu Hanifah mengeluarkan fatwa seperti itu," kata wazir sambil menyatakan kesanggupannya berjumpa ulama terbilang itu.

“Katakan kepada dia, beta sanggup memberinya lima puluh ribu dirham sekiranya mahu bekerjasama dengan kita,” kata khalifah Hisyam.

“Masih adakah duit perbendaharaan sebanyak itu untuk diberikan kepadanya?” tanya wazir pula sambil tersenyum sinis.

“Beritahu dia duit itu akan diberikan selepas fatwa seperti yang kita mahu itu dikeluarkan,” jawab khalifah.

Wazir segera berjumpa dengan Imam Abu Hanifah lalu menyatakan permintaan khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Tetapi Imam Abu Hanifah dengan tegas menolak permintaan itu lalu mengatakan tidak mahu lagi memberi fatwa yang boleh disalahgunakan oleh khalifah.

“Setiap satu fatwa itu bukan ditentukan oleh khalifah ataupun sesiapa. Tetapi ditentukan oleh Quran, hadis dan pendapat para sahabat. Saya tidak boleh mengeluarkan sesuatu fatwa mengikut kehendak khalifah,” tegas Imam Abu Hanifah.

“Kita dalam keadaan darurat. Pemberontak sedang mengancam mahu menyerang kita. Jadi khalifah mahu Imam Abu Hanifah keluarkan fatwa bagi membolehkan khalifah membuat persiapan jihad,” desak wazir.

Imam Abu Hanifah tetap dengan keputusannya tidak mahu patuh kepada permintaan khalifah. Apabila terus didesak akhirnya beliau menyuruh khalifah berjumpa dengan Imam Malik di Madinah.

Oleh kerana perkara itu penting, khalifah sendiri pergi ke Madinah bertemu dengan Imam Malik. Dia memujuk imam besar itu supaya mengeluarkan fatwa seperti yang dikehendakinya.

“Ini adalah perintah daripada beta yang menjadi Amirul Mukminin,” ugut khalifah Hisyam.

Namun Imam Malik langsung tidak gentar dengan ugutan itu lalu berkata, “Pemerintah hanya boleh memaksa rakyat membiayai perbelanjaan peperangan dengan syarat pemerintah berserta kaum keluarganya terlebih dahulu sudah menyerahkan semua harta kepunyaan mereka dan masih tidak mencukupi. Ketika itu baru fatwa seperti itu boleh dikeluarkan,” tegas Imam Malik.

“Bukan fatwa seperti itu yang khalifah mahukan. Amirul Mukminin mahu fatwa yang berbunyi, pemerintah berhak memaksa rakyat mengeluarkan harta bagi membiayai perbelanjaan peperangan,” kata wazir pula.

“Tetapi perlu ditambah lagi perkataan, selepas pemerintah dan kaum keluarganya mengeluarkan semua harta mereka dan masih belum mencukupi,” kata Imam Malik pula.

Wazir bertempik marah. Khalifah Hisyam juga marah. Namun Imam Malik kelihatan tenang sahaja. Dia tetap dengan keputusannya, hanya memberi fatwa apabila syarat itu dipenuhi khalifah. Selepas tidak berjaya memujuk Imam Malik, khalifah Hisyam dan para pengiringnya pulang ke Baghdad.

Kemudian khalifah Hisyam mengeluarkan perintah panggilan jihad di Afrika Utara. Orang ramai diminta mendaftarkan diri sebagai pejuang jihad ataupun memberikan hartanya bagi membiayai peperangan itu. Perintah itu mendapat bantahan banyak pihak kerana yang hendak diperangi adalah orang Barbar yang beragama Islam. Namun ramai juga yang mendaftarkan diri ataupun memberikan sumbangan hartanya kerana bimbang dihukum oleh khalifah.

Khalifah Hisyam juga menulis surat kepada gabenor Andalus supaya turut menghantar pasukan tentera bagi memadamkan pemberontakan di Afrika Utara.

Tidak lama kemudian berlaku pertempuran yang sengit antara pasukan tentera yang membela khalifah bani Umaiyah dengan pasukan penentang yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Barbar. Selepas berperang selama tiga bulan, akhirnya pasukan pemberontak berjaya dikalahkan.

Zaid bin Ali cucu Husain bin Ali kemudian turut menentang khalifah Hisyam. Beliau mendapat sokongan daripada penduduk Kufah dan Basrah. Penentangan terhadap khalifah semakin kuat apabila Imam Abu Hanifah mengeluarkan fatwa dibolehkan menentang khalifah Hisyam kerana berlaku zalim.

“Tuan Imam, Zaid bin Ali iaitu cucu Husin bin Ali bangkit melawan khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Beliau mendapat sokongan daripada Imam Abu Hanifah dengan mengeluarkan fatwa menentang khalifah Hisyam yang zalim serupa dengan perjuangan Rasulullah SAW menentang kaum musyrikin dalam perang Badar,” kata salah seorang anak murid Imam Malik.

Namun Imam Malik tidak ambil peduli dengan apa yang berlaku. Dia sebenarnya berbeza pendapat dengan Imam Abu Hanifah dalam masalah itu. Ini kerana Imam Abu Hanifah memberi sokongan pada Zaid memberontak melawan khalifah Hisyam. Walaupun beliau tidak sama-sama mengangkat senjata namun beliau sanggup membantu dengan mengeluarkan fatwa serta memberikan hartanya.

Berbeza dengan Imam Malik. Beliau tidak merestui perlawanan menentang kerajaan, meskipun kerajaan itu berlaku zalim, kecuali benar-benar diyakini, dengan perlawanan itu kerajaan yang zalim dapat ditumbangkan. Sekiranya memberontak pada kerajaan yang zalim dan diyakini penentangan tidak berjaya, perjuangan itu sia-sia sahaja.

"Nabi Muhammad SAW berkata, seutama-tama jihad adalah kata-kata yang benar pada pemerintah yang zalim. Seutama syahid adalah orang mati dibunuh oleh pemerintah kerana mengucapkan kata-kata yang benar di hadapan pemerintah yang zalim itu," kata seorang ulama yang menyokong pemberontakan Zaid.

Imam Malik cuma berdiam diri dan tidak menjawab kata-kata ulama itu. Sebenarnya beliau mengetahui mengenai hadis itu dan sudah pun menghafalnya. Pendirian beliau tidak baik memberontak pada pemerintah yang zalim demi keselamatan orang ramai. Beliau sedar keadaan menjadi bertambah huru hara dan negara terdedah kepada musuh sekiranya pemberontakan berlaku. Apa faedahnya memberontak sekiranya belum pasti kerajaan yang zalim itu dapat ditumbangkan. Oleh kerana itu Imam Malik lebih suka memberi nasihat kepada khalifah daripada mengangkat senjata.

Walaupun khalifah Hisyam bin Abdul Malik tidak sebaik khalifah Umar bin Abdul Aziz tetapi beliau berjaya mengekalkan pemerintahannya selama dua puluh tahun. Sepanjang pemerintahannya, khalifah Hisyam berjaya menamatkan pemberontakan Hindu yang dipimpin Jai Sing di Sind. Dengan itu beliau berjaya mengekalkan kekuasaannya di wilayah India itu.

Walaupun usaha khalifah Hisyam mahu menakluk Perancis gagal, namun Andalus masih dapat dipertahankan supaya terus berada di bawah pemerintahan Islam. Kejayaan beliau yang paling bermakna apabila berjaya memadamkan pemberontakan kaum Barbar di Afrika Utara dan berjaya menggagalkan usaha Zaid yang menentangnya.

Oleh kerana pendirian Imam Malik yang tidak menyokong pemberontakan khalifah Hisyam itu menyebabkan penduduk Mekah dan Madinah tidak menyertai pemberontakan Zaid. Benarlah seperti telahan Imam Malik. Pemberontakan itu gagal menumbangkan khalifah Hisyam. Ramai pahlawan yang mati sia-sia akibat pertempuran sesama umat Islam.

Sikap berkecuali Imam Malik itu, membuatkan khalifah Hisyam bertambah sayang padanya. Semakin kerap mereka berjumpa dan semakin banyak nasihat yang dapat diberikan Imam Malik kepada khalifah.

Bab 11 Insaf dan Bertaubat

Orang ramai mengenali wanita muda berusia belasan tahun itu dengan gelaran jariah. Dia seorang wanita yang cantik dan menawan. Dia juga menjadi kegilaan bukan sahaja anak-anak muda tetapi juga orang dewasa termasuk yang sudah tua. Dia pandai menari, menyanyi dan bersyair. Suaranya lunak apabila membaca Quran. Sayangnya dia seorang budak suruhan kepada seorang wanita Yahudi. Wanita itu menggunakan kecantikan gadis muda itu bagi mendapat keuntungan.

Pada suatu petang, khalifah Hisyam bin Abdul Malik sedang duduk di anjung istana bersama beberapa orang pembantunya. Mereka berbual selepas menikmati juadah petang sambil menanti masuknya waktu sembahyang maghrib.

"Amirul Mukminin, di Kufah ada seorang wanita muda yang sangat cantik. Dia pandai menari, menyanyi, bersyair, dan membaca Quran. Tetapi sayangnya dia cuma budak suruhan kepada seorang wanita Yahudi," beritahu wazir.

Khalifah Hisyam yang sememangnya suka kepada wanita muda yang cantik itu tertarik hati mendengarnya lalu berkata, "Apakah kecantikan wanita itu sama seperti Puteri Balqis yang diceritakan dalam kisah Nabi Sulaiman?"

"Mungkin sama kerana wanita muda itu digilai bukan sahaja anak-anak muda tetapi juga orang tua. Seluruh penduduk Kufah mengenali wanita muda itu. Kecantikannya menjadi perbualan orang ramai dan dicemburui kaum wanita," jawab wazir sengaja menokok tambah cerita bagi menarik perhatian khalifah.

Maka timbul keinginan khalifah Hisyam mahu memiliki wanita muda itu. Dia menulis surat kepada gabenor Kufah mengarahkannya memujuk wanita Yahudi itu supaya menjualkan Jariah kepada khalifah. Tidak lama kemudian sampai surat balasan daripada gabenor Kufah.

Amirul Mukminin yang saya kasihi. Jariah itu seorang gadis yang cantik jelita tiada tolok bandingannya. Sesiapa yang melihat senyumannya sahaja sudah jatuh cinta dan menggilainya siang dan malam. Tuanku dengan wanita itu ibarat Puteri Balqis dengan Nabi Sulaiman.

Sukacita dimaklumkan, saya berjaya memujuk wanita Yahudi itu menjual budak suruhannya dengan harga seribu dirham dan ditambah dengan sebuah kebun kurma yang dapat menghasilkan buahnya lima ratus gantang setahun.

Selepas membaca surat itu semakin berkobar-kobar perasaan khalifah Hisyam mahu memiliki wanita itu. Dia segera menghantar utusan ke Kufah bagi merundingkan pembelian budak suruhan yang cantik jelita itu.

Kemudian khalifah Hisyam berangkat ke Kufah. Kebetulan beliau mempunyai sebuah istana yang terletak di tengah bandar Kufah. Beliau mengarahkan supaya istana itu dihias indah, dilengkapi dengan perabot yang cantik dan mahal, pakaian yang beraneka corak, barang-barang perhiasan emas, intan dan berlian serta dayang-dayang. Semua itu disediakannya bagi menyambut kedatangan wanita pujaan hatinya itu.

Pada hari yang ditentukan, jariah itu dibawa ke istana khalifah dengan penuh kemegahan. Dia merasakan bagaikan bulan jatuh ke riba. Suatu tuah yang datang secara tiba-tiba dan tidak pernah dijangkanya.

Maka bermulalah babak baharu dalam kehidupan wanita muda yang cantik jelita itu dengan seorang khalifah yang sudah agak lanjut usianya. Kedua-duanya menjalani kehidupan dengan penuh kenikmatan dan kebahagiaan. Setiap hari mereka asyik bercengkerama seolah-olah tidak menghiraukan lagi urusan dunia.

Pada suatu hari, khalifah Hisyam sedang bercengkerama dengan wanita itu di anjung istana yang dihampari permaidani dan wangian yang harum semerbak sambil melihat dayang-dayang istana menyanyi dan menari.

Tiba-tiba kedengaran suara dari bawah anjung istana berteriak. “Amirul Mukminin, lihatlah ayahku ini sedang diusung ke tanah perkuburan. Janganlah asyik dengan kenikmatan dunia kerana tuan juga akan diusung ke sana tidak lama lagi!”

Khalifah Hisyam bangun lalu meninjau ke bawah bagi melihat apa yang berlaku. Dilihatnya orang ramai sedang mengusung sebuah keranda bagi dibawa ke tanah perkuburan. Seorang wanita sedang menangis sambil mengulangi kata-katanya.

“Amirul Mukminin, lihatlah ayahku ini sedang diusung ke tanah perkuburan. Janganlah asyik dengan kenikmatan dunia kerana tuan juga akan diusung ke sana tidak lama lagi!”

Kata-kata wanita itu menusuk ke hati khalifah Hisyam. Tiba-tiba dia menjadi insaf dan sedih. Tambahan pula apabila melihat orang ramai mengusung jenazah ke tanah perkuburan. Dia terbayang dirinya yang terbaring di dalam keranda itu dan orang ramai menghantarnya ke tanah perkuburan. Pada ketika itu istana yang cantik ditinggalkannya dan dia berpindah ke tempat yang sempit dan gelap. Wanita cantik itu juga ditinggalkannya malah segala harta dan alat-alat kebesarannya juga ditinggalkan. Tiba-tiba khalifah Hisyam berasa sebak lalu menangis.

"Amirul Mukminin, mengapa menangis? Bukankah saya ada di sisimu? Saya bersedia pada bila-bila masa membuat kamu bahagia," kata wanita itu.

Namun belaian manja wanita yang cantik jelita itu tidak lagi mempesoakan hatinya. Malah langsung tidak menarik perhatiannya.

"Cukuplah setakat ini. Kematian itu menginsafkan beta," ujar khalifah Hisyam lalu berpaling daripada wanita yang selama ini menjadi pujaan hatinya.

Wanita yang cantik jelita itu tersinggung dengan sikap khalifah Hisyam lalu berkata, "Peratap jenazah memutuskan tambatan hatiku. Membuat hatiku berpaling."

"Pergi dari sini. Biarkan saya bersendirian," kata khalifah Hisyam.

Semua yang berada di situ segera beredar. Tinggallah khalifah Hisyam bersendirian melayan tangisan keinsafannya. Wanita yang jelita itu pula masuk ke dalam bilik lalu baring di atas katil. Kemudian dia terlena.

Tiba-tiba wanita itu bermimpi didatangi seorang lelaki yang berpakaian serba putih lalu berkata, "Ramai lelaki yang terpesona dengan kecantikan kamu hingga membuat mereka lupa daratan. Engkau sudah membuat mereka berasa bahagia. Tetapi bagaimana pula keadaan kamu selepas mati? Apabila sangkakala ditiup dan manusia dibangkitkan dari kubur, mereka menuju ke tempat pembalasan. Masing-masing akan menerima pembalasan mengikut amalan yang mereka lakukan."

Wanita itu terjaga daripada tidur lalu memikirkan mimpinya itu. Mimpi itu meninggalkan kesan yang mendalam di hatinya.

Kemudian wanita itu memanggil dayang-dayang istana lalu minta disediakan tempat mandian. Seperti biasa selepas selesai mandi dayang-dayang istana

datang membawa pakaian yang cantik dan mahal harganya serta bau-bauan bagi dipakai wanita itu.

Tetapi wanita itu membuang semuanya lalu berkata, "Ambilkan saya pakaian yang paling kasar dan murah harganya. Ambilkan juga sebatang tongkat dan bekas air minuman."

Pelayan-pelayan istana berasa hairan tetapi tetap juga patuh. Kemudian wanita yang jelita itu memakai pakaian yang kasar dan murah harganya itu. Bekas air itu digantungkan ke lehernya. Tongkat itu dipegang dengan tangan kanannya. Kemudian dia menghadap khalifah Hisyam.

"Amirul Mukminin, saya adalah jariah kamu yang paling kamu sayangi. Kecantikan saya membuat kamu terpukau hingga sanggup bersama saya siang dan malam. Sebentar tadi ada seorang lelaki datang mengingatkan saya berkenaan hari pembalasan. Saya mahu memutuskan diri daripada perhambaan," kata wanita itu.

"Keinginan saya kepadamu sudah berubah selepas saya mendengar ratapan wanita yang kematian ayahnya itu. Keinginan kamu kepada saya juga pasti sudah berubah sejak kamu didatangi lelaki itu. Biarkan saya dengan pilihan saya, dan kamu dengan pilihan kamu. Mulai hari ini kamu sudah saya merdekakan," kata khalifah Hisyam.

"Terima kasih kerana kamu merdekakan saya. Saya sudah bebas menuju ke jalan Allah," sahut wanita itu.

"Ke manakah kamu hendak pergi?" tanya khalifah Hisyam.

"Menuju ke Baitullah,"jawab wanita itu.

"Pergilah dan tiada siapa yang akan menghalang perjalanan kamu," balas khalifah Hisyam.

Kemudian wanita jelita itu meninggalkan istana dan segala kemewahannya berjalan kaki menuju ke Mekah. Dia beriktikaf dalam Masjidil Haram. Pada siang hari dia berpuasa dan pada malamnya dia beramal ibadat sampai ke pagi. Bagi menampung perbelanjaannya dia mengambil upah memintal benang.

Setiap petang selepas selesai waktu kerja, wanita itu pergi ke Baitullah lalu bertawaf mengelilingi Kaabah. Kemudian dia berdoa di Hijir Ismail. Doa itu

diulang-ulangnya selalu, “Wahai Tuhanku, ibadahku hanya kepadamu, hanya engkau bekalan akhiratku, jangan putuskan harapanku, sampaikan cita-citaku.”

Selesai berdoa wanita itu terus menyambung amal ibadatnya sepanjang malam. Dia berlama-lama mengerjakan sembahyang sunat dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah. Selepas beberapa tahun berlalu, dalam keasyikan beramal ibadat tanpa menghiraukan waktu rehat, makan dan minumnya, tubuh wanita itu kelihatan kurus kering. Mukanya cengkung dan matanya hampir buta kerana asyik menangis terkenangkan perbuatannya yang terdahulu. Maka semakin pudar dan hilang kecantikan dirinya.

Pada suatu pagi selepas selesai sembahyang subuh, wanita itu tidak pernah bangun lagi daripada sujudnya. Dia menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Khalifah Hisyam juga tenggelam dalam keinsafan. Beliau pergi ke Madinah dan sempat mendengar kata-kata nasihat daripada Imam Malik. Kemudian beliau pergi menunaikan haji ke tanah suci Mekah. Tidak berapa lama selepas pulang ke Baghdad beliau meninggal dunia.

Bab 12 Tumbangnya Bani Umaiyah

Ketika keluarga khalifah Hisyam bin Abdul Malik sedang sibuk menguruskan jenazah khalifah yang baru sahaja meninggal dunia, al-Walid bin Yazid bersama beberapa orang penyokongnya mengajak orang ramai berkumpul di balai bani Umaiyah.

Kemudian dia pun berucap, "Pada hari ini khalifah Hisyam bin Abdul Malik sudah meninggal dunia. Dia tidak sempat meninggalkan wasiat. Tetapi tempatnya perlu diisi dengan segera bagi mengelakkan berlakunya perebutan kuasa di kalangan keluarga bani Umaiyah. Jadi saya menawarkan diri mengambil alih jawatan khalifah buat sementara waktu. Selepas itu saya akan serahkan jawatan itu kepada sesiapa yang dipilih oleh orang ramai," kata al-Walid.

Sebenarnya al-Walid sudah lama menyimpan cita-cita mahu menjadi khalifah. Dia pernah mendesak khalifah Hisyam supaya menamakan dirinya sebagai pengganti. Pada mulanya khalifah Hisyam bersetuju tetapi pada saat akhir sebelum menjelang kematiannya beliau mengubah fikiran lalu mencadangkan anaknya sebagai pengganti. Ini disebabkan al-Walid terkenal sebagai seorang lelaki yang buruk akhlaknya. Apabila khalifah Hisyam sudah insaf dan bertaubat beliau tidak mahu al-Walid menjadi penggantinya. Beliau mahu penggantinya seorang lelaki yang baik akhlaknya.

"Saya menyokong al-Walid dilantik menjadi khalifah menggantikan Hisyam bin Abdul Malik. Tambahan pula khalifah pernah berkata mahu menamakan al-Walid sebagai penggantinya tetapi tidak sempat kerana meninggal dunia secara mengejut. Jadi mari kita sebulat suara melantik al-Walid menjadi khalifah," kata Muzdan, kawan baik al-Walid.

Tiba-tiba Yassir, seorang lelaki yang sudah berumur bangun lalu berkata, "Sebaik-baiknya kita ajak wakil keluarga khalifah Hisyam hadir dalam perjumpaan ini. Kita perlu mendapatkan persetujuan daripada mereka dahulu sebelum melantik khalifah yang baharu."

"Orang tua, adakah kamu sudah lupa sejarah pelantikan Abu Bakar as-Siddiq sebagai khalifah? Pada hari Nabi Muhammad SAW wafat, orang ramai berkumpul di Balai Bani Saidah bagi melantik khalifah. Ketika itu

tidak ada seorang pun wakil daripada keluarga Rasulullah SAW. Mereka sebulat suara melantik Abu Bakar as-Siddiq menjadi khalifah," kata Muzdan.

Kemudian katanya lagi, "Pada hari ini kita berkumpul di sini seperti berkumpulnya orang Ansar dan Muhajirin di Balai Bani Saidah pada hari wafatnya Nabi Muhammad SAW. Kita sebulat suara melantik al-Walid menjadi khalifah seperti orang ramai bersetuju melantik Abu Bakar menjadi khalifah," kata Muzdan lalu memuji kelebihan yang ada pada al-Walid yang melayakkannya menjadi khalifah.

"Abu Bakar as-Siddiq adalah sahabat Nabi Muhammad yang paling baik akhlaknya. Beliau sentiasa bercakap benar, tidak pernah minum arak, tidak pernah berjudi dan tidak suka bergaduh. Jadi beliau memang layak dilantik menjadi khalifah. Tetapi bagaimana pula dengan al-Walid? Adakah akhlaknya sama seperti Abu Bakar as-Siddiq?" tanya orang tua itu pula.

"Biar saya yang menjawab pertanyaan itu," teriak seorang lelaki. Semua yang hadir menumpukan perhatian kepadanya. Kemudian lelaki itu pun berkata, "Bagi mencari lelaki yang akhlaknya sama seperti Abu Bakar as-Siddiq memang payah. Malah tidak ada pada zaman kita ini. Tetapi saya bersetuju orang yang dilantik menjadi khalifah tentulah akhlaknya lebih baik daripada khalifah Hisyam."

"Adakah al-Walid itu akhlaknya lebih baik daripada khalifah Hisyam?" tanya Yassir pula.

"Al-Walid seorang yang buruk akhlaknya. Dia tidak layak menjadi khalifah, kerana itu khalifah Hisyam tidak menamakan dia sebagai penggantinya," jawab salah seorang keluarga Bani Umaiyah.

Al-Walid menjadi berang. Dia memberi isyarat kepada kawan-kawannya supaya bertindak sepertimana yang sudah dirancang. Sebelum datang ke tempat itu, al-Walid sudah berpakat dengan kawan-kawannya bagi bertindak sekiranya orang ramai tidak menyokong pelantikannya sebagai khalifah. Mereka datang dengan membawa senjata yang disembunyikan di dalam jubah. Apabila mendapat isyarat daripada al-Walid mereka pun bertindak mengugut orang ramai sambil menghunus senjata.

“Kami sudah bersetuju melantik al-Walid menjadi khalifah. Sesiapa yang membantah akan kami bunuh. Tindakan ini perlu kami lakukan demi menjaga perpaduan umat Islam,” kata Muzdan.

Oleh kerana berasa takut dengan ancaman itu, semua yang hadir akhirnya bersetuju melantik al-Walid menjadi khalifah. Selepas itu barulah al-Walid dan kawan-kawannya pergi ke istana bagi bersama-sama mengebumikan jenazah khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

Keesokan harinya selepas sembahyang subuh, al-Walid naik ke atas mimbar masjid lalu berucap kepada orang ramai dengan mengatakan dirinya sudah dilantik menjadi khalifah. Orang ramai tidak berani membantah kerana para penyokong al-Walid mengugut mahu membunuh sesiapa yang berani membantah.

“Tuan Imam, khalifah Hisyam bin Abdul Malik sudah meninggal dunia. Al-Walid bin Yazid mengisytiharkan dirinya sebagai pengganti. Apa pendapat tuan?” tanya salah seorang anak murid Imam Malik.

“Khalifah atau pemimpin perlu dilantik oleh orang ramai. Bukan secara kekerasan atau paksaan. Al-Walid sepatutnya menyerahkan kepada orang ramai memilih siapa pengganti khalifah Hisyam. Bukan memaksa orang ramai supaya melantiknya sebagai khalifah,” jawab Imam Malik.

“Ramai yang tidak bersetuju al-Walid menjadi khalifah. Termasuk keluarga khalifah Hisyam. Bahkan ada pakatan mahu menggulingkannya. Apa yang dapat kami membantu?” tanya salah seorang penduduk Madinah.

Imam Malik tidak bersetuju dengan tindakan itu kerana bimbang keadaan menjadi semakin huru-hara. Dia menasihatkan anak murid dan pengikutnya supaya jangan mengeruhkan lagi suasana yang ada. “Sekiranya seseorang itu mengambil sesuatu jawatan secara tidak sah, dia akan menanggung akibatnya,” kata Imam Malik.

Memang benar kata-kata Imam Malik itu. Dalam diam-diam Yazid bin al-Walid bin Abdul Malik sepupu al-Walid bin Yazid sedang merancang mahu merampas kuasa. Tambahan pula sikap khalifah al-Walid yang lebih mengutamakan kawan-kawannya bagi memegang jawatan penting dalam kerajaan menimbulkan kebencian keluarga Bani Umaiyah sendiri. Mereka menyokong perjuangan Yazid 111.

Pada masa yang sama sokongan orang ramai kepada Bani Abbasiyah semakin meningkat. Kufah dan Basrah dijadikan pusat gerakan penentang bagi menjatuhkan khalifah Bani Umaiyah.

Apabila khalifah al-Walid bin Yazid mendapat laporan penduduk Kufah menyokong Bani Abbasiyah dan para penentangnya sedang berkumpul di Kufah, beliau memimpin pasukan tenteranya ke Kufah. Selepas berlaku pertempuran, khalifah al-Walid terbunuh dan Yazid 111 terus mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah.

Namun pemerintahan khalifah Yazid 111 tidak bertahan lama, baru enam bulan berkuasa berlaku pemberontakan di kalangan anggota tentera disebabkan beliau enggan menaikkan gaji mereka. Semasa al-Walid menjadi khalifah beliau berjanji menaikkan gaji anggota tentera, tetapi rancangan itu dibatalkan oleh khalifah Yazid 111 menyebabkan anggota tentera memberontak. Ekoran daripada itu khalifah Yazid 111 terbunuh lalu diganti oleh adiknya Ibrahim bin al-Walid.

Khalifah Ibrahim bin al-Walid cintakan ilmu pengetahuan. Pada masa pemerintahannya, kerja-kerja menterjemah buku-buku falsafah Yunani ke dalam bahasa Arab sudah dilaksanakan. Ekoran itu muncul fahaman Muktazilah, Jabariah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Musuh-musuh politiknya termasuk daripada kalangan keluarga Bani Umaiyah sendiri menyalahkan khalifah Ibrahim hingga menyebabkan beliau terpaksa bersembunyi kerana ramai yang mahu membunuhnya. Sepupunya Marwan bin Muhamad mengambil alih kuasa.

Khalifah Marwan bin Muhamad yang bergelar Marwan 11 adalah khalifah terakhir Bani Umaiyah. Ketika mengambil alih kuasa, suasana politik sedang kucar-kacir. Perasaan benci kepada khalifah Bani Umaiyah semakin menebal di kalangan rakyat. Penduduk Iran dan Iraq bersatu menyokong perjuangan Bani Abbasiyah.

Sebaik sahaja berkuasa, khalifah Marwan 11 berusaha mengukuhkan kuasanya dengan memerangi Bani Abbasiyah. Pada permulaannya, usaha itu hampir berjaya. Tetapi selepas berlaku pemberontakan di Khurasan dan selepas mereka bekerjasama dengan Bani Abbasiyah, kekuasaan khalifah Marwan 11 semakin lemah. Akhirnya beliau dijatuhkan oleh Abu Abbas as-Saffah yang menjadi khalifah pertama Bani Abbasiyah.

Selepas dikalahkan oleh Abu Abbas as-Saffah, khalifah Marwan 11 cuba melarikan diri ke Mesir tetapi akhirnya berjaya ditangkap lalu dibunuh. Bukan Marwan sahaja yang dibunuh, malah boleh dikatakan semua keluarga Bani Umaiyah yang berpengaruh turut dibunuh. Cuma Abdul Rahman ad-Dakhil sahaja yang berjaya menyelamatkan diri ke Andalus. Kemudian beliau menubuhkan kerajaan Bani Umaiyah di sana.

Bab 13 Khalifah Abu Jaafar al-Mansur

“Akulah khalifah Allah di muka bumi ini!” kata Abu Jaafar al-Mansur dalam ucap pertamanya kepada orang ramai sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah.

“Alangkah sombongnya dia,” kata salah seorang anak murid Imam Malik yang turut berada di situ.

Kemudian dia berkata lagi, “Ucapannya berbeza daripada Abu Bakar as-Siddiq yang berkata, 'Aku bukanlah yang paling layak di antara kamu. Sekiranya aku berbuat baik maka bantulah aku dan sekiranya aku menyimpang, maka luruskanlah'. Khalifah Umar bin Abdul Aziz pula berkata, 'aku bukan yang terbaik daripada saudara-saudara sekalian tetapi aku mempunyai satu tanggungjawab yang amat berat'.”

“Khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjadi khalifah kerana dilantik oleh abangnya, khalifah Abbas as-Saffah. Kerana itu dia tidak perlukan persetujuan daripada orang ramai. Sekarang dia yang berkuasa. Sekiranya mahu selamat, jangan menentangnya,” kata seorang lelaki sambil memberi amaran mahu melaporkan kepada khalifah.

Menyedari musuh politiknya ramai, khalifah Abu Jaafar al-Mansur mengambil langkah berjaga-jaga. Antaranya, sesiapa yang mahu menghadap tidak boleh membawa senjata. Apabila menghadap perlu menundukkan kepala dan mengangkat kedua-dua belah tangan sebelum mengeluarkan kata-kata.

Bagi mengukuhkan kuasanya, khalifah Abu Jaafar al-Mansur menghapuskan mereka yang menjadi saingan politiknya. Orang yang mula-mula dicarinya adalah seorang ulama terkenal daripada kalangan Ahlul Bait atau keturunan Rasulullah bernama Muhammad al-Nafs al-Zakiyyah. Beliau seorang ulama yang terkenal dan banyak berjasa dalam perjuangan menumbangkan khalifah Marwan bin Muhamad.

Sebaik sahaja khalifah Bani Umaiyah berjaya ditumbangkan, para pengikutnya berpakat bagi melantik beliau menjadi khalifah. Tetapi orang

Bani Abbasiyah bertindak lebih pantas dengan melantik Abu al-Abbas as-Saffah sebagai khalifah. Kemudian as-Saffah pula dengan segera melantik adiknya iaitu Abu Jaafar al-Mansur sebagai pemangkunya dalam usaha meminggirkan Muhammad al-Nafs al-Zakiyyah.

Tindakan itu menimbulkan kemarahan keluarga Alawiyin lalu mereka menjalankan gerakan menentang khalifah Abu Abbas as-Saffah. Bimbang dengan kebangkitan mereka, khalifah Abu Abbas as-Saffah berusaha menangkap Muhammad al-Nafs al-Zakiyyah, namun tidak berjaya.

Sebaik sahaja khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjadi khalifah, tindakan pertama yang dilakukannya adalah menghapuskan Muhammad al-Nafs al-Zakiyyah dan para penyokongnya. Beliau menangkap bapa Muhammad al-Nafs al-Zakiyyah dan adiknya iaitu Abdullah. Kedua-duanya diseksa dengan teruk supaya Muhamad al-Nafs al-Zakiyah menyerah diri.

Dalam usaha menyelamatkan bapa dan adiknya, Muhamad al-Nafs al-Zakiyah memimpin pasukan tenteranya lalu berlaku pertempuran dengan pasukan tentera Bani Abbasiyah. Malangnya dalam pertempuran itu Muhamad al-Nafs al-Zakiyah terbunuh.

Kemudian khalifah Abu Jaafar al-Mansur memaksa penduduk Madinah supaya memberikan taat setia kepadanya. Bimbang keselamatan mereka, perintah itu terpaksa dipatuhi.

"Tuan Imam, kami tahu khalifah Abu Jaafar al-Mansur itu zalim tetapi di leher kami terbelenggu perjanjian dengannya," kata penduduk Madinah.

"Kamu mengikat janji dalam keadaan terpaksa. Tiada kafarah sumpah pada orang yang dipaksa," kata Imam Malik.

"Tidak mengapa rakyat berbuat baik kepada pemimpin, seandainya pemimpin yang zalim itu dibiarkan bersendirian sudah pasti lebih banyak berlaku kemudaratan pada umat Islam," sambung Imam Malik.

Pada suatu hari, salah seorang anak murid Imam Malik mengadu ramai antara mereka ditangkap, diseksa serta dikurung dalam penjara.

"Bersabarlah hingga sampai janji Allah seperti firmanNya dalam surah *al-Qasas* ayat 5 yang bermaksud, "Kami akan mengurniakan kepada orang

yang tertindas di bumi itu dan menjadikan mereka sebagai pemimpin dan juga menjadikan mereka orang yang mewarisi bumi.”

Oleh kerana kuatnya penentangan musuh-musuh politiknya, semasa khalifah Abu Jaafar al-Mansur berkunjung ke Madinah, dia pernah berjumpa dengan Imam Malik lalu meminta fatwanya.

Imam Malik berkata, “Sekiranya mereka menentang kerana kezaliman khalifah, tidak halal kamu memerangi mereka. Tetapi sekiranya mereka sengaja tidak mentaati pemerintah, khalifah halal memerangi mereka.”

Fatwa itu digunakan oleh khalifah Abu Jaafar al-Mansur bagi memerangi mereka yang menjadi saingannya dalam politik dengan alasan mereka menentang pemerintahannya.

Mula-mula khalifah Abu Jaafar al-Mansur menghapuskan pengaruh kaum Syiah kerana dianggap sebagai duri dalam daging. Walaupun kaum Syiah pernah membantunya menumbangkan Bani Umaiyah tetapi disebabkan mereka pernah menuntut diberi jawatan penting dalam kerajaan sebagai balasan pada jasa-jasa mereka, khalifah menganggap itu satu tuntutan yang melampau. Tambahan pula dia tidak mahu kaum Syiah menguasai kerajaannya.

Di Hijaz, keluarga dan penyokong Ali bin Abi Talib atau lebih dikenali puak Alawiyin mengumpul kekuatan bagi menentang khalifah. Ramai yang bersimpati lalu menyatakan sokongan pada perjuangan puak Alawiyin yang berjuang mengembalikan semula pemerintahan kepada keluarga Ali bin Abi Talib.

Khalifah Abu Jaafar al-Mansur memerintahkan Isa bin Musa orang yang diwasiatkan oleh khalifah as-Saffah sebagai penggantinya ke medan perang. Dia sengaja menyuruh bakal penggantinya itu ke medan perang dengan harapan Isa bin Musa terbunuh kerana dia mahu anaknya sendiri menjadi penggantinya.

Apabila Muhammad bin Abdullah mendapat tahu khalifah Abu Jaafar al-Mansur menghantar pasukan tentera ke Basrah, beliau juga membuat persiapan bagi berperang. Mereka dibantu penduduk Hijaz, Kufah dan Basrah. Berlaku pertempuran antara tentera khalifah Bani Abbasiyah yang dipimpin Isa bin Musa dengan pasukan pemberontak yang diketuai Muhammad bin Abdullah. Akhirnya pasukan pemberontak berjaya

dikalahkan tetapi Isa bin Musa terbunuh dalam pertempuran. Berita itu menggembirakan hati khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Selepas berjaya menundukkan orang Syiah di Hijaz, Basrah dan Kufah, tumpuan diberikan pada penduduk Syam dan Mesir yang juga sudah memberontak. Mereka melantik Abdullah bin Ali iaitu bapa saudara khalifah Abu Jaafar al-Mansur sebagai khalifah.

Selepas berjaya mengalahkan pasukan tentera khalifah Marwan dalam peperangan di Sungai Zab, Abdullah bin Ali diperintahkan oleh khalifah Abu al-Abbas as-Saffah memburu khalifah Marwan yang melarikan diri ke Mesir. Akhirnya khalifah terakhir Bani Umaiyah itu dapat dibunuh dan kepalanya dikirim kepada khalifah.

Apabila khalifah Abu Jaafar al-Mansur menamakan anaknya sebagai pengganti, ini menimbulkan kemarahan Abdullah bin Ali yang menuduh khalifah mungkir janji. Dia mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah di Mesir. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur menghantar pasukan tentera yang dipimpin Abu Muslim al-Khurasani.

Abdullah bin Ali membuat persiapan bagi bertempur dengan tentera yang dipimpin Abu Muslim al-Khurasani. Kemudian berlaku pertempuran antara kedua-dua belah pihak. Pasukan pemberontak akhirnya dapat dikalahkan dan Abdullah bin Ali ditawan lalu dibawa ke Kufah. Khalifah Abu Jaafar memenjarakan bapa saudaranya itu hingga meninggal dunia di dalam penjara.

Selepas berjaya menumpaskan Abdullah bin Ali dan pasukannya, Abu Muslim al-Khurasani terus menetap di Mesir. Beliau begitu disanjung oleh penduduk Mesir dan pengaruhnya begitu kuat. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjemputnya datang menghadap dengan alasan ada perkara penting yang mahu dibincangkan. Dalam pertemuan itu, khalifah Abu Jaafar al-Mansur sengaja membuat Abu Muslim al-Khurasamni menjadi marah dan terjadi pergaduhan. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur berjaya membunuh Abu Muslim al-Khurasani.

Kemudian khalifah Abu Jaafar al-Mansur cuba memerangi Abdul Rahman ad-Dakhil di Andalus. Beliau satu-satu pemimpin Bani Umaiyah yang berjaya melarikan diri ke Andalus sebaik sahaja khalifah Marwan berjaya ditumbangkan. Hanya Abdul Rahman ad-Dakhil yang terselamat daripada pembunuhan keluarga Bani Umaiyah.

Panglima al-Alak bin al-Muraish memimpin seramai 20,000 orang tentera pergi ke Sepanyol bagi memerangi Abdul Rahman ad-Dakhil. Tetapi pasukan tentera Bani Abbasiyah itu dapat dikalahkan oleh Abdul Rahman ad-Dakhil. Panglima al-Alak dapat ditawan. Kemudian kepalanya dipenggal lalu dihantar kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur bersama sepucuk surat yang berbunyi.

"*Inilah hadiah daripada Abdul Rahman ad-Dakhil, khalifah Andalus. Sekiranya Abu Jaafar al-Mansur anak lelaki, saya menjemput dia datang ke Andalus. Kemudian kepalanya akan saya penggal lalu saya kirim kepada maharaja Rom.*"

Kegagalan itu tidak menginsafkan khalifah Abu Jaafar al-Mansur. Kini para ulama pula menjadi sasarannya. Mereka yang tidak mahu memberikan kerjasama apatah lagi tidak mahu tunduk pada kehendaknya dimasukkan ke dalam senarai mereka yang perlu dihapuskan.

Bab 14 Mereka yang Simpati

“Imam Abu Hanifah meninggal dunia di dalam penjara!” teriak Ma’az, seorang lelaki yang sering ditugaskan menjadi utusan kerana sikap berani dan amanahnya semasa menjalankan tugas.

Orang ramai di Masjid Nabi yang sedang menunggu masuknya waktu sembahyang asar tersentak mendengarnya. Masing-masing mahu mendapat kepastian.

“Benarkah berita itu? Ataupun cuma khabar angin?” tanya Yazid, kawan baik Ma’az. Dia juga terkejut mendengarnya.

“Demi tuhan saya tidak bercakap bohong! Saya baru pulang dari kota Baghdad. Apabila sampai di sini saya terus singgah bagi menghebahkan berita ini,” jawab lelaki itu bersungguh-sungguh.

“Mengapa Imam Abu Hanifah dihukum penjara? Apa kesalahannya?” tanya satu suara dari celah orang ramai.

“Adakah dia mati dibunuh ataupun dibiarkan kelaparan di dalam penjara?” tanya yang lain pula.

Bertubi-tubi soalan daripada orang ramai ditujukan kepada lelaki itu. Dia pun sudah menjangkakan perkara itu akan berlaku kerana penduduk kota Madinah sangat sayang kepada Imam Abu Hanifah. Tambahan pula ramai penduduk Madinah yang menjadi anak muridnya.

“Bertenang semua. Saya akan menceritakannya,” kata Ma’az pula.

Mereka meminta Ma’az naik ke atas mimbar masjid supaya kata-katanya dapat didengar orang ramai. Berita itu mengejutkan orang ramai, semua yang berada di situ mahu mendengarnya dengan lebih lanjut.

Menurut Ma’az, Imam Abu Hanifah disayangi penduduk Iraq. Beliau mempunyai pengaruh yang sangat kuat di kalangan orang ramai terutama penduduk Kufah. Jadi Khalifah Abu Jaafar al-Mansur mahu ulama terkenal itu menyokong pemerintahannya. Tambahan pula orang Bani Umaiyah dan golongan Syiah sedang berusaha mahu merampas kuasa.

“Khalifah Abu Jaafar al-Mansur mahu Imam Abu Hanifah bekerjasama dengannya. Beliau melantik ulama besar itu menjadi hakim di kota Baghdad. Tetapi Imam Abu Hanifah enggan menerima pelantikan itu.

“Kemudian Khalifah Abu Jaafar al-Mansur melantik Imam Abu Hanifah menjadi ketua penjaga perbendaharaan negara. Tetapi tetap ditolaknya. Khalifah Abu Jafaar al-Mansur berasa marah dan tersinggung,” cerita Ma’az.

“Mengapa Imam Abu Hanifah tidak mahu menerimanya? Bukankah itu peluang yang baik? Sekiranya dia menerimanya, pasti dibayar dengan gaji yang mahal dan mendapat penghormatan daripada orang ramai?” tanya seorang anak muda.

“Memang ramai yang memujuk Imam Abu Hanifah supaya menerima pelantikan itu. Orang lain berebut mahukan jawatan itu tetapi dia menolaknya. Apabila ditanya mengapa, jawabnya kerana tidak mahu memberikan kerjasama kepada khalifah yang dianggapnya zalim. Hingga Imam Abu Hanifah berkata, sekiranya khalifah Abu Jaafar al-Mansur menyuruhnya membaiki masjid pun akan ditolaknya,” jawab Ma’az dengan penerangan yang agak panjang.

“Benarkah khalifah Abu Jaafar al-Mansur itu zalim?” tanya anak muda itu lagi.

Menurut Ma’az, demi mengekalkan kuasanya, khalifah Abu Jaafar al-Mansur sanggup membunuh sesiapa sahaja yang dianggap boleh mengancam kedudukannya sebagai khalifah. Apatah lagi mereka yang menentang ataupun memberontak pada pemerintahannya, pasti dibunuhnya.

“Boleh ceritakan kepada kami, siapa sebenarnya khalifah Abu Jaafar al-Mansur itu? Sejak dilantik menjadi khalifah beliau tidak pernah datang ke Madinah. Kami tidak pernah melihat wajahnya. Kami juga tidak tahu sejarah hidupnya,” pinta anak muda itu yang mewakili golongan muda.

“Nama penuh beliau adalah Abu Jaafar Abdullah bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas. Beliau adalah saudara khalifah Abu Abbas as-Saffah,” kata Ma’az.

Menurutnya lagi, khalifah Abu Jaafar al-Mansur dilahirkan di Humaimah pada 101 Hijrah. Apabila dewasa, beliau bersama-sama berjuang dengan saudaranya Abu Abbas bagi menegakkan daulah Abbasiyah. Beliau adalah orang kanan as-Safah. Beliau dilantik menjadi khalifah pada tahun136 H atas wasiat Abu Abbas as-Saffah. Ketika dilantik menjadi khalifah, Abu Jaafar al-Mansur berusia 35 tahun.

"Tindakan pertama yang dilakukannya adalah menghapuskan pemberontakan puak Syiah yang dipimpin oleh Muhamad bin Abdullah. Mereka mendapat sokongan yang kuat daripada penduduk Hijaz, Kufah dan Basrah. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur menghantar tenteranya di bawah pimpinan panglima Isa bin Musa dan berjaya menghapuskan pengaruh golongan Syiah," kata Ma'az.

Menurutnya lagi, selepas itu khalifah Abu Jaafar al-Mansur memerangi bapa saudaranya sendiri Abdullah bin Ali, seorang yang banyak berjasa kerana membantu menumbangkan Bani Umaiyah. Beliau bimbang bapa saudaranya itu merampas kuasa lalu memeranginya.

"Selepas berlaku pertempuran yang sengit antara kedua-dua belah pihak, akhirnya pasukan tentera Abdullah bin Ali dapat dikalahkan. Beliau ditangkap lalu dihukum penjara hingga meninggal dunia," cerita Ma'az.

Khalifah yang muda itu masih belum berpuas hati selagi mereka yang menjadi saingannya tidak dihapuskan. Antara mereka yang dirasakan boleh mengancam kedudukannya adalah Abu Muslim al-Khurasani dan Abdul Rahman ad-Dakhil. Beliau berusaha menghapuskan mereka.

"Pada suatu hari khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjemput Abu Muslim al-Khurasani ke istana. Dalam pertemuan itu, khalifah sengaja mengeluarkan kata-kata yang boleh menyakitkan hati lawannya. Apabila Abu Muslim al-Khurasani naik marah, berlaku pertarungan antara kedua-duanya. Akhirnya Abu Muslim al-Khurasani dibunuh," cerita Ma'az lagi.

Kemudian khalifah Abu Jaafar al-Mansur menghantar pasukan tentera ke Sepanyol bagi memerangi Abdul Rahman ad-Dakhil yang berjaya melarikan diri ke negara itu dan menubuhkan pemerintahan Bani Umaiyah di sana. Namun tidak berjaya kerana pasukan tenteranya mengalami kekalahan. Panglima tentera yang memimpin pasukan tentera Bani Abbasiyah ditangkap

lalu dipenggal kepalanya dan dikirimkan kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Tindakan khalifah Abu Jaafar al-Mansur yang suka menumpahkan darah sesama umat Islam itu menimbulkan rasa tidak senang hati rakyat. Tambahan pula apabila beliau sanggup menggali kubur khalifah Bani Umaiyah lalu dibakar tulang-belulang mereka. Perbuatan itu ditentang oleh ramai para ulama termasuk Imam Abu Hanifah. Malah dalam satu majlis ilmu, ulama terkenal itu pernah menyatakan pendiriannya tidak bersetuju dengan tindakan yang dilakukan oleh khalifah.

"Pada mulanya khalifah Abu Jaafar al-Mansur cuba bersikap baik kepada Imam Abu Hanifah. Diberinya pelbagai hadiah termasuk duit dan barang-barang berharga dengan harapan dapat menjinakkan hatinya. Tetapi semua pemberian khalifah itu ditolak oleh Imam Abu Hanifah," cerita Ma'az.

Keengganan Imam Abu Hanifah menerima hadiah daripada khalifah itu dianggap tidak menyokong pemerintahannya.

"Khalifah Abu Jaafar al-Mansur bimbang Imam Abu Hanifah menghasut orang ramai supaya menentangnya. Beliau mahu Imam Abu Hanifah bekerja dengannya. Lalu dilantik Imam Abu Hanifah memegang jawatan yang penting dalam pemerintahan. Tetapi Imam Abu Hanifah menolaknya kerana tidak mahu bekerja dengan khalifah yang zalim," cerita Ma'az lagi.

Selepas gagal memujuk Imam Abu Hanifah dengan cara lembut, akhirnya khalifah Abu Jaafar al-Mansur menggunakan ugutan. Beliau mengugut mahu memenjarakan Imam Abu Hanifah sekiranya menolak pelantikan itu. Namun, itu masih belum dapat mengubah pendirian ulama terbilang itu. Dia tetap dengan keputusannya menolak jawatan yang ditawarkan oleh khalifah.

"Pada suatu hari, khalifah Abu Jaafar al-Mansur memanggil Imam Abu Hanifah datang menghadap lalu diberi kata dua. Sekiranya tidak mahu menerima jawatan yang ditawarkan, beliau akan dipenjarakan. Imam Abu Hanifah tetap dengan pendiriannya. Walaupun beliau dipenjarakan, beliau menerima hukuman itu dengan tabah," cerita Ma'az.

Menurutnya lagi, khalifah Abu Jaafar al-Mansur menyuruh ibu Imam Abu Hanifah memujuk anaknya supaya menerima pelantikan itu namun tetap gagal. Akhirnya khalifah Abu Jaafar al-Mansur hilang sabar lalu merancang

membunuh Imam Abu Hanifah. Pada suatu hari beliau dipanggil menghadap khalifah lalu disuruh meminum air yang sudah dibubuh racun.

"Imam Abu Hanifah meninggal dunia di dalam penjara akibat meminum racun itu," kata Ma'az menutup ceritanya. Orang ramai berasa marah mendengarnya.

Kisah khalifah Abu Jaafar al-Mansur menyeksa serta membunuh Imam Abu Hanifah itu menjadi perbualan hangat penduduk kota Madinah. Mereka melahirkan rasa marah pada khalifah Abu Jaafar al-Mansur. Mereka mahu memberontak.

Berita penduduk Madinah mahu memberontak akibat marah kerana kematian Imam Abu Hanifah itu sampai kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur. Beliau segera mengadakan mesyuarat dengan para pegawainya. Kata sepakat diambil supaya dihantar seorang gabenor yang baharu bersama pasukan tentera bagi mengamankan penduduk Madinah. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur melantik anak saudaranya sendiri yang bernama Jaafar bin Sulaiman menjadi gabenor di Madinah. Tindakan pertama yang dilakukan gabenor baharu itu adalah cuba membersihkan nama khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

"Semua tuduhan itu adalah fitnah. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur tidak berlaku zalim kepada Imam Abu Hanifah. Buktinya beliau turut sama-sama sembahyangkan jenazahnya kemudian bersama orang ramai mengiringi sampai ke kubur. Malah khalifah sanggup menunggu hingga jenazah selesai dikebumikan," kata gabenor Jaafar bin Sulaiman lalu memuji kebaikan khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Menurutnya lagi, Khalifah Abu Jaafar al-Mansur juga memberi bantuan kepada keluarga Imam Abu Hanifah.

"Itu membuktikan Khalifah Abu Jaafar al-Mansur tidak memusuhi Imam Abu Hanifah," kata gabenor Madinah itu dalam satu majlis dialog dengan orang ramai.

"Mengapa Imam Abu Hanifah dihukum penjara? Mengapa dia dihukum sebat?" tanya orang ramai yang mahukan penjelasan.

"Memang benar khalifah bercadang mahu melantik Imam Abu Hanifah menjadi ketua hakim, tetapi ditolak. Kemudian dilantik menjadi penjaga

perbendaharaan negara juga ditolak. Namun itu tidak langsung menimbulkan kemarahan khalifah. Yang berasa tersinggung adalah para menterinya. Mereka yang memenjarakan Imam Abu Hanifah tanpa pengetahuan khalifah," jawab Jaafar Sulaiman yang cuba meyakinkan penduduk Madinah bahawa kejahatan itu dilakukan oleh orang bawahan khalifah.

"Bukankah khalifah yang menjatuhkan hukuman sebat ke atas imam Abu Hanifah?" tanya yang lain pula.

"Khalifah cuma bergurau supaya Imam Abu Hanifah menerima tawarannya. Tetapi gurauan itu disangka benar oleh menteri lalu diarahkan supaya disebat. Khalifah sendiri tidak tahu perkara itu berlaku kerana tidak ada siapa yang melaporkan," jawab Jaafar Sulaiman.

"Baiklah, pertanyaan kami yang terakhir. Benarkah khalifah Abu Jaafar al-Mansur memberi minuman yang dibubuh racun kepada Imam Abu Hanifah?" tanya orang ramai.

"Khalifah Abu Jaafar al-Mansur adalah orang yang paling berkuasa. Sekiranya Khalifah mahu membunuh sesiapa sahaja termasuk Imam Abu Hanifah, tidak perlu dia membubuh racun ke dalam air minumannya. Itu tindakan yang bodoh dan pengecut. Khalifah boleh memerintahkan pengawalnya menjalankan hukuman bunuh tanpa sesiapa boleh menghalangnya. Imam Abu Hanifah meninggal dunia bukan kerana diracun," jawab gabenor muda itu.

Menurutnya lagi, selepas khalifah mendapat tahu Imam Abu Hanifah meninggal dunia baginda segera menyerahkan jenazah kepada keluarganya. Kemudian memecat mereka yang terlibat.

"Sebagai menunjukkan rasa simpatinya khalifah sanggup bersama menyembahyangkan jenazah Imam Abu Hanifah. Sanggup bersama orang ramai menghantarnya hingga ke kubur. Kemudian dia sanggup memberi bantuan kepada keluarga yang ditinggalkan. Bukankah itu membuktikan khalifah Abu Jaafar al-Mansur tidak bermusuhan dengan Imam Abu Hanifah?"

Usaha yang dijalankan gabenor Madinah itu berjaya juga meredakan kemarahan orang ramai. Malah ada yang yakin tuduhan khalifah berlaku

zalim kepada Imam Abu Hanifah itu adalah fitnah yang dicipta oleh orang Bani Umaiyah dalam usaha mereka kembali berkuasa.

Bab 15 Hadiah daripada Khalifah

Gabenor Madinah berasa gembira apabila penduduk Madinah berjaya diamankan tanpa pertumpahan darah. Mereka tidak jadi memberontak, malah memberi sokongan kepada Khalifah Abu Jaafar al-Mansur selepas diyakinkan baginda tidak terlibat dalam kematian Imam Abu Hanifah.

Jaafar bin Sulaiman segera berangkat ke kota Baghdad bagi melaporkan kejayaannya itu kepada khalifah. Sebelum itu dia sudah mengirim surat memaklumkan perkara berkenaan. Tetapi dia perlu menghadap khalifah bagi memaklumkan sendiri perkara itu.

"Amirul Mukminin, saya berjaya meyakinkan penduduk Madinah yang tuan tidak terlibat dalam pembunuhan Imam Abu Hanifah, kerana itu mereka tidak jadi memberontak," beritahu Jaafar bin Sulaiman dengan gembira kerana yakin mendapat pujian daripada khalifah.

"Beta gembira mendengarnya. Tidak sia-sia beta melantik kamu menjadi gabenor di Madinah. Kamu akan terus berkhidmat di sana. Pujuklah penduduk Madinah supaya menyokong pemerintahan beta. Sekiranya masih ada yang degil dan terus memusuhi beta, kamu bebas melakukan apa sahaja kepadanya," kata Khalifah Abu Jaafar al-Mansur dengan gembira. Dia memuji gabenor muda yang baharu dilantik itu.

"Saya akan pastikan tidak ada penduduk Madinah yang terpengaruh dengan hasutan orang bani Umaiyah dan Syiah. Sekiranya masih ada saya akan hukum mereka dengan hukuman yang berat," janji Jaafar bin Sulaiman.

"Orang ramai sudah berjaya kamu pujuk. Bagaimana pula dengan alim ulama di sana?" tanya khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

"Ulama yang paling berpengaruh di Madinah adalah Imam Malik bin Anas. Mereka menyayangi beliau seperti penduduk Kufah menyayangi Imam Abu Hanifah. Namun saya belum sempat bertemu dengannya kerana tugas pertama saya mendapatkan sokongan daripada orang ramai. Apabila orang ramai sudah menyokong khalifah, saya yakin para alim ulama pasti turut menyokongnya," jawab Jaafar bin Sulaiman.

“Beta mahu kamu pujuk Imam Malik supaya menyokong pemerintahan beta. Berilah hadiah berupa duit dan barang-barang yang mahal supaya dia tunduk kepada kita,” perintah khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Sekiranya dia enggan atau keras kepala seperti Imam Abu Hanifah, apakah saya boleh menundukkannya mengikut cara saya?” tanya gabenor Madinah itu.

“Sekiranya dia bersetuju, berilah hadiah yang banyak. Tetapi sekiranya dia tidak setuju jangan gunakan kekerasan. Beta tidak mahu apa yang berlaku kepada Imam Abu Hanifah turut berlaku kepada Imam Malik. Tambahan pula kamu sudah dapat meyakinkan orang ramai beta khalifah yang baik dan bertimbang rasa,” jawab khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Benar Amirul Mukminin. Saya berjaya meyakinkan mereka bahawa tuan seorang khalifah yang baik. Sudah banyak kemajuan yang tuan buat untuk negara dan rakyat,” puji gabenor Madinah itu.

“Di atas kejayaan itu kamu berhak mendapat hadiah daripada beta,” kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur. Kemudian gabenor Madinah itu diberikan pelbagai hadiah oleh khalifah.

Jaafar bin Sulaiman pulang ke Madinah dengan rasa gembira. Tambahan pula khalifah Abu Jaafar al-Mansur memberi banyak hadiah dan kata-kata pujian padanya kerana berjaya mengamankan pemberontakan di Madinah tanpa pertumpahan darah. Apabila sampai di Madinah beliau terus menemui Imam Malik di rumahnya. Kedatangan gabenor Madinah itu disambut dengan baik.

“Kedatangan saya ke mari adalah bagi menyampaikan salam daripada khalifah Abu Jaafar al-Mansur kepada tuan. Nama tuan menjadi sanjungan penduduk Baghdad. Khalifah juga mahu berguru dengan tuan. Beliau menyampaikan salam sebagai tanda persahabatan,” kata gabenor Madinah itu dengan nada suara yang lembut.

“Semoga khalifah Abu Jaafar al-Mansur mendapat taufik dan hidayah,” balas Imam Malik pula.

“Selepas hampir lima belas tahun menjadi khalifah, beliau sudah berubah sikap. Lebih suka berdamai daripada berperang. Tidak ada lagi berlaku

peperangan dan pertumpahan darah sesama umat Islam. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur menumpukan usaha bagi membangunkan negara serta menegakkan syiar Islam. Baginda membina banyak masjid bagi memudahkan orang ramai beramal ibadat," kata Jaafar bin Sulaiman lalu memuji kebaikan khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Imam Malik senang hati mendengarnya. Walaupun beliau tidak pernah pergi ke Baghdad tetapi dia tahu kota itu sudah dijadikan kota ilmu pengetahuan oleh khalifah. Apabila melihat Imam Malik bersikap lembut kepada khalifah, gabenor Madinah itu yakin ulama besar itu tidak menjadi ancaman kepada khalifah.

"Tuan Imam, khalifah Abu Jaafar al-Mansur menyuruh saya menyampaikan hadiah ini kepada tuan. Saya harap tuan sudi menerimanya," kata gabenor Madinah itu sambil menyerahkan sebuah bungkusan yang berisi wang kepada Imam Malik.

Gabenor Madinah berasa sangat senang hati apabila pemberian itu diterima. Imam Malik tidak seperti Imam Abu Hanifah yang menunjukkan sikap menentang khalifah. Apa sahaja yang diberikan kepada Imam Abu Hanifah ditolak. Tetapi berbeza dengan Imam Malik yang kelihatan mudah dijinakkan hatinya.

"Ini bukan pertemuan kita yang pertama dan terakhir kerana saya akan datang lagi mengunjungi tuan. Sekiranya tuan memerlukan apa-apa pertolongan hubungi saya. Saya berjanji akan memberikan pertolongan," kata gabenor Madinah.

"Terima kasih, tuan gabenor," ujar Imam Malik.

"Sebelum saya pergi tuan boleh meminta apa sahaja dan saya pasti akan memberinya," kata gabenor Madinah.

"Saya cuma meminta dibenarkan terus mengajar di Masjid Nabi. Tetapi sekiranya tuan tidak benarkan, saya akan membuka kelas pengajian di rumah sendiri," kata Imam Malik.

"Saya benarkan tuan terus mengajar di Masjid Nabi. Sekiranya ada sesiapa yang mengganggu atau menghalangnya akan saya tangkap dan jatuhkan hukuman," janji gabenor Madinah itu.

Kunjungan gabenor Madinah ke rumah Imam Malik dan sikap beliau yang tidak menolak pemberian hadiah daripada khalifah itu menjadi perbualan di kalangan orang ramai. Ada antara mereka berasa kesal kerana Imam Malik menerima pemberian itu. Mereka lebih suka sekiranya ditolak.

"Tuan, apakah hukumnya menerima harta pemberian khalifah?" tanya salah seorang penduduk Madinah.

"Harta itu adalah selamat dan boleh diterima," jawab Imam Malik.

"Apa maksud tuan dengan kata-kata harta itu selamat?" tanya mereka lagi.

"Harta itu diambil dari baitulmal, sebab itu ia selamat dan boleh diterima," jawab Imam Malik.

"Bukankah Imam Abu Hanifah menolaknya?" tanya mereka lagi.

"Imam Abu Hanifah mempunyai ijtihad sendiri. Saya pula dengan ijtihad saya," jawab Imam Malik.

Jawapan itu menggembirakan hati gabenor Madinah. Semakin kerap beliau datang berjumpa Imam Malik. Setiap kali gabenor itu datang, dia disambut dengan baik. Semakin banyak hadiah diberikan kepada Imam Malik.

"Tuan guru, mengapa sikap tuan berbeza dengan Imam Abu Hanifah? Beliau mengambil sikap menjauhkan diri daripada khalifah dan gabenor. Sedangkan tuan bersikap sebaliknya," tanya salah seorang anak muridnya.

"Apabila saya rapat dengan gabenor, dapatlah saya memberi nasihat kepadanya. Sekiranya dia ada melakukan kezaliman atau kesilapan dapat saya menegurnya. Sebaliknya sekiranya saya menjauhkan diri, saya tidak dapat menegurnya. Nasihat saya pasti tidak diterimanya," jawab Imam Malik.

"Ada yang mengatakan tuan guru takut ditangkap dan dipenjara kerana itu bersikap baik dengan gabenor," kata yang lain pula.

"Guru-guru saya juga bersikap baik kepada khalifah dan gabenor, sebab itu saya juga bersikap baik kepada mereka. Namun begitu sekiranya saya dipaksa melanggar hukum agama, saya pasti menolaknya walaupun ditangkap ataupun dipenjara," kata Imam Malik.

Oleh kerana Imam Malik bersikap baik kepada gabenor dan pembesar Madinah menyebabkan ada antara mereka yang datang berguru dengan beliau. Semakin ramai yang datang ke kelas pengajiannya. Kehidupan Imam Malik kelihatan semakin mewah. Ini menimbulkan rasa kurang senang mereka yang memusuhinya. Mereka menjadikan itu sebagai isu bagi memburukkan Imam Malik.

"Imam Malik tidak seperti Imam Abu Hanifah. Dia lebih mencintai dunia daripada akhirat. Dia sanggup berbaik dengan gabenor dan khalifah bagi mendapat kesenangan dunia," kata Syobiyah yang sejak lama tidak menyenangi Imam Malik. Dia berasa sakit sakit apabila kelas pengajiannya tidak mendapat sambutan daripada orang ramai.

"Menurut Imam Malik, tujuannya rapat dengan gabenor adalah supaya dapat memberinya nasihat. Tengoklah hasilnya, gabenor menjadi semakin baik. Atas nasihat Imam Malik, gabenor bersetuju menghapuskan bayaran cukai tanah yang membebankan petani. Mereka cuma diwajibkan membayar zakat sahaja. Saya yakin selepas ini akan ada lagi kebajikan yang dilakukan gabenor atas nasihat Imam Malik," kata seorang penduduk Madinah yang menyokong Imam Malik.

Walaupun kehidupan Imam Malik bertambah senang namun dia tidak lupa membantu mereka yang dalam kesusahan. Wang yang diterimanya daripada khalifah dan gabenor digunakannya juga bagi membantu anak-anak muridnya yang miskin. Dia juga sering membantu mereka yang dalam kesusahan. Kelas pengajiannya tetap mendapat sambutan daripada orang ramai. Malah semakin ramai kerana mereka tidak bimbang apabila berada di majlis ilmu Imam Malik kerana hubungan baiknya dengan gabenor Madinah.

"Tuan masih belum mampu mempunyai rumah sendiri. Mahukah tuan sekiranya saya mengadukan perkara ini kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur? Saya yakin beliau dapat membantu tuan bagi mendapatkan sebuah rumah sendiri," kata gabenor yang datang berkunjung di rumah Imam Malik.

"Buat sementara waktu, biarkan saya menyewa di rumah Abdullah bin Mas'ud. Saya dan keluarga saya berasa selesa tinggal di situ. Tambahan pula

letaknya berhampiran dengan Masjid Nabi. Itu memudahkan saya berulang alik ke masjid," kata Imam Malik menolak tawaran itu dengan baik.

"Mahukah tuan sekiranya saya minta waris Abdullah bin Mas'ud menjualkan rumah itu kepada tuan? Dengan itu tuan tidak perlu lagi membayar sewanya setiap bulan," kata gabenor lagi.

"Semasa saya susah dahulu Abdullah bin Mas'ud menyewakan rumahnya kepada saya. Apabila saya sudah senang tentulah tidak manis sekiranya membeli rumah itu. Biarlah saya terus menyewanya. Dengan itu dapat juga saya membantu keluarga Abdullah Mas'ud," kata Imam Malik.

Bab 16 Imam Malik Difitnah

Di kalangan ulama yang terdapat di kota Madinah, ada yang berasa dengki dan iri hati kepada Imam Malik kerana beliau sangat popular serta disayangi orang ramai. Majlis pengajiannya sentiasa penuh sesak dengan orang ramai. Anak-anak muridnya bukan sahaja terdiri daripada penduduk Madinah tetapi ramai yang datang dari luar termasuk Khurasan, Mesir dan Andalus. Jadi ada yang berasa dengki dan menunggu peluang bagi menjatuhkannya.

Salah seorang antara mereka bernama Shobiyah yang juga membuka kelas pengajian tetapi tidak mendapat sambutan. Malah anak-anak muridnya ramai yang berguru kepada Imam Malik. Beliau cuba menghasut orang ramai supaya membenci Imam Malik tetapi tidak berjaya, malah Imam Malik semakin disayangi orang ramai. Kehidupan Imam Malik juga semakin senang kerana banyak menerima hadiah daripada gabenor dan khalifah.

"Tuan gabenor, saya menawarkan diri untuk berkhidmat dengan tuan. Terimalah permohonan saya ini," kata Syobiyah yang datang menghadap gabenor Madinah.

"Apakah kebolehan kamu?" tanya gabenor pula.

"Saya juga seorang ulama yang mempunyai ramai anak murid dan pengikut. Saya boleh gunakan kedudukan saya bagi membantu tuan," jawab Syobiyah bersungguh-sungguh dengan harapan gabenor bersetuju dengan permintaannya.

"Saya memerlukan orang yang petah bercakap di hadapan orang ramai," kata gabenor Madinah.

"Bercakap di hadapan orang ramai menjadi kegemaran saya sejak dahulu. Saya memiliki kelayakan yang tuan kehendaki," kata Syobiyah lalu menunjukkan kebolehannya berucap.

Gabenor Madinah tertarik dengan kepetahan Syobiyah berkata-kata lalu bersetuju mengambilnya sebagai pekerja.

"Kita bekerja untuk khalifah Abu Jaafar al-Mansur, kerana itu kita perlu berusaha bagi mengukuhkan kedudukannya. Beritahu orang ramai mengenai

kebaikan yang dilakukan oleh khalifah. Laporkan kepada saya sekiranya ada yang cuba menghasut orang ramai membenci khalifah," kata gabenor Madinah.

Syobiyah berasa gembira kerana usahanya mahu mendekati gabenor Madinah itu berjaya. Beliau mula menjalankan kempen memuji-muji khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

"Siapakah yang mendirikan kota Baghdad? Siapakah yang membina sebuah pelabuhan yang besar di Sungai Furrat bagi persinggahan kapal-kapal? Siapakah yang memajukan perkembangan ilmu pengetahuan dengan mempergiatkan usaha menterjemah buku-buku pengetahuan ke dalam bahasa Arab. Siapakah yang mendirikan sekolah tinggi Baitul Hikmah?" Demikian pertanyaan-pertanyaan yang selalu dilontarkan Syobiyah ketika berucap di hadapan orang ramai.

Kemudian dia menjawab pertanyaan-pertanyaan itu dengan mengatakan khalifah Abu Jaafar al-Mansur yang membuatnya.

"Khalifah Abu Jaafar al-Mansur membuat pembangunan yang belum pernah dilakukan khalifah sebelumnya. Jadi dia layak digelar bapa pembangunan umat Islam. Kita perlu menyokong pemerintahannya," kata Syobiyah.

Pada suatu hari Syobiyah hadir dalam satu majlis ilmu Imam Malik. Kedatangannya bukan mahu belajar tetapi hendak mencari kesilapan ataupun kelemahan Imam Malik. Kebetulan hari itu Imam Malik sedang membincangkan pelajaran mengenai bab nikah kahwin.

"Tuan Imam, apakah hukumnya sekiranya seorang suami dipaksa menceraikan isterinya?" tanya salah seorang pelajarnya.

"Tidak sah talak orang yang dipaksa," jawab Imam Malik lalu membacakan hadis nabi berkenaan perkara itu.

"Tuan Imam, selain talak, apakah sah sekiranya dipaksa?" tanya salah seorang penduduk Madinah.

"Apa-apa sahaja yang dipaksa hukumnya tidak sah," jawab Imam Malik.

"Kami dipaksa oleh khalifah Abu Jaafar al-Mansur supaya taat setia kepadanya? Adakah salah sekiranya kami membatalkan perjanjian itu?"

tanya lelaki itu lagi.

“Kamu membuat perjanjian itu dengan paksaan dan orang yang dipaksa tidak diterima sumpahnya,” jawab Imam Malik, jujur seorang ulama.

“Tuan Imam, bagaimana pula sekiranya seorang khalifah itu dilucutkan kuasanya secara paksa lalu diganti dengan orang lain?” tanya Yazid salah seorang pelajar daripada kerabat bani Umaiyah.

Dia sengaja menyentuh perkara itu kerana sakit hati dengan khalifah bani Abbasiyah yang merampas kuasa daripada khalifah bani Umaiyah.

“Apa-apa sahaja perkara yang dipaksakan adalah tidak sah,” jawab Imam Malik dengan jujur.

Jawapan Imam Malik itu menimbulkan kemarahan Syobiyah lalu bertanya. “Apakah ini majlis pengajian ilmu ataupun politik?”

“Ilmu dan politik itu tidak dapat dipisahkan. Keduanya berhubung kait antara satu sama lain,” jawab pelajar daripada keluarga bani Umaiyah itu.

“Tidakkah kamu tahu bahawa Tuhan itu maha berkuasa? Dia menjatuhkan khalifah yang zalim iaitu bani Umaiyah diganti dengan khalifah yang adil iaitu bani Abbasiyah?” tanya Syobiyah pula.

“Khalifah bani Umaiyah dan khalifah bani Abbasiyah sama sahaja kezaliman mereka, kerana itu kami benci mereka!” teriak yang lain pula.

Keadaan menjadi bising apabila berlaku perdebatan di kalangan mereka. Imam Malik tidak senang hati dengan apa yang berlaku lalu berkata, “Kita sedang mempelajari ilmu hadis. Sesiapa yang meninggikan suaranya sama seperti meninggikan suaranya di hadapan Rasulullah SAW,” kata Imam Malik sambil tangannya menunjuk ke arah makam Rasulullah SAW.

Barulah keadaan menjadi reda. Tidak ada lagi yang berani meninggikan suaranya. Kemudian Imam Malik meneruskan pelajarannya. Namun Syobiyah masih tidak berpuas hati. Dia segera keluar dari majlis ilmu itu lalu menemui gabenor Madinah.

“Tuan gabenor, hari ini saya benar-benar berada dalam keadaan yang serba salah. Ibarat ditelan mati emak diluah mati bapa. Apakah yang perlu saya

lakukan?" tanya Syobiyah sambil berpura-pura dalam keadaan serba salah dan susah hati.

"Apakah yang menyebabkan kamu jadi begitu? Cuba beritahu saya," kata gabenor pula.

"Perkara ini ada kaitannya dengan Imam Malik. Sedangkan dia mempunyai hubungan yang baik dengan gabenor dan khalifah." Kata-kata Syobiyah itu membuat gabenor semakin berminat hendak mengetahuinya.

"Memang benar kami mempunyai hubungan yang baik dengan Imam Malik. Tetapi apakah yang menyebabkan kamu berasa serba salah?" desak gabenor Madinah itu.

"Dia baru sahaja mengeluarkan fatwa yang boleh menimbulkan rasa benci orang ramai kepada khalifah," jawab Syobiyah.

"Apakah fatwa yang dikeluarkannya?" tanya gabenor.

"Tidak sah perceraian yang dipaksakan," jawab Syobiyah.

"Apa kaitan fatwa itu dengan khalifah?" tanya gabenor lagi.

"Dia juga mengatakan apa-apa sahaja perkara yang dipaksakan maka hukumnya tidak sah. Termasuk mengambil alih kuasa pemerintahan daripada bani Umaiyah secara paksa maka hukumnya tidak sah. Bukankah fatwa itu tersangat bahaya kepada kedudukan khalifah?" tanya Syobiyah pula.

"Benarkah Imam Malik ada mengeluarkan fatwa seperti itu?" Gabenor meminta kepastian.

"Memang benar Tuan Gabenor kerana saya sendiri yang mendengarnya. Imam Malik juga mengaitkan fatwanya itu dengan khalifah Abu Jaafar al-Mansur yang dikatakan memaksa penduduk Madinah supaya taat setia kepadanya. Fatwa itu boleh membuatkan penduduk Madinah menarik semula sumpah taat setianya kepada khalifah. Bukankah itu sangat bahaya?" tanya Syobiyah.

Gabenor Madinah yang masih muda itu mudah sahaja menjadi panas baran apabila mendengar laporan itu. Bagi memastikan kebenarannya beliau

sendiri ke rumah Imam Malik bagi mendapat kepastian.

“Memang benar saya mengeluarkan fatwa talak yang dipaksakan itu adalah tidak sah. Ini berdasarkan kepada hadis Nabi Muhamad SAW yang bermaksud, Tidak sah talak orang yang dipaksa,” kata Imam Malik.

“Tidakkah tuan sedar fatwa itu boleh mendatangkan rasa benci orang ramai kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur?” tanya gabenor.

“Fatwa itu cuma dalam masalah perkahwinan. Tidak ada kena mengena dengan hal politik. Saya tidak bermaksud menimbulkan kemarahan Tuan Gabenor,” jawab Imam Malik.

“Fatwa yang tuan keluarkan itu boleh diputarbelitkan mereka yang membenci khalifah. Mereka boleh gunakan fatwa itu bagi menghasut orang ramai supaya membenci khalifah. Huru-hara dan pertumpahan darah pasti berlaku,” kata gabenor pula.

“Apa yang perlu saya lakukan?” tanya Imam Malik pula.

“Tuan perlu tarik semula fatwa itu!” jawab gabenor.

“Fatwa itu bersandarkan hadis nabi yang sahih. Sekiranya saya menarik semula fatwa itu bererti saya menolak hadis Nabi Muhamad SAW,” balas Imam Malik pula.

“Sekiranya begitu saya terpaksa mengadukan perkara ini kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur. Sementara menunggu perintah khalifah, tuan tidak dibenarkan membuka kelas pengajian di Masjid Nabi. Tuan juga dikehendaki berada di rumah dan tidak boleh pergi keluar dari Madinah. Saya juga akan menempatkan beberapa orang pengawal bagi memastikan perintah ini dipatuhi,” kata gabenor Madinah.

Pada hari itu juga gabenor Madinah berangkat ke kota Baghdad bagi mengadukan perkara itu kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Amirul Mukminin, saya mencadangkan supaya Imam Malik ditangkap dan dikurung di dalam penjara Baghdad. Itu sahaja hukuman ke atas ulama yang cuba menjatuhkan khalifah,” kata Syobiyah yang turut bersama gabenor Madinah menghadap khalifah.

“Beta mahu kamu berusaha memujuk Imam Malik supaya menarik semula fatwanya itu. Sekiranya tidak berjaya, kamu juga akan dihukum kerana gagal menjalankan tugas,” perintah khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Gabenor Madinah dan Syobiyah pulang semula ke Madinah. Kemudian kedua-duanya segera menemui Imam Malik.

“Atas perintah khalifah Abu Jaafar al-Mansur, tuan diminta menarik semula fatwa itu,” kata gabenor Madinah.

“Saya tidak akan menarik semula fatwa itu,” tegas Imam Malik.

“Sekiranya kamu degil, kamu akan dihukum seperti yang pernah dirasai Imam Abu Hanifah,” ugut Syobiyah pula.

“Saya lebih takutkan azab Allah di akhirat kelak. Saya tidak akan menarik semula fatwa itu.” Imam Malik tetap bertegas dengan keputusannya.

“Baiklah saya beri tuan masa selama tiga hari bagi memikirkan semula perkara ini. Selepas tiga hari saya akan datang semula ke sini. Selama itu tuan juga dilarang keluar rumah walaupun untuk pergi sembahyang berjemaah. Beberapa orang pengawal akan ditugaskan berkawal di sini,” kata gabenor.

Syobiyah pula mengambil kesempatan bagi mempengaruhi orang ramai supaya jangan terpengaruh dengan fatwa yang dikeluarkan Imam Malik. Dia menyuruh orang ramai berkumpul di Masjid Nabi kemudian naik ke atas mimbar lalu berucap.

“Sekiranya suami berlaku zalim kepada isterinya, hakim boleh memaksanya menjatuhkan talak ke atas isterinya. Jadi talak yang dipaksakan itu sah sekiranya dalam keadaan terpaksa,” kata Syobiyah kepada orang ramai.

Kemudian katanya lagi, “Apabila khalifah Umaiyah berlaku zalim, tidak salah apabila mereka dipaksa menyerahkan kuasa kepada khalifah bani Abbasiyah. Tindakan itu adalah sah dan orang ramai perlu memberi sokongan kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur yang berkuasa sekarang.”

Kemudian Syobiyah memuji jasa-jasa yang dilakukan khalifah Abu Jaafar al-Mansur selama pemerintahannya.

Bab 17 Imam Malik Dihukum Sebat

“Hari ini sudah genap tiga hari tempoh yang kita berikan kepada Imam Malik,” kata Syobiyah mengingatkan gabenor Madinah.

“Saya tahu dan saya sedang memikirkan caranya untuk menyuruh Imam Malik menarik semula fatwanya,” kata Gabenor Jaafar.

“Caranya mudah sahaja. Sekiranya dia enggan kita bunuh,” kata Syobiyah memberi cadangan.

“Awak lupa apa perintah khalifah kepada kita?” tanya gabenor Madinah.

Syobiyah diam tidak menjawab. Melihat Syobiyah mendiamkan diri, gabenor Madinah sendiri yang menjawabnya.

“Khalifah mahu kita pujuk Imam Malik supaya menarik semula fatwanya. Bukan bunuh dia.”

“Bagaimana sekiranya dia degil dan tidak mahu menarik fatwanya?” tanya Syobiyah.

“Khalifah akan menghukum kita kerana gagal menjalankan perintah,” jawab gabenor.

“Beritahu khalifah, Imam Malik tidak mahu menarik fatwanya sebab itu dia dibunuh.” Ternyata Syobiyah masih mahu cadangannya diterima gabenor itu.

“Kita akan dituduh gagal oleh khalifah dan dikenakan tindakan. Saya tidak mahu kehilangan jawatan,” kata Gabenor Jaafar.

“Sekiranya begitu, kita kurung dia dalam penjara. Jangan beri makan dan minum. Pasti dia tunduk kepada kehendak kita.” Syobah memberi cadangan baharu.

“Bagaimana sekiranya dia mati di dalam penjara seperti yang pernah berlaku kepada Imam Abu Hanifah? Khalifah Abu Jaafar al-Mansur sendiri tidak mahu Imam Malik dipenjarakan kerana beliau tidak mahu dipersalahkan

lagi. Bukankah kematian Imam Abu Hanifah hampir menyebabkan rusuhan di Mekah dan Madinah?" kata gabenor Madinah.

"Sekiranya begitu, apa pula cadangan tuan gabenor?" tanya Syobiyah.

"Kita pujuk dia dengan harta dan pangkat," jawab gabenor.

"Maksud tuan gabenor, mahu memberi Imam Malik duit dan jawatan penting?" tanya Syobiyah.

"Sebagai gabenor saya boleh melantik sesiapa sahaja menjadi kadi ataupun pegawai perbendaharaan. Ataupun paling kurang menjadi penasihat gabenor. Saya juga boleh mengeluarkan harta baitulmal bagi diberikan kepada sesiapa sahaja," jawab gabenor.

"Bukankah itu akan menjadikan Imam Malik menjadi lebih popular dan disanjung orang ramai?" tanya Syobiyah pula.

"Tidak mengapa asalkan dia menarik semula fatwanya. Kita akan mendapat pujian daripada khalifah kerana berjaya menjalankan tugas," jawab gabenor.

"Bagaimana sekiranya Imam Malik tidak mahu menerima hadiah ataupun jawatan? Bukankah dia seorang yang kaya?" Bertubi-tubi soalan ditujukan oleh Syobiyah kepada gabenor.

"Sekiranya dia tidak setuju baru kita lakukan paksaan tetapi bukan dengan penjara ataupun membunuhnya," jawab gabenor.

Dalam hati, Syobiyah mahu Imam Malik menolak tawaran gabenor. Dia berharap saingannya itu dihukum penjara ataupun dihukum bunuh.

Gabenor memerintahkan pengawal membawa Imam Malik datang menghadap di kediamannya. Kedatangan ulama terbilang itu disambut mesra oleh gabenor Madinah dengan harapan Imam Malik akan menarik semula fatwanya.

"Apa khabar Tuan Imam Malik?" tanya gabenor, pura-pura bersikap ramah.

"Saya berasa dukacita kerana dihalang pergi ke masjid. Saya tidak dapat sembahyang berjemaah di masjid nabi dan mengajar ilmu kepada orang ramai," jawab Imam Malik.

“Itu cuma buat sementara waktu sahaja. Selepas ini kamu bebas pergi ke mana sahaja,” kata gabenor, masih menunjukkan sikap yang ramah.

“Sekiranya begitu bebaskan saya sekarang,” pinta Imam Malik.

“Saya boleh bebaskan kamu tetapi dengan satu syarat. Beritahu orang ramai yang kamu sudah menarik semula fatwa yang mengatakan talak yang dipaksakan itu tidak sah. Kamu perlu beritahu orang ramai bahawa talak ataupun apa sahaja yang dipaksakan itu sah dalam keadaan terpaksa,” kata gabenor.

Imam Malik mendiamkan diri tidak menyatakan bersetuju ataupun tidak. Apabila melihat Imam Malik berdiam diri, gabenor menyangka beliau bersetuju. Bertambah gembira hatinya.

“Sebagai tanda gembira, pada hari ini kita akan menjamu selera bersama dan kamu juga akan diberikan hadiah kerana mahu bekerjasama,” kata gabenor sambil tersenyum.

Kemudian gabenor menyuruh pembantunya membawa makanan dan minuman. Lalu mempelawa Imam Malik bersama menikmatinya.

“Saya sedang berpuasa...,” kata Imam Malik.

“Saya juga sedang berpuasa sunat. Tetapi kerana menghormati tuan gabenor dan tidak mahu menghampakan permintaannya maka saya sanggup membatalkan puasa saya. Tambahan pula cuma puasa sunat,” kata Syobiyah yang turut bersama dalam perjumpaan itu.

“Saya hanya akan berbuka puasa apabila sudah masuk waktu sembahyang maghrib,” tegas Imam Malik.

“Itu tanda kamu langsung tidak menghormati gabenor. Kedegilan kamu itu pasti menyakiti hatinya,” marah Syobiyah.

“Adakah menjadi satu kesalahan sekiranya seseorang itu enggan menikmati makanan disebabkan dia sedang berpuasa?” tanya Imam Malik.

“Tidak salah dan saya tidak marah,” jawab gabenor.

“Terima kasih tuan gabenor,” ujar Imam Malik pula. Kemudian dia meminta diri bagi beredar dari situ.

“Tuan boleh pergi dari sini tetapi sebelum itu saya mahu memberikan hadiah,” kata gabenor lalu masuk ke dalam bilik. Tidak lama kemudian dia keluar semula sambil membawa uncang duit.

“Kamu sudah bersetuju mahu menarik semula fatwa itu, jadi saya berikan hadiah sebanyak dua ribu dinar,” kata gabenor lalu menyerahkan duit itu kepada Imam Malik.

Imam Malik menerima pemberian itu tanpa mengucapkan apa-apa. Kemudian dia segera meninggalkan kediaman gabenor dan terus pergi ke Masjid Nabi. Orang ramai datang ke masjid bagi mendengar apa yang akan diperkatakan Imam Malik.

Apabila sampai di Masjid Nabi, Imam Malik terus mengambil wuduk kemudian sembahyang sunat beberapa rakaat. Kemudian dia membaca Quran dan berzikir hingga masuk waktu sembahyang zuhur. Selepas sembahyang berjemaah, orang ramai yang masih berada di masjid mahu mendengar apa yang akan diperkatakan Imam Malik.

“Tuan, ucapkanlah sesuatu supaya kami mendengarnya. Kami mahu mengetahui apa yang dilakukan gabenor kepada tuan,” kata salah seorang penduduk Madinah.

Imam Malik tidak menghampakan permintaan mereka. Dia naik ke atas mimbar lalu berkata, “Saya disuruh menarik semula fatwa saya berkenaan talak yang dipaksakan itu tidak sah. Sekiranya saya membatalkan fatwa itu bermakna saya menolak sebuah hadis sahih. Saya tidak akan menarik semula fatwa itu. Sesungguhnya talak yang dipaksakan itu tidak sah.”

Orang ramai memuji ketegasan Imam Malik. Mereka menyatakan sokongan kepada ulama yang mereka sayangi itu. Imam Malik pula tidak berasa takut menyatakan kebenaran. Dalam setiap kali ceramahnya dia mengulangi fatwanya yang mengatakan talak yang dipaksa itu tidak sah. Gabenor Madinah dan Syobiyah benar-benar rasa tercabar.

“Imam Malik bukan sahaja tidak mahu menarik balik fatwanya malah menghebahkannya kepada orang ramai. Ke mana sahaja dia pergi fatwa itu disebut-sebutnya. Dia sudah melampau. Sia-sia sahaja kebaikan yang tuan

gabenor berikan kepada dia.” Kata-kata Syobiyah itu menambah sakitnya lagi hati gabenor.

Gabenor menyuruh pengawalnya menangkap Imam Malik lalu dihadapkan kepadanya. Gabenor pun memberi kata dua, “Kamu buat pilihan sama ada hendak menjadi musuh aku ataupun kawan aku?” tanya gabenor Madinah.

“Saya tidak mahu bermusuhan dengan sesiapa,” jawab Imam Malik.

“Sekiranya begitu, tarik semula fatwa itu!” perintah gabenor.

“Saya tidak akan menariknya kerana fatwa itu sesuai dengan hadis Nabi,” balas Imam Malik.

“Imam Malik sudah membuat keputusan. Dia memilih mahu menjadi musuh tuan gabenor,” kata Syobiyah.

“Suruh orang ramai berkumpul di Masjid Nabi. Ada perkara penting yang mahu saya maklumkan,” kata gabenor lalu mengarahkan Syobiyah mengajak orang ramai berkumpul di Masjid Nabi.

Selepas orang ramai berkumpul, gabenor naik ke atas mimbar masjid lalu berkata, “Imam Malik mengaku sudah tersilap memberi fatwa berkenaan hukum talak. Jadi pada hari ini dia mahu menarik semula fatwanya itu. Bukankah benar begitu?” tanya gabenor sambil memandang ke arah Imam Malik yang berdiri di sebelahnya.

Sebelum itu gabenor sudah memberi perintah kepada Imam Malik supaya menganggukkan kepalanya apabila ditanya. Tetapi apabila ditanya, Imam Malik tidak mengangguk kepalanya. Gabenor mengulang semula kata-katanya lalu mengulangi pertanyaan kepada Imam Malik. Tetapi beliau tetap berdiam diri.

“Suruh Imam Malik sendiri yang bercakap. Kami tahu dia seorang yang jujur dan berani!” teriak orang ramai.

Gabenor terpaksa akur dengan kehendak orang ramai. Dia menyuruh Imam Malik berucap. Tetapi sebelum itu sempat dia berbisik berserta satu amaran, “Sekiranya kamu tidak menarik semula fatwa itu, kamu adalah musuh saya!”

Tanpa kelihatan takut Imam Malik pun berucap, “Mereka menyuruh saya bercakap bohong sedangkan saya sedang berdiri di atas mimbar yang pernah

menjadi tempat Rasulullah SAW berdiri. Saya juga sedang berada di dalam Masjid Nabi. Tidak jauh dari sini terdapat jasad yang mulia, Nabi Muhammad SAW sedang terbaring. Jadi saya tidak akan bercakap bohong.

"Sesungguhnya fatwa yang saya keluarkan itu adalah benar. Saya tidak akan menarik semula fatwa itu walaupun saya dihukum bunuh. Saya tegaskan sekali lagi, talak yang dipaksakan itu adalah tidak sah."

Gabenor dan Syobiyah berasa malu yang teramat sangat. Beliau memerintahkan pengawalnya menangkap Imam Malik kemudian diikat kaki dan tangannya.

"Letakkan dia di atas unta dan bawa berjalan di sekeliling kota Madinah. Beritahu orang ramai inilah ulama pendusta!" suruh gabenor.

Pengawal segera menjalankan perintah. Dengan kaki dan tangannya terikat, Imam Malik diletakkan di atas belakang seekor unta. Kemudian dia dibawa keliling kota. Syobiyah memegang tali unta sambil berkata, "Inilah balasan kepada ulama pendusta."

"Saya bukan pendusta. Saya berkata yang benar. Tidak sah talak yang dipaksa," kata Imam Malik.

Gabenor menjadi marah. Dia menyuruh Syobiyah memukul belakang Imam Malik dengan sebatang tongkat. Syobiyah memukul dengan sekuat hatinya. Imam Malik pun berkata, "Saya dipukul kerana urusan agama seperti juga Sa'id bin al-Musayyab, Muhamad bin al-Munkadir dan Rabia'ah…." Belum sempat Imam Malik menghabiskan kata-katanya Sobiyah menghayun tongkatnya berkali-kali ke belakang Imam Malik hingga beliau pengsan.

Melihat penyeksaan yang dilakukan kepada ulama kesayangan mereka, orang ramai pun hilang sabar lalu bertindak menyelamatkan Imam Malik. Apabila melihat orang ramai menyerbu ke arah mereka, gabenor Madinah, Syobiyah dan pengawal-pengawalnya terpaksa melarikan diri. Orang ramai melepaskan Imam Malik daripada ikatan di belakang unta lalu dibawa pulang ke rumahnya. Kemudian Imam Malik diberikan rawatan. Di bahagian belakang badannya terdapat 70 kesan pukulan hingga salah satu tulang rusuknya cedera teruk.

Apabila tersedar daripada pengsan, Imam Malik pun berkata, "Saya dipukul kerana mempertahankan urusan agama. Ulama sebelum saya juga pernah

dipukul malah ada yang dibunuh.”

Bab 18 Tetamu Tengah Malam

Hari itu selepas sembahyang Jumaat, orang ramai tidak terus pulang ke rumah. Mereka berarak beramai-ramai menuju ke rumah gabenor Madinah bagi menunjukkan rasa marah kerana penyeksaan yang dilakukan kepada Imam Malik.

“Tuan gabenor! Segera buka pintu!” teriak Syobiyah cemas.

“Apa yang berlaku?” tanya gabenor cemas.

“Orang ramai menunjuk perasaan. Mereka sedang menuju ke sini. Lebih baik tuan gabenor keluar cepat sebelum mereka sampai,” kata Syobiyah.

Gabenor Madinah segera membawa ahli keluarganya keluar ikut pintu belakang. Mereka terus menuju ke Baghdad. Apabila orang ramai sampai di rumah gabenor, mereka dapati beliau sudah tidak ada lagi. Akhirnya orang ramai bersurai dan pulang ke rumah masing-masing.

Namun kemarahan penduduk Madinah masih belum padam malah bertambah marak. Mereka sangat marah dengan penyeksaan yang dilakukan kepada Imam Malik. Mereka tidak mahu apa yang berlaku kepada Imam Abu Hanifah berlaku ke atas Imam Malik.

Berita penduduk Madinah yang menunjuk perasaan kerana membela Imam Malik sampai kepada khalifah Abu Jaafar al-Mansur. Beliau berasa sangat sudah hati.

“Semua ini berpunca daripada Imam Malik. Kedegilannya membuatkan penduduk Madinah memberontak. Bagi memadamkan pemberontakan itu mudah sahaja. Khalifah hantar pasukan tentera. Kekerasan perlu dilawan dengan kekerasan. Api dilawan dengan api,” kata Syobiyah cuba menambahkan lagi kemarahan khalifah.

“Saya bersetuju, Amirul Mukminin. Imam Malik dan mereka yang memberontak perlu dihukum,” sokong Gabenor Jaafar.

Tetapi khalifah Abu Jaafar al-Mansur tidak terpengaruh dengan cadangan mereka. Tambahan pula selama pemerintahannya sudah banyak berlaku pertumpahan darah. Dalam usianya yang semakin lanjut sifat sabarnya

mengatasi sifat amarah semasa mudanya. Tambahan pula masih ada rasa hormatnya kepada Imam Malik.

"Kamu berdua gagal menjalankan tugas. Dengan ini Jaafar dilucutkan daripada jawatan gabenor Madinah. Syobiyah juga dilucutkan jawatannya. Kamu berdua tidak dibenarkan lagi menjejakkan kaki ke Madinah," kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

"Tindakan itu keterlaluan. Bukankah saya ini sepupu kamu? Apakah kerana membela Imam Malik kamu sanggup mengenepikan keluarga sendiri?" marah Jaafar kerana tidak setuju tindakan khalifah melucutkan jawatannya.

"Apakah kamu menyangka sebelum ini saya tidak pernah mengambil tindakan kepada keluarga Bani Abbasiyah yang gagal menjalankan tugasnya? Ada yang saya bunuh dan ada yang saya penjarakan. Adakah awak juga mahu diperlakukan begitu?" balas khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

"Maafkan saya, saya akur kepada hukuman khalifah." Akhirnya Jaafar mengalah.

Malam itu semalaman khalifah Abu Jaafar al-Mansur tidak dapat melelapkan mata kerana runsing mengenangkan situasi di kota Madinah. Semenjak beliau dilantik menjadi khalifah, penduduk Madinah tidak pernah memberontak. Mereka patuh dengan janji memberi taat setia padanya. Beliau juga tidak lupa jasa Imam Malik yang sering menasihatkan penduduk Madinah supaya jangan memberontak kepada khalifah. Jadi beliau berasa sangat susah hati apabila penduduk Madinah memberontak. Keesokan harinya khalifah Abu Jaafar al-Mansur memanggil wazirnya.

"Berangkatlah segera ke Madinah. Temui Imam Malik. Katakan beta akan datang ke Madinah bagi berjumpa dengannya. Maklumkan juga kepada penduduk Madinah beta sudah memecat gabenor Jaafar. Penduduk Madinah akan mendapat gabenor yang baharu," kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Tanpa berlengah lagi Wazir pergi ke Madinah lalu terus menuju ke rumah Imam Malik. Kedatangannya disambut dengan baik.

"Apa yang berlaku ke atas Imam Malik bukan arahan daripada khalifah tetapi gabenor Jaafar yang bertindak sendiri, kerana itu khalifah memecat

Jaafar sebagai gabenor Madinah. Itu membuktikan khalifah tidak terlibat dalam perkara ini," kata Wazir sambil cuba meyakinkan yan khalifah tidak tahu menahu apa yang dilakukan oleh gabenor Madinah itu.

Walaupun gabenor Madinah dan Syobiyah menyakitinya namun Imam Malik tidak pula mencaci maki mereka. Beliau cuma berkata, "Saya dipukul kerana mempertahankan urusan agama. Ulama sebelum saya juga pernah dipukul malah ada yang dibunuh," kata Imam Malik.

Kemudian beliau membacakan ayat Quran surah surah al-Ankabut ayat 2 dan 3 bermaksud, "Apakah manusia menyangka, mereka akan dibiarkan sahaja apabila berkata, kami beriman tanpa mereka mendapat cubaan? Sesungguhnya kami menduga orang sebelum mereka supaya Allah mengetahui orang yang benar dan mengetahui orang yang berdusta."

Sebelum Wazir pergi beliau sempat memberikan pelbagai hadiah kepada Imam Malik. "Hadiah ini daripada khalifah sebagai tanda persahabatan," katanya.

Selepas Wazir dan para pengiringnya pergi, ramai yang datang ke rumah Imam Malik bagi mengetahui apa yang berlaku.

"Khalifah Abu Jaafar al-Mansur sangat licik. Jangan mudah terpedaya dengan permainannya. Sudah lupakah kamu pada apa yang dilakukannya kepada musuh-musuh politiknya?" kata Basir salah seorang penduduk Madinah.

"Siapa yang kamu maksudkan?" tanya Jarir pula.

"Sudah lupakah kamu bagaimana cara dia membunuh Abu Muslim al-Khurasani, Muhamad bin Abdullah dan bapa saudaranya sendiri Abdullah bin Ali?" tanya Basir pula. Kemudian dia sendiri yang menjawab pertanyaan itu.

"Dia berpura-pura bersikap baik kepada Abu Muslim al-Khurasani. Dijemputnya datang ke istana. Kemudian dibunuhnya. Begitu juga dengan keluarga bani Umaiyah. Mereka dipelawa datang ke istana kononnya bagi jamuan makan tanda perdamaian. Kemudian ketika mereka sedang menikmati makanan lalu dibunuh semuanya."

“Benar kata kamu. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur memang tidak boleh dipercayai. Dia yang menyuruh gabenor Madinah menyeksa Imam Malik. Apabila kita memberontak, dia cuba berlepas tangan,” sokong salah seorang yang hadir.

“Pada pendapat kamu apa yang akan dilakukan oleh khalifah kepada Imam Malik?” tanya Jarir.

“Beliau bersikap baik kepada Imam Malik supaya kemarahan kita reda. Kemudian beliau akan menjemput Imam Malik ke Baghdad untuk dibunuh,” jawab Basir.

“Kita tidak akan benarkan Imam Malik pergi ke Baghdad. Kita akan melindungi beliau,” kata Jarir.

“Sekiranya itu tidak berjaya beliau akan menghantar pembunuh bagi membunuh Imam Malik,” kata Basir lagi.

“Kita akan berkawal di rumah Imam Malik siang dan malam,” kata Jarir pula.

“Akhirnya khalifah akan menghantar tenteranya bagi menyerang Madinah.” Basir terus membuat andaian.

“Kita akan tentang mereka bermati-matian. Mulai sekarang persiapkan diri kita bagi berperang,” kata Jarir lalu disokong orang ramai yang berada di situ.

Tetapi Imam Malik meminta mereka bertenang dan jangan bertindak mengikut sesuka hati.

“Semoga Allah melindungi kita daripada segala bencana. Semoga khalifah Abu Jaafar al-Mansur insaf dan bertaubat,” kata Imam Malik.

Beliau juga menolak apabila penduduk Madinah menawarkan diri bagi berkawal di rumahnya siang dan malam. Menurut Imam Malik dia berserah kepada Allah yang maha berkuasa. Cukuplah Dia sahaja yang menjadi pelindungnya.

Beberapa minggu sudah berlalu. Imam Malik semakin pulih daripada kecederaannya. Dia sudah boleh berjalan kaki ke Masjid Nabi bagi

sembahyang berjemaah. Orang ramai senang hati melihat keadaan itu. Suasana di Madinah juga mula tenang. Gabenor Jaafar yang dipecat digantikan dengan gabenor yang baharu.

Di Baghdad Khalifah Abu Jaafar al-Mansur sedang membuat persiapan datang ke Madinah. Bagi menjamin keselamatannya, beliau membawa pasukan tentera yang ramai. Beliau juga sengaja merahsiakan kedatangannya ke Madinah. Tidak ada siapa yang tahu termasuk gabenor. Beliau dan pasukan tenteranya bergerak pada waktu malam menuju ke Madinah.

Malam itu seperti biasa selepas sembahyang Isyak di Masjid Nabi, Imam Malik segera pulang ke rumah. Beliau terus beribadat dengan bersembahyang sunat dan membaca Quran. Menjelang tengah malam, ketika penduduk kota Madinah sedang nyenyak tidur, khalifah Abu Jaafar al-Mansur bersama pasukan tenteranya bergerak pantas memasuki kota Madinah tanpa disedari sesiapa. Mereka menuju ke rumah Imam Malik. Sebaik sahaja sampai, khalifah mengarahkan pasukan tenteranya mengepung rumah itu.

"Assalamualaikum!"

Tiba-tiba kedengaran suara memberi salam. Imam Malik yang masih belum tidur segera menjawab ucapan salam itu sambil bertanyakan siapa.

"Kami adalah tetamu Tuan. Jangan takut dan jangan bimbang kerana niat kami baik," jawab suara dari luar rumah.

Tanpa berprasangka buruk, Imam Malik segera membuka pintu lalu mempersilakan tetamunya masuk. Dia agak terkejut tetapi segera beristighfar apabila didapatinya Khalifah Abu Jaafar al-Mansur diiringi beberapa orang pengawalnya yang lengkap bersenjata masuk ke dalam rumahnya.

"Selamat datang khalifah Abu Jaafar al-Mansur," kata Imam Malik lalu mendakap tetamunya itu.

Seketika dada keduanya bersentuhan bagaikan dua sahabat yang lama tidak bertemu. Kemudian Imam Malik mempersilakan tetamunya duduk. Tetapi Khalifah Abu Jaafar al-Mansur tidak mahu duduk.

Sambil bercekak pinggang dia pun berkata, "Apakah yang dilakukan oleh ulama-ulama di Madinah sehingga saya berasa serba salah dan tidak senang

duduk? Mereka membenci saya sehingga ada yang mahu memberontak. Kamu seorang ulama yang ditaati kata-katamu oleh orang ramai, tentu lebih mengetahui bahawa saya sudah menunaikan hak-hak saya. Mereka yang bersalah sudah saya jatuhkan hukuman," kata khalifah dengan nada yang marah.

Kemudian katanya lagi, "Saya memecat Jaafar dan Syobiyah. Saya sudah menghantar utusan bagi menyatakan saya tidak bersubahat dalam perkara ini. Tetapi mengapa kamu masih marah kepada saya? Mengapa kamu membiarkan penduduk Madinah membenci saya?"

Imam Malik kelihatan tenang sahaja mendengar kata-kata khalifah. Sedikit pun tidak ada rasa takut di hatinya kerana beliau hanya berserah kepada Allah. Selepas habis khalifah Abu Jaafar meluahkan amarahnya baru Imam Malik bercakap, "Amirul Mukminin, sesungguhnya Allah menyatakan dalam Quran surah Hujurat ayat 6 yang bermaksud, 'Wahai orang yang beriman. Apabila datang kepada kamu seorang fasik membawa berita maka selidik dahulu kebenarannya. Boleh jadi orang jahat yang sengaja mereka cipta cerita itu, nanti kamu yang akan menyesal akibat daripada kesilapan kamu sendiri'."

Apabila mendengar ayat Quran itu dibacakan, tiba-tiba hati khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjadi tenang dan sejuk. Perancangan awalnya memang hendak membuat perhitungan dengan Imam Malik. Sekiranya dia terus menunjukkan sikap keras kepala dan membenci, dia tidak teragak-agak membunuhnya. Tetapi apabila kedatangannya disambut dengan baik malah didakap oleh Imam Malik serta dibacakan ayat Quran, hatinya menjadi sejuk dan tenang.

"Sila duduk Amirul Mukminin. Boleh kita berbual panjang," pelawa Imam Malik. Barulah khalifah Abu Jaafar al-Mansur duduk rapat dengan Imam Malik hingga kedua-dua lututnya bertemu.

"Adakah tuan Imam Malik berasa kurang senang kerana kami datang sebagai tetamu tengah malam?" tanya kahlifah Abu Jaafar al-Mansur. Suaranya kini tidak bernada marah lagi.

"Saya menyangka tujuan khalifah datang pada waktu begini hendak membunuh saya. Saya hanya berserah kepada Allah kerana Dia yang maha berkuasa," kata Imam Malik.

“Oh tidak. Semoga saya dijauhkan daripada perbuatan yang keji itu kerana membunuh ulama adalah perbuatan yang keji,” kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Beliau juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan terlibat atas apa yang berlaku kepada Imam Malik. “Demi Allah tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah. Beta tidak pernah menyuruh Jaafar melakukan perbuatan itu. Beta juga tidak pernah merancang bagi melakukannya. Beta tidak suka perkara itu terjadi,” kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Imam Malik mengucapkan syukur kepada Allah serta berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Beliau percaya kepada apa yang diucapkan oleh khalifah. Imam Malik juga mengambil kesempatan menasihatkan khalifah supaya tidak bertindak terburu-buru ke atas penduduk Madinah yang dituduh cuba memberontak.

“Imam Malik, dengarlah pengakuan beta ini. Penduduk Madinah berada dalam keadaan aman selagi kamu berada bersama mereka. Beta berharap kamu menyelamatkan mereka daripada seksaan Allah.” Khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Di mana Jaafar sekarang?” tanya Imam Malik.

“Dia melakukan perkara yang menyakitkan hati. Beta perintahkan dia dikurung di dalam bilik yang sempit. Dia juga sedang diseksa dan dihina yang berganda-ganda beratnya,” jawab khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Semoga Allah memberi kesihatan kepada Amirul Mukminin serta memuliakan perjalanan hidupnya. Sebenarnya saya sudah memaafkan perbuatan Jaafar itu kerana dia adalah daripada keluarga Rasulullah SAW dan juga kerabat khalifah sendiri,” kata Imam Malik.

Mereka terus berbual hingga menjelang pagi. Sebelum beredar, khalifah Abu Jaafar al-Mansur menyatakan hasratnya mahu ke Mekah menunaikan rukun haji. Beliau juga mempelawa Imam Malik datang ke Mekah.

“Kita akan bertemu sekali lagi di Mina,” pesan khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Imam Malik menyambut baik cadangan khalifah. Tambahan pula musim haji hampir menjelang tiba. Tidak lama kemudian Imam Malik berangkat ke Mekah.

Bab 19 Pertemuan di Mina

Tanah suci Mekah al-Mukarramah tidak putus-putus dikunjungi tetamu Allah yang mengerjakan haji dan umrah. Mereka datang dari seluruh pelosok dunia. Ada yang berjalan kaki dan ramai pula yang menaiki kenderaan seperti kuda, unta dan sebagainya. Masing-masing mengharapkan keampunan Ilahi.

Buat pertama kalinya selepas menjadi khalifah selama lebih dua puluh tahun, tiba-tiba tergerak hatinya mahu mengerjakan ibadat haji. Sebelum itu beliau sibuk dengan tanggungjawab sebagai khalifah dalam memajukan negara serta mengukuhkan kerajaan.

Selepas singgah di Madinah bagi bertemu dengan Imam Malik, khalifah Abu Jaafar al-Mansur berserta keluarga dan pasukan tenteranya bergerak menuju ke tanah suci Mekah. Inilah kami pertama beliau memimpin pasukan tenteranya bukan bagi berperang tetapi bagi beramal ibadat. Namun mereka membawa senjata bagi menghadapi segala kemungkinan.

Imam Malik juga menunaikan haji ke tanah suci Mekah. Setiap tahun beliau mengerjakannya walaupun kewajipan haji hanya sekali seumur hidup. Sekiranya ada yang bertanya, beliau menjawab kerinduannya kepada tanah suci Mekah, Kaabah atau Baitullah, padang Arafah dan Mina tidak tertahan. Jadi, setiap tahun beliau mengunjunginya.

Namun pemergian Imam Malik pada kali ini lebih menarik perhatian orang ramai. Mereka mahu berjumpa serta bertanyakan mengenai penyeksaan yang dialaminya.Tambahan pula berita itu sudah tersebar ke seluruh negara. Orang ramai terutama anak-anak murid serta pengikut Imam Malik berasa terkejut dan simpati. Fitnah dan penyeksaan itu menjadikan Imam Malik semakin popular. Orang ramai semakin menghormati serta menyayanginya. Apabila beliau tiba di Masjidil Haram, orang ramai menyambut kedatangannya bagaikan raja. Masing-masing mahu bertemu, bersalaman serta bertanya khabar. Ke mana sahaja Imam Malik pergi orang ramai mengerumuninya.

Apabila orang ramai meluahkan rasa marah kepada Jaafar bin Sulaiman yang menyeksa Imam Malik, Imam Malik akan berkata, “Saya sudah maafkan dia, kerana itu janganlah kamu berdendam dengannya.”

Selepas wuquf di padang Arafah, jemaah haji berkumpul di Mina bagi melontar jamrah. Sekali lagi Imam Malik mendapat perhatian ramai. Seperti yang dijanjikan, Khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjemput Imam Malik datang menghadapnya. Sebaik sahaja melangkah masuk ke khemah, khalifah turun dari tempat duduknya lalu segera mendapatkan Imam Malik. Giliran baginda pula mendakap tetamunya hingga dada dan lutut mereka bertaut rapat.

"Silakan duduk," pelawa khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Kedua-duanya duduk rapat hingga bertemu lutut. Bagi bertemu dengan Imam Malik pada kali ini khalifah tidak memakai pakaian kebesarannya tetapi sekadar pakaian ihram sahaja.

"Tuan Imam, bagaimana keadaan tuan sekarang? Sudah pulih daripada kecederaan?" tanya khalifah ramah.

"Sudah pulih dan saya sudah boleh menaiki unta datang ke sini," jawab Imam Malik.

Sekali lagi khalifah Abu Jaafar al-Mansur melahirkan rasa dukacitanya pada apa yang dilakukan oleh gabenor Madinah kepada Imam Malik. Sekali lagi beliau bersumpah tidak pernah menyuruh Jaafar melakukannya.

"Beta berasa marah lalu memecat Jaafar sebagai gabenor Madinah. Kemudian dia dikurung di dalam bilik yang sempit. Beta mahu dia merasa seperti apa yang sudah dilakukannya pada Aba Abdullah," kata Khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

"Janganlah diseksa keterlaluan. Sesungguhnya saya sudah memaafkan Jaafar," kata Imam Malik.

"Sekiranya kamu mahukan hukuman bunuh beta akan laksanakan," kata khalifah lagi.

"Bebaskan dia wahai khalifah. Semoga dia insaf dan bertaubat," kata Imam Malik.

Khalifah Abu Jaafar al-Mansur berasa kagum kerama Imam Malik tidak langsung menyimpan rasa marah ataupun berdendam kepada orang yang

pernah memfitnah dan menyeksanya itu. Sekiranya orang lain sudah tentu menuntut dijalankan hukuman qisas ataupun membayar ganti rugi.

"Menurut laporan yang beta terima, penduduk Mekah dan Madinah menghormati kamu kerana luasnya ilmu agama yang tersimpan dalam dadamu. Anak-anak murid kamu berpuluh ribu jumlahnya yang tersebar ke seluruh negara. Boleh ceritakan kepada beta bagaimana kamu mendapat ilmu yang begitu banyak?" tanya khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Imam Malik tidak keberatan menceritakan kisah hidupnya sejak kecil serta bagaimana dia menuntut ilmu daripada lebih 900 orang guru.

"Selain menghafal Quran, Saya juga menghafal seratus ribu buah hadis. Saya menulis semua hadis itu dengan tangan sendiri," kata Imam Malik yang mengatakan selama 40 tahun masanya digunakan bagi menuntut ilmu.

Menurut Imam Malik, tidak semua hadis itu dijadikan sumber hukum dan rujukan. Selepas ditapis dengan teliti, cuma 10,000 hadis sahaja yang diakui sah. Kemudian daripada 10,000 hadis yang diakui sah itu disiasat dan dipadankan dengan firman Allah. Akhirnya tinggal 5,000 sahaja hadis yang benar-benar diakui sah yang diterimanya sebagai sabda Rasulullah SAW.

"Abu Abdullah, lengkapkan ilmu hadis itu dan susunkan dalam sebuah kitab. Tetapi jangan terpengaruh dengan pendapat Abdullah bin Umar yang keterlaluan, longgarkan pendapat Abdullah bin Abbas dan jangan terlalu luar biasa seperti pendapat Abdullah bin Mas'ud. Ambillah yang pertengahan dalam satu-satu pendapat supaya orang ramai dapat mempelajari ilmu daripada kitab kamu. Kemudian kita sebarkan kitab itu ke seluruh negara supaya orang ramai dapat mempelajarinya. Semoga mereka tidak menyalahi hukum dan tidak pula mereka menjatuhkan hukuman selain yang sudah ditetapkan," kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

"Tetapi Amirul Mukminin, mereka yang berfahaman Syiah, Muktazilah, Jabariyah, Qadariyah, dan lain-lain fahaman tentu tidak akan menerima pendapat kita ini kerana mereka tidak sependapat dengan kita," kata Imam Malik.

"Sekiranya mereka menolaknya, mereka akan dimusuhi dan diperangi serta dipukul belakang mereka dengan tongkat hingga mereka tidak lagi membantah," kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Baiklah Amirul Mukminin. Saya akan menyusun semua hadis yang sahih itu di dalam sebuah kitab. Saya akan berhati-hati menulisnya.” Akhirnya Imam Malik bersetuju dengan permintaan khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Pada tahun hadapan anakku al-Mahdi akan datang ke Madinah mahu berguru dengan kamu. Semoga dia dapat melihat kitab itu,” kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Sedang mereka rancak berbual tiba-tiba anak kecil khalifah Abu Jaafar al-Mansur masuk ke dalam khemah mahu berjumpa dengan ayahnya. Tiba-tiba anak kecil itu terpandang Imam Malik lalu berundur.

“Jangan takut wahai anakku. Orang ini adalah Abu Abdullah, seorang yang paling alim dalam ilmu fikah berasal dari negeri Hijaz,” kata khalifah sambil memujuk anak kecilnya supaya datang kepadanya.

“Kamu tahu kenapa anakku ini takut datang kepada beta?” tanya khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Saya tidak tahu,” jawab Imam Malik.

“Dia tidak suka kamu duduk terlalu rapat denganku kerana sebelum ini dia tidak pernah melihat sesiapa yang duduk denganku terlalu rapat begini,” jawab Khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Kamu tahu mengapa beta lakukan begini kepada kamu?” tanya khalifah lagi.

“Saya tidak tahu,” jawab Imam Malik.

“Kamu satu-satunya ulama yang tidak pernah menunjukkan permusuhan kepada aku. Apabila kamu diseksa dengan kejam oleh gabenor Madinah dan ketika penduduk Madinah mahu memberontak kerana membela, kamu masih bersikap tenang dan tidak mahu mereka memberontak,” kata khalifah.

“Apa pendapat khalifah tentang Imam Abu Hanifah?” tanya Imam Malik.

“Dia seorang ulama yang terlalu keras. Dia menganggap beta musuh ketatnya,” jawab khalifah.

Selepas lama kedua-duanya berbual, akhirnya Imam Malik mahu pulang ke khemahnya yang terletak agak jauh dari khemah khalifah.

“Sekiranya tuan mahu boleh sahaja duduk di khemahku ini hingga selesai ibadat melontar jamrah,” pelawa khalifah.

Namun Imam Malik menolak dengan baik pelawaan Amirul Mukminin. Sebelum beredar khalifah memberi hadiah kepada Imam Malik lima ribu dinar dan anaknya Muhamad seribu dinar. Selama ini khalifah Abu Jaafar al-Mansur terkenal sebagai khalifah yang paling kedekut. Tetapi dengan Imam Malik dia begitu bermurah hati.

Keesokan harinya selepas selesai melontar jamrah dan sebelum jemaah haji pulang ke Mekah, Khalifah Abu Jaafar al-Mansur berucap kepada orang ramai. Beliau mengatakan mulai dari hari itu orang lain tidak boleh memberikan fatwa selain Imam Malik dan Ibnu Abi Zab atau nama sebenarnya Abu al-Haris Muhamad bin Abdul Rahman bin al-Mughirah al-mahdi.

Beliau daripada golongan tabi’it-tabi’in yang benar warak hingga mendapat gelaran 'Fikih al-Madinah'.

Sebelum pulang ke Baghdad, khalifah Abu Jaafar al-Mansur menyuruh Imam Malik datang menghadapnya lagi.

“Mungkin ini pertemuan kita yang terakhir. Beta mahukan kepastian adakah kamu bersetuju menyusun ilmu yang kamu miliki itu di dalam sebuah kitab?” tanya khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Saya bersetuju...,” jawab Imam Malik.

Khalifah senang hati mendengarnya. Kemudian beliau berkata lagi, “Beta ada satu lagi permintaan. Harap yang ini pun kamu setuju.”

“Apakah permintaan Amirul Mukminin?” tanya Imam Malik.

“Beta melantik kamu menjadi kadi di Baghdad. Di sana kamu boleh terus menyebarkan ilmu kepada orang ramai di samping menulis kitab yang beta suruh. Kehidupan kamu juga akan menjadi lebih terhormat,” jawab khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Amirul Mukminin menyuruh saya membuat dua pekerjaan. Saya bersetuju menerima satu dan terpaksa menolak yang satu lagi,” kata Imam Malik.

“Yang mana pilihan kamu?” tanya khalifah.

“Menyusun sebuah kitab,” jawab Imam Malik.

“Kamu menolak jawatan kadi yang beta tawarkan?” Khalifah minta kepastian.

“Benar, Amirul Mukminin,” jawab Imam Malik.

Khalifah Abu Jaafar al-Mansur termenung seketika. Wazir berbisik ke telinga khalifah, “Imam Malik juga seperti Imam Abu Hanifah menolak jawatan yang tuanku berikan.”

“Tetapi dia tidak menunjukkan kebencian kepada beta. Dia mahu berbual mesra dengan beta dan mahu menerima hadiah yang diberikan,” balas khalifah juga dengan berbisik.

“Apa tindakan khalifah sekarang?” tanya Wazir.

“Beta maafkan dia,” jawab Khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

Sikap Imam Malik yang baik dengan khalifah itu menyebabkan dia terselamat daripada kemurkaan Khalifah al-Mansur. Selain itu khalifah juga bimbang mahu mengambil tindakan seperti yang dilakukan kepada Imam Abu Hanifah kerana pengikut Imam Malik lebih ramai. Tambahan pula penduduk Madinah berdiri teguh di belakangnya.

Khalifah Abu Jaafar al-Mansur pulang ke Baghdad tanpa rasa permusuhan kepada Imam Malik. Begitu juga Imam Malik selamat pulang ke Madinah tanpa apa-apa halangan.

Tidak lama kemudian khalifah Abu Jaafar al-Mansur jatuh sakit. Sebelum meninggal dunia beliau melantik anaknya al-Mahdi menjadi pengganti. Beliau berwasiat kepada anaknya supaya menghormati Imam Malik selagi dia masih hidup. Khalifah al-Mahdi memegang wasiat ayahnya. Beliau sangat menghormati Imam Malik. Pada setiap bulan beliau menghantar hadiah berupa duit kepada Imam Malik. Biasanya Imam Malik tidak menggunakan duit itu untuk dirinya sendiri bahkan dia menyedekahkan kepada mereka yang memerlukan.

Pada suatu ketika khalifah al-Mahdi datang ke Madinah. Orang ramai berkumpul menyambut kedatangannya. Imam Malik juga turut datang menyambutnya tetapi dia terlambat kerana kakinya sakit. Apabila sampai di tempat itu orang ramai sudah penuh sesak, maka terpaksalah dia duduk di belakang. Ada seorang lelaki mempersendakan Imam Malik dengan berkata, "Selalunya apabila diadakan keramaian begini Imam Malik dijemput duduk di atas pentas. Tetapi kali ini dia duduk di barisan belakang. Mungkin khalifah al-Mahdi tidak mengenalinya."

Ramai yang tertawa mendengar kata-kata lelaki itu. Imam Malik tidak mahu dirinya dipersendakan lalu berteriak, "Adakah Amirul Mukminin tidak kenal siapa Imam Malik?"

Khalifah al-Mahdi tersentak mendengar kata-kata itu lalu bertanya, "Di mana Imam Malik? Mengapa dia tidak ada di sini?"

Orang ramai memberitahu khalifah Imam Malik ada di barisan belakang. Khalifah terus datang mendapatkan Imam Malik.

"Mengapa tuan duduk di sini? Tuan sepatutnya duduk di atas pentas bersama beta," tanya khalifah al-Mahdi.

"Kaki saya sakit kerana itu lambat sampai dan orang ramai sudah memenuhi kawasan ini. Sebab itu saya duduk di barisan belakang," jawab Imam Malik.

Khalifah menunjukkan rasa simpatinya kepada Imam Malik. Kemudian dipimpinnya berjalan naik ke atas pentas. Sebelum meninggalkan Madinah, khalifah al-Mahdi menemui Imam Malik lalu mengajaknya berpindah ke Baghdad.

"Sekiranya tuan setuju boleh memilih antara jawatan kadi dengan ketua penjaga perbendaharaan. Di sana nanti tuan akan selalu berdampingan dengan beta," kata khalifah al-Mahdi.

Tetapi pelawaan itu ditolaknya dengan baik hingga tidak menyinggung hati khalifah al-Mahdi. Kemudian khalifah al-Mahdi menghadiahi Imam Malik seekor kuda.

"Tuan boleh menunggang kuda ini bagi berulang alik dari rumah ke masjid," kata khalifah al-Mahdi.

“Saya tidak sanggup menunggang kuda di atas bumi Madinah kerana di sini tersimpan jasad Rasulullah SAW,” kata Imam Malik menolak pemberian itu.

Kemudian khalifah al-Mahdi memberinya hadiah 3,000 dinar. Hadiah itu diterimanya tetapi keesokan harinya habis disedekahkan kepada fakir miskin.

Bab 20 Kitab al-Muwattak

Semenjak balik dari tanah suci Mekah, Imam Malik tidak lagi membuka kelas pengajian agama di Masjid Nabi tetapi di rumahnya sendiri. Maka ramai yang berkumpul di rumahnya hingga penuh sesak. Imam Malik terpaksa menyusun jadual kelas pengajiannya. Hari Isnin pelajaran Quran, Selasa hadis, dan Rabu fikah. Hari Khamis hari bertemu orang ramai yang mahu berjumpa dengannya. Begitulah susunan jadualnya. Tujuannya bagi memudahkan orang ramai belajar serta berurusan dengannya. Ada waktu-waktu tertentu beliau mahu bersendirian di rumahnya tanpa diganggu sesiapa.

Ramai yang tertanya-tanya mengapa beliau membuat perubahan itu? Pelbagai andaian dibuat oleh orang ramai. Ada yang mengatakan semasa pertemuan dengan khalifah Abu Jaafar al-Mansur di Mina, beliau mengeluarkan arahan tidak boleh lagi membuka kelas pengajian di Masjid Nabi. Ada pula yang mengatakan Imam Malik bermimpi bertemu Nabi Muhammad yang mengatakan beliau tidak mahu kelas pengajian itu diadakan berhampiran dengan makamnya. Malah ada pula mengatakan Imam Malik berbuat begitu kerana bimbang dibunuh oleh mereka yang memusuhinya.

‘‘Tuan guru, mengapa tuan tidak lagi mengajar di Masjid Nabi? Bukankah di sana kawasannya lebih luas dan tidak mengganggu urusan peribadi tuan apabila diadakan di rumah sendiri?” tanya Yusuf, pelajar yang paling disayanginya.

Sebelum itu sudah ramai yang bertanya soalan yang sama tetapi Imam Malik selalu mengelak daripada menjawabnya. Sikapnya itu semakin menjadi tanda orang ramai terutama anak-anak murid dan pengikut setianya. Akhirnya Yusuf memberanikan diri bertanyakan soalan itu.

‘‘Semua khabar angin yang kamu dengar itu adalah salah. Khalifah Abu Jaafar al-Mansur tidak pernah melarang saya mengajar agama di Masjid Nabi. Saya juga tidak pernah bermimpi Rasulullah SAW melarang mengadakan kelas pengajian berhampiran dengan makamnya. Saya tidak pernah takut kepada sesiapa sahaja kerana Allah yang berkuasa,” kata Imam Malik.

“Kami mahu mengetahui sebabnya. Itu pun sekiranya tuan guru tidak keberatan memberitahunya,” kata Yusuf.

“Saya merahsiakannya kerana bimbang menimbulkan kemarahan orang ramai.” Kata-kata Imam Malik itu menambahkan lagi perasaan ingin tahu orang ramai.

Menyangka Imam Malik keberatan mahu memberitahu sebabnya, Yusuf tidak bertanya lagi. Namun orang ramai semakin mahu mengetahui mengapa boleh menimbulkan kemarahan orang ramai?

“Tuan Imam, orang ramai tertanya-tanya mengapa tuan tidak lagi mengajar di Masjid Nabi. Malah tuan juga sudah kerap kali tidak datang sembahyang berjemaah dengan kami. Sekiranya tuan tidak mahu berterus terang, kami khuatir ia akan menimbulkan fitnah.” Akhirnya Yusuf memberanikan dirinya bertanyakan perkara yang menjadi tanda tanya orang ramai itu.

Akhirnya barulah Imam Malik berterus terang. Menurutnya, semenjak mengalami kecederaan akibat dipukul hingga cedera tulang rusuknya patah, beliau mengalami masalah tidak dapat menahan buang angin atau kentut dan air kencing.

“Saya tidak boleh berada di dalam masjid tanpa wuduk,” kata Imam Malik.

Mengenai persoalan mengapa beliau menyusun jadual waktu hingga orang ramai tidak boleh lagi menemuinya pada bila-bila masa, Imam Malik mengatakan dia diperintahkan khalifah Abu Jaafar al-Mansur bagi menyusun sebuah kitab.

“Saya perlukan masa bagi menulis kitab itu. Tambahan pula saya sudah meningkat tua dan keadaan saya sudah uzur. Saya perlukan banyak masa bagi beramal ibadat dan berehat,” kata Imam Malik.

Selepas orang ramai tahu sebab-sebabnya, mereka mematuhi kehendak Imam Malik. Mereka hanya berjumpa pada hari-hari tertentu. Anak-anak muridnya yang datang belajar juga ikut jadual yang sudah ditetapkan.

“Saya sedang menulis sebuah kitab yang dapat dijadikan panduan bagi mereka yang mahu beribadat. Semoga Tuhan memudahkan usaha saya yang kecil ini,” kata Imam Malik kepada Abu Yusuf.

“Apakah yang mendorong tuan guru menulisnya?” tanya Abu Yusuf yang turut membantu menyediakan keperluan gurunya.

“Sebenarnya saya sudah lama mahu menulis kitab yang di dalamnya terkandung hadis-hadis yang sahih. Ia perlu dilakukan bagi membendung timbulnya fahaman-fahaman yang bertentangan dengan Quran dan hadis. Mereka yang tidak bertanggungjawab itu hanya mahu memecahbelahkan umat Islam. Keinginan itu menjadi lebih kuat selepas khalifah Abu Jaafar al-Mansur sendiri yang meminta saya menulisnya,” jawab Imam Malik.

Menurut Imam Malik, khalifah Abu Jaafar al-Mansur memberi perangsang kepadanya dengan berkata, “Beta sudah membuat penelitian. Pada hari ini tidak ada orang yang lebih alim daripada kamu, kerana itu tulis sebuah kitab bagi dijadikan panduan untuk mereka yang mahu beribadat. Beta akan menyuruh rakyat mempelajarinya.”

Menurut Imam Malik lagi, selepas pertemuan di Mina beliau bertemu lagi dengan khalifah Abu Jaafar al-Mansur di Masjidil Haram, di hadapan Kaabah. Sekali lagi khalifah berpesan supaya jangan menghampakan permintaannya supaya ditulis sebuah kitab.

“Cubalah kamu lihat orang ramai di hadapan Kaabah ini. Mereka datang dari pelbagai negeri dan wilayah. Mereka beramal dengan fahaman masing-masing. Beta mahu ilmu itu dikumpulkan menjadi satu dan menjadi panduan bersama,” kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur.

“Amirul Mukminin, sesungguhnya sahabat-sahabat Rasulullah SAW memberi fatwa mengikut pendapat masing-masing, kerana itu terdapat perbezaan pendapat. Penduduk negeri Mekah satu pendapat, penduduk Madinah satu pendapat dan penduduk Kufah satu pendapat. Mereka mempunyai hujah masing-masing,” kata Imam Malik.

Kemudian katanya lagi, “Keadaan bertambah rumit apabila muncul fahaman Syiah, Khawarij, Muktazilah, Jabariyah, Kadariyah, dan bermacam lagi. Mereka saling salah menyalahkan. Pertentangan pendapat sering membawa pergaduhan dan pertumpahan darah. Bagaimanakah kita mahu menyatukannya?”

Kata khalifah Abu Jaafar al-Mansur. “Ilmu yang benar adalah ilmu penduduk Madinah. Saya akan perangi mereka yang tidak sealiran dengan

ilmu penduduk Madinah. Jadi kamu siapkan kitab itu dengan segera. Saya akan pastikan mereka yang di bawah pemerintahan saya mengikutinya."

Apabila pulang ke Madinah, Imam Malik terus memulakan penulisannya. Beliau menyusun kitab itu dengan bermacam bidang ilmu seperti ilmu fikah, hadis dan pendapat ulama-ulama Madinah. Beliau hanya mengambil pendapat-pendapat yang disepakati.

Beliau menulisnya dengan tekun selama 40 tahun. Selepas khalifah Abu Jaafar al-Mansur meninggal dunia, anaknya khalifah al-Mahdi menggantikannya. Kemudian khalifah al-Hadi. Kitab itu siap semasa pemerintahan khalifah Harun ar-Rasyid.

Imam Malik mengambil masa yang lama menyusun kitabnya kerana terlalu teliti dan berhati-hati dalam setiap perkara. Beliau begitu berhati-hati memilih sesebuah hadis bagi dimuatkan ke dalam kitabnya. Menurut Imam Ibnu Habab, pada mulanya Imam Malik berjaya mengumpulkan 100,000 hadis. Kemudian beliau selidik dan halusi hadis itu hingga tinggal 10,000 hadis sahaja. Kemudian dihalusi lagi hingga menjadi 5,000 hadis sahaja. Daripada jumlah itu cuma 500 hadis yang dimuatkan ke dalam kitabnya.

Selepas kitab itu siap, timbul pula masalah bagi menamakannya. Imam Malik cuba mencari nama yang sesuai tetapi masih belum berjumpa sehingga perkara itu merunsingkan fikirannya. Pada suatu malam beliau bermimpi bertemu Rasulullah SAW yang menyuruhnya sebarkan kitab ini kepada manusia. Akhirnya Imam Malik menamakan kitabnya *al-Muwattak* bererti yang disepakati atau tunjang atau panduan dalam ilmu dan hukum agama.

Khalifah Harun ar-Rasyid begitu menghormati kitab *al-Muwattak* hingga pernah mencadangkan digantung pada dinding Kaabah tetapi tidak dipersetujui Imam Malik dengan membacakan sebuah hadis nabi yang bermaksud, "Sesungguhnya perselisihan di antara ulama itu adalah rahmat Allah kepada umat ini."

Ramai yang menganggap *al-Muwattak* sebuah kitab yang mengandungi ilmu hadis. Sebenarnya *al-Muwattak* sebuah kitab hadis yang membahas masalah fikah yang disepakati oleh para ulama semasa.

Menurut Imam Malik, kebanyakan kandungan kitab para ulama berupa pendapat. Demi tuhanku, kandungan kitab ini bukan berupa pendapatku, tetapi adalah pungutan daripada pendapat beberapa ahli ilmu, orang yang

mulia dan imam-imam yang diikuti ramai orang mukmin. Maka aku ambil daripada mereka.

Mereka amat takut kepada Allah dan pendapat mereka adalah pendapat para sahabat Rasulullah SAW yang sempat mereka temui dan aku pula sempat menemui mereka. Maka ilmu mereka diwarisi dari abad ke abad.

Tiap-tiap perkara yang disepakati itu dipersetujui oleh ahli fikah dan ahli ilmu. Maka pendapat yang tidak aku dapati daripada mereka, aku berijtihad dan aku selidik hingga semuanya menjadi benar hingga tidak terkeluar daripada mazhab ahli Madinah.

Sekirannya aku temui sebarang pendapat dalam masalah tertentu, aku kembali kepada ijtihad Ahli Sunnah dan yang dibuat oleh kami sejak zaman Rasulullah SAW hidup ataupun pada masa khalifah ar-Rasyidin. Maka itulah pendapat mereka dan aku tidak sekali-kali keluar mencari pendapat yang lain.

Selepas kitab *al-Muwattak* siap, dengan cepat ia disalin oleh anak-anak murid Imam Malik lalu disebarkan ke merata tempat. Khalifah Harun ar-Rasyid juga tertarik hati mahu mengetahui kandungan kitab *al-Muwattak*. Beliau menghantar syeikh al-Barmaki ke Madinah bagi bertemu dengan Imam Malik. Kebetulan ketika itu Imam Malik sedang membacakan kitab *al-Muwattak* kepada orang ramai.

"Khalifah Harun ar-Rasyid menjemput tuan datang ke Baghdad kerana mahu mendengar bacaan kitab *al-Muwattak* daripada tuan sendiri," kata syeikh al-Barmaki.

Mendengar kata-kata utusan khalifah itu, Imam Malik pun menjawab, "Sampaikan salam saya kepada khalifah Harun ar-Rasyid. Sampaikan juga pesan saya bahawa ilmu pengetahuan itu perlu didatangi bukan disuruh mendatangi."

Syeikh al-Barmaki pulang ke Baghdad lalu menyampaikan kata-kata Imam Malik kepada khalifah Harun ar-Rasyid. Beliau tidak marah malah menghantar dua orang anaknya ke Madinah bagi berguru dengan Imam Malik.

"Jangan ganggu orang ramai dan ikuti majlis ilmu Imam Malik hingga tamat," pesan khalifah Harun ar-Rasyid kepada anak-anaknya.

Kedatangan dua putera khalifah itu diterima dengan baik oleh Imam Malik. Namun layanan yang diberikan sama rata dengan anak-anak muridnya yang lain. Selepas mendengar kandungan kitab *al-Muwattak*, kedua-dua anak khalifah itu pulang ke Baghdad lalu melaporkannya kepada ayahanda mereka.

"Ayahanda, Imam Malik seorang guru yang hebat. Apabila dia membaca kitab *al-Muwattak* orang ramai mendengarnya dengan penuh khusyuk. Tiada siapa yang berani mengangkat kepala hingga majlis tamat," kata anak khalifah Harun ar-Rasyid, membuat baginda begitu teringin mendengarnya.

Pada musim haji khalifah Harun ar-Rasyid pergi mengerjakan ibadat haji. Beliau singgah di Madinah bagi bertemu dengan Imam Malik.

"Saya akan datang ke rumah tuan bagi mendengar bacaan kitab *al-Muwattak*," kata khalifah Harun ar- Rasyid.

"Saya tidak mempunyai rumah yang elok untuk didatangi oleh Amirul Mukminin. Rumah saya hanya sebuah pondok buruk," kata Imam Malik pula.

Khalifah Harun ar-Rasyid memberinya wang sebanyak 3,000 dinar lalu berkata, "Gunakan duit ini bagi membesarkan lagi rumah kamu itu. Sekiranya masih kurang, beta boleh tambah lagi."

"Rumah yang saya diami sekarang adalah rumah sewa. Bukan kepunyaan saya. Saya perlu meminta izin daripada tuannya dahulu," kata Imam Malik.

"Kamu seorang ulama besar yang terkenal, selayaknya mempunyai rumah sendiri. Sekiranya kamu setuju, beta perintahkan gabenor Madinah membina sebuah rumah yang elok untuk kamu," kata khalifah Harun ar-Rasyid.

"Amirul Mukminin, saya lebih selesa dengan kehidupan sekarang. Tambahan pula usia saya sudah meningkat tua. Bila-bila sahaja malaikat maut akan datang mencabut nyawa. Ketika itu nanti saya akan dipindahkan ke dalam kubur yang gelap dan sempit." Termenung khalifah Harun ar-Rasyid mendengar kata-kata Imam Malik.

Duit pemberian khalifah itu diambil juga oleh Imam Malik. Tetapi 2,000 dinar disedekahkan kepada fakir miskin. Seribu dinar lagi digunakannya

bagi membeli perabot rumah dan beberapa helai pakaian. Namun itu pun mendapat kritikan daripada beberapa ulama Madinah.

Pada ketika yang lain sekali lagi khalifah Harun ar-Rasyid datang ke Madinah. Kemudian dia menghantar utusan menjemput Imam Malik datang ke kediamannya. Pada mulanya Imam Malik enggan pergi. Tetapi kemudiannya dia berubah fikiran.

"Tuan Imam, mengapa sebelum ini kamu tidak mahu datang ke istana saya. Tetapi mengapa sekarang berubah fikiran?" tanya khalifah Harun ar-Rasyid.

"Saya datang sebagai tetamu bagi memenuhi undangan Amirul Mukminin. Bukan mahu membacakan kitab *al-Muwattak*," kata Imam Malik.

"Apa yang memberatkan kamu membacakan kitab itu di kediaman beta?" tanya khalifah Harun ar- Rasyid.

"Amirul Mukminin, Demi Allah yang mengangkat khalifah dengan memberi jawatan yang mulia ini, saya harap janganlah khalifah menjadi orang yang pertama yang tidak menghormati ilmu. Saya bimbang nanti Allah merendahkan pula kedudukan khalifah. Sesungguhnya saya tidak menolak permintaan khalifah, cuma saya berharap khalifah menghargai ilmu supaya Allah menghargai khalifah," kata Imam Malik.

"Baiklah, beta bersetuju pergi ke rumah kamu bagi mendengar bacaan kitab *al-Muwattak*," kata khalifah Harun ar-Rasyid.

Kemudian beliau berjalan beriringan menuju ke rumah Imam Malik. Para pengiring khalifah segera menyediakan tempat khas yang akan diduduki Khalifah Harun ar-Rasyid. Ketika itu orang ramai sudah datang mahu mendengar Imam Malik membaca kitab *al-Muwattak*. Apabila melihat orang sudah ramai berkumpul di situ, khalifah Harun ar-Rasyid berasa kurang senang lalu berkata, "Suruh orang ramai pergi dari sini supaya tinggal kita berdua sahaja," kata khalifah Harun ar-Rasyid.

"Amirul Mukminin, Allah mengurniakan ilmu untuk sekalian manusia. Sekiranya orang ramai tidak dibenarkan mendengar isi kitab ini, pasti Allah tidak memberi rahmat dan berkat kerana didengar seorang sahaja," kata Imam Malik.

Akhirnya khalifah akur dengan kata-kata Imam Malik. Kemudian Imam Malik pun berkata, "Pada hari ini saya bersama khalifah mendengar mahu orang lain yang membacakan kitab *al-Muwattak*."

Kemudian dia menyuruh seorang anak muridnya bernama Ma'an supaya tampil ke hadapan membacakan kitab *al-Muwattak*. Tetapi sebelum kitab itu dibaca Imam Malik berkata lagi, "Amirul Mukminin, seperti yang khalifah sudah maklum, para pencinta ilmu sangat menghargai ilmu. Maka tidak ada siapa pun yang patut duduk di tempat yang lebih tinggi daripada ilmu itu."

Khalifah Harun ar-Rasyid faham maksud Imam Malik lalu turun dari tempat duduk khas lalu duduk bersila di atas lantai bersama orang ramai. Beliau kelihatan tunduk mendengar kitab *al-Muwattak* dibacakan hingga selesai. Selepas tamat dan selepas orang ramai bersurai khalifah berjumpa dengan Imam Malik.

"Sesungguhnya tuan guru seorang yang paling alim pernah saya temui. Kitab *al-Muwattak* itu sangat berfaedah kepada orang ramai. Saya mahu mengajak tuan guru berpindah ke Baghdad. Di sana tuan guru boleh berdampingan dengan saya dan mereka yang dahagakan ilmu pengetahuan memerlukan bimbingan tuan guru. Di sana kehidupan tuan akan lebih selesa. Saya bercita-cita mahu mengalihkan perhatian kaum Muslimin kepada kitab *al-Muwattak* seperti khalifah Uthman Affan berjaya mengalihkan perhatian umat Islam kepada kitab Allah iaitu Quran," pujuk Khalifah Harun ar-Rasyid.

Imam Malik menolak pelawaan itu dengan berkata, "Amirul Mukminin, saya berasa keberatan mahu meninggalkan Madinah. Pertama kerana saya amat cinta kasih dan sayang kepada Rasulullah SAW yang makamnya berada di sini. Kedua, saya berpendapat tidak banyak faedahnya pindah ke mana-mana lagi kerana para sahabat dan ulama tabiin sekarang sudah tersebar di beberapa buah negara. Masing-masing mengembangkan ilmu agama dan hadis di tempat masing-masing.

Bab 21 Bertemu Imam Syafie

Pagi itu selepas sembahyang subuh Imam Yusuf membacakan kitab *Muwattak*. Imam Syafie turut sama mendengarnya. Beliau tertarik dengan kandungan kitab itu.

"Siapakah yang menulis kita itu?" tanya Imam Syafie kepada Imam Yusuf apabila selesai bab pertama kandungan kitab *Muwattak* dibacakan.

"Kitab *Muwattak* ini ditulis oleh Imam Malik. Beliau mengambil masa selama 40 tahun bagi menyusun kitab ini. Ia mengandungi hadis-hadis dan pendapat sahabat Rasulullah SAW dan juga pendapat-pendapat tabiin," kata Imam Yusuf apabila selesai membaca kitab itu.

Kemudian katanya lagi, "Imam Malik menghafal sebanyak 100 ribu hadis. Kemudian beliau menyaring kesahihan hingga tinggal 10 ribu. Kemudian disaringnya lagi hingga tinggal lima ribu. Daripada lima ribu hadis itu disaringnya lagi lalu dimuatkan ke dalam kitab *Muawattak* sebanyak 1,720 buah hadis yang benar-benar diyakininya daripada Nabi Muhammad SAW."

Sejak kitab *Muwattak* dibacakan di Masjidil Haram, nama Imam Malik semakin dikenali. Ramai yang memuji kehebatan Imam Malik.

"Tidak ada orang lain yang lebih mengetahui mengenai hadis-hadis Rasulullah SAW daripada Imam Malik. Apabila beliau mengeluarkan pendapatnya, orang lain tidak berani menyanggahnya. Maka pendapatnya terus dijadikan hujah," kata Muhamad yang baru pulang dari Madinah.

"Di Madinah, saya tidak pernah pun melihat seorang yang lebih benar percakapannya selain Imam Malik. Apabila mereka berselisih pendapat, mereka merujuk kepada Imam Malik. Beliau seorang yang bertakwa, percakapannya bersih dan beliau lebih halus percakapannya daripada ath-Thuri dan al-Auzai," puji Qaiyum pula. Menurutnya, penduduk Madinah berduyun-duyun datang ke rumah Imam Malik bagi mendengar beliau membaca kitab *Muwattak*.

Sejak itu Imam Syafie tertarik bagi menghafal kitab itu. Setiap hari dia pergi ke Masjidil Haram bagi membaca serta menghafal isi kandungannya. Dia

juga turut menghafalnya apabila kitab itu dibaca oleh Imam Yusuf. Akhirnya seluruh isi kandungan kitab *Muwattak* itu berjaya dihafalnya.

Kemudian timbul pula keinginan Imam Syafie mahu berguru dengan penulis kitab itu. Tambahan pula apabila mendengar kehebatan Imam Malik yang diceritakan oleh anak-anak muridnya yang baru pulang dari Madinah. Imam Syafie menyatakan hasrat di hatinya itu kepada ibunya. Ibunya merestui cita-cita Imam Syafie bagi merantau menuntut ilmu. Kemudian dia berbincang pula dengan guru-gurunya. Mereka juga bersetuju Imam Syafie berguru dengan Imam Malik. Malah gabenor Mekah sendiri sanggup menulis sepucuk surat kepada Imam Malik supaya menerima Imam Syafie menjadi anak muridnya.

Keesokan harinya selepas sembahyang subuh, Imam Syafie dan para pedagang kota Mekah berangkat ke kota Madinah. Perjalanan mereka lancar kerana tidak ada apa-apa yang menghalang. Sepanjang perjalanan itu Imam Syafie sempat khatam membaca Quran sebanyak 16 kali.

Imam Syafie pergi ke Madinah bersama-sama kelompok kafilah yang anggotanya sekitar 45 orang. Beliau beruntung kerana ketua kafilah,iaitu Naufal menyediakan unta yang baik untuk beliau serta turut memberikan pelbagai bekalan makanan dan minuman bagi sepanjang perjalanan ke kota Madinah.

"Kita sudah sampai ke tanah suci Madinah!" laung Naufal.

Imam Syafie menghentikan bacaan Qurannya. Beliau memandang ke tengah bandar Madinah dengan satu harapan yang besar berserta senyuman lebar di bibir. Lantas beliau melompat turun dari untanya lalu sujud mensyukuri percaturan penciptanya. Angin petang menghembus lembut ke mukanya, seolah-olah meraikan pertemuan Imam Syafie dengan Imam Malik.

Imam Syafie melangkah masuk ke dalam Masjid Nabawi yang dirindui itu. Beliau melihat sekitar masjid, kelihatan beberapa tubuh badan yang sedang berdiri menunaikan solat, ada juga sekumpulan pemuda yang sedang ber*halaqah* malah ada juga yang sedang bertilawah serta mentadabbur Quranul Karim. Imam Syafie tersenyum, insan-insan inilah yang akan menjadi sahabat-sahabatnya selepas ini.

Lalu, Imam Syafie berjalan mengambil tempat yang agak jauh dari kelompok ahli imarah masjid lantas segera berniat iktikaf dan menunaikan

solat Duha seperti amalan kebiasaannya selama ini. Sujud Imam Syafie kali ini lebih lama daripada biasa, beliau berkali-kali mengulangi rasa kesyukuran dan rasa berterima kasih kepada Allah yang mempermudahkan urusan perjalanan beliau malah Allah mengizinkan beliau menjejakkan kaki ke bumi penuh barakah dan rahmat ini.

"Ya Allah, dengan pertolongan Engkau aku melawan musuh, dengan pertolongan Engkau aku menjelajah dan dengan pertolongan Engkau aku berjalan. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pekerjaan yang Engkau redai. Ya Allah, permudahkanlah permusafiranku ini dan perdekatlah mana yang jauh. Ya Allah, Engkaulah kawan sebenar dalam pemusafiranku ini dan pengganti sebenar kepada ahli keluargaku serta saudara maraku yang telah aku tinggalkan, Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan Engkau daripada kesusahan dalam permusafiran, kejemuan dan kejelekan pemandangan dan perubahan buruk pada diri. Hanya kepada Engkaulah segala orang yang bertaubat dan segala orang yang beribadat memuji."

Selesai berdoa, Imam Syafie membuka mashafnya lalu menyambung pembacaan Quran beliau. Sekali-kali beliau memberhentikan bacaan dan mentadabbur ayat-ayat yang sudah dibacanya. Tanpa beliau sedari, beberapa pasang mata memerhati beliau dari jauh secara senyap-senyap, mereka tertanya-tanya dari manakah gerangannya pemuda yang segak dan bercahaya wajahnya itu.

Kemudian Imam Syafie menziarahi makam Rasulullah SAW. Beliau membaca selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW junjungan tercinta berserta kepada ahlul bait dan para sahabat. Kemudian beliau bertafakur sebentar, mengimbau kembali pengorbanan Nabi Muhammad SAW di jalan dakwah dan jihad. Apabila matahari kian naik, beliau mula mengatur langkah menuju ke tengah kota Madinah, beliau mempunyai urusan yang masih belum di selesaikan. Sambil berjalan, sesekali Imam Syafie melemparkan pandangan ke sekitar, sesekali pula beliau menunduk zuhud membilang biji-biji tasbih.

Angin petang berpuput lembut menampar pipi beliau, penduduk kota Madinah ketika itu sedang sibuk berniaga, anak-anak kecil sedang bermain di laman rumah dan beberapa pemuda sedang mengepalai sekumpulan unta dan kambing menuju ke luar kota Madinah.

"*Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh*," sapa Imam Syafie kepada seorang lelaki yang sedang menyiram pokok-pokok bunga di hadapan sebuah rumah yang besar dan cantik.

"*Wa alaikum salam warah matullahi wabarakatuh*, wahai anak muda. Ada apa yang boleh saya bantu?" tanya lelaki itu.

"Di mana kediaman gabenor Madinah," jawab Imam Syafie.

"Inilah rumah gabenor Madinah. Apakah kamu baru pertama kali datang ke sini hingga tidak tahu ini rumahnya?" tanya lelaki itu lagi.

"*Asatagfirullahal azim*…." Imam Syafie mengucap panjang kerana tidak menyangka dia sedang berdiri di hadapan kediaman gabenor Madinah.

"Boleh saya berjumpa dengan gabenor?" tanya Imam Syafie.

"Sayalah gabenor Madinah," jawab lelaki itu sambil tersenyum.

Sekali lagi Imam Syafie mengucap istighfar kerana Tuhan memudahkannya bertemu dengan gabenor. Kemudian beliau segera menghulurkan salam lalu mencium tangan gabenor. Selepas memperkenalkan diri lalu dihulurkannya sepucuk surat. Sambil tersenyum, gabenor membuka surat yang di hulurkan oleh Imam Syafie kepada beliau, tetapi buat seketika kemudian senyuman itu perlahan-lahan hilang daripada wajah gabenor. Imam Syafie gusar melihat reaksi itu, beliau tidak berhenti berdoa dan berzikir memohon dipermudahkan urusan dan hajat beliau.

"Anak muda, sekiranya saya diperintahkan oleh gabenor Mekah supaya berjalan kaki tanpa sepatu dari kota Mekah ke kota Madinah itu lebih mudah dan lebih saya sukai berbanding dengan disuruh membawa kamu bertemu dengan Imam Malik," jelas gabenor kota Madinah sambil perlahan-lahan melipat semula surat yang sudah dibacanya itu.

Suasana sunyi sebentar. Imam Syafie terdiam mendengar kata-kata daripada gabenor kota Madinah itu, beliau cuba memahami maksud sebenar yang mahu disampaikannya.

"Saya kurang memahami maksud Tuan Gabenor itu. Apakah saya tidak dibenarkan berjumpa dengan Imam Malik yang terkenal dan berilmu itu?" tanya Imam Syafie penuh tanda tanya.

“Anak muda, kamu masih lagi belum mengenali siapakah orang yang mahu kamu temui itu,” ujar gabenor itu sambil mengerutkan keningnya sedikit.

Imam Syafie bertambah pelik dengan persoalan itu, lalu berkata, “Saya mahu berjumpa dengan Imam Malik.”

“Adakah semudah itu yang kamu sangka?” tanya gabenor pula.

Imam Syafie terpinga-pinga. Matanya tepat merenung wajah gabenor, beliau semakin celaru. Pelbagai soalan bermain di mindanya. Apakah kedatangan saya tidak direstui?

“Saya sudah sedia maklum bahawa kamu mahu berjumpa dengan Imam Malik. Wahai anak muda, sesungguhnya saya tidak bertanya, apa tujuan kamu hendak berjumpa dengannya. Tetapi saya bertanya ‘siapakah’ orang yang mahu kamu temui itu,” jelas gabenor lagi, tetapi dengan nada yang lebih lembut berbanding tadi, mungkin beliau mahu mengendurkan keadaan dan mengurangkan kekusutan Imam Syafie pada pertanyaan beliau itu.

“Imam Malik, penulis kitab *Muwattak*. Menurut pendapatku, hampir semua orang mengenali beliau, bukankah beliau seorang ulama terkenal malah mempunyai ramai anak murid dari serata negeri serta mempunyai pengaruh daripada pelbagai peringkat lapisan masyarakat. Oleh kerana itulah juga saya sanggup bermusafir ke sini bagi menuntut ilmu dengan beliau,” getus Imam Syafie, anak matanya membundar, seolah-olah menuntut penjelasan lanjut daripada gabenor kota Madinah yang berada di hadapannya.

“Anakku, tidakkah kamu tahu sesungguhnya Imam Malik itu mempunyai sikap yang agak berbeza berbanding manusia lain. Oleh kerana itu beliau dihormati oleh semua penduduk kota Madinah ini. Malah khalifah sendiri hormat kepadanya,” jelas gabenor itu perlahan.

Imam Syafie hanya mendiamkan diri, beliau memberi ruang sepenuhnya untuk gabenor menjelaskan keadaan sebenar kepada beliau.

“Imam Malik itu sungguh kuat beribadat, beliau sentiasa sibuk bermunajat. Oleh kerana kesibukan itu, beliau memang sukar ditemui kecuali sekiranya ada hal mustahak yang perlukan pendapat dan bantuannya,” jelas gabenor itu lagi.

“Tetapi dalam sepengetahuanku, bukankah Imam Malik turut mengajar di Masjid Nabawi dan berjumpa masyarakat bagi menyelesaikan pertanyaan dan permasalahan penduduk kota Madinah?” tanya Imam Syafie.

“Benar anakku, tetapi hanya bagi sembahyang berjemaah. Selesai solat beliau akan segera pulang ke rumah,” beritahu gabenor.

“Apakah beliau tidak lagi menyebarkan ilmu di Masjid Nabi?” tanya Imam Syafie.

“Dahulu Imam Malik mengajar ilmu hadis di Masjid Nabi berhampiran dengan makam Rasulullah SAW. Tetapi sejak beliau uzur dan sukar menahan hadas kecil, maka beliau mengajar di rumahnya,” jawab gabenor Madinah sambil menceritakan perkara itu dialami Imam Malik selepas beliau mendapat kecederaan pada bahagian rusuknya.

Imam Syafie terpana. Hati beliau bertambah membuak-buak mahu berjumpa dengan Imam Malik. Beliau semakin kagum dan menghormati penulis kitab Al Muwattak itu.

“Bukankah tuan ini gabenor Madinah, mungkin tuan boleh memanggil beliau datang ke sini,” ujar Imam Syafie sambil tersenyum nipis. Beliau sungguh berharap gabenor itu dapat membantunya.

“Sebenarnya, itu lebih sukar. Sesungguhnya Imam Malik hanya takutkan Allah, beliau hanya mendengar perintah Allah malah arahan saya sebagai gabenor ini pasti tidak dilayan melainkan perkara itu benar-benar memerlukan beliau untuk hadir,” getus gabenor itu lagi sambil membetulkan serban di kepalanya.

“Sekiranya begitu biarlah saya pergi sendiri ke rumahnya. Tetapi sekiranya tuan tidak keberatan, alangkah baiknya kita pergi bersama-sama, kerana saya tidak mengetahui di manakah rumah Imam Malik itu. Malah mungkin juga dengan hadirnya tuan bersama-sama saya, Imam Malik sudi berjumpa dengan saya,” cadang Imam Syafie.

Kemudian katanya lagi, “Itu pun sekiranya tuan tidak sibuk. Sekiranya tuan menolak menemani saya, tidak mengapa, saya tidak berkecil hati kerana saya memahami tuan mempunyai amanah yang besar kepada kota Madinah

ini,” sambung Imam Syafie lagi. Beliau bimbang sekiranya cadangan beliau tadi hanya menambahkan bebanan kepada gabenor Madinah itu.

“Oh, tidak mengapa. Urusan kamu ke mari dan surat yang diberikan oleh gabenor Mekah itu juga satu amanah buat saya. Kamu adalah wakil dan utusan dari kota Mekah bagi menuntut ilmu di sini, dan diamanahkan ke atas saya bagi mengurus urusan ini,” beritahu gabenor itu dengan penuh hemah.

“*Alhamdulillah* sekiranya begitulah pandangan Tuan Gabenor. Saya berbesar hati atas pertolongan yang Tuan hulurkan,” ujar Imam Syafie lembut.

“Ayuh, saya tidak mempunyai urusan rasmi hari ini, mungkin lebih baik sekiranya kita berdua ke rumah Imam Malik sekarang,” ajak gabenor sambil memperkemaskan jubahnya yang sedikit besar di badannya itu.

Lalu mereka berdua melangkah keluar dari kediaman gabenor Madinah menuju ke rumah Imam Malik dengan penuh debaran yang menebal di dada. Di sepanjang perjalanan, gabenor memperkenalkan kawasan-kawasan sekitar kepada Imam Syafie, sesekali beliau berhenti berjabat tangan dengan penduduk kota Madinah yang menegur dan memberi salam kepada beliau.

Akhirnya mereka berhenti di hadapan sebuah rumah yang sederhana besarnya tetapi bersih ruang halaman depannya. Terdapat beberapa pasang sepatu dan capal tersusun kemas di atas sekeping kayu. Gabenor mengetuk daun pintu rumah itu di susuli dengan ucapan salam.

Terdengar sahutan dari dalam rumah. Seketika kemudian pintu rumah itu dikuak dari dalam dan terpancul satu wajah yang bersih sedang tersenyum mesra. Imam Syafie terpana. "Inikah gerangannya Imam Malik bin Anas?" kata beliau dalam hati.

“Wahai Khabir, adakah Syeikh Imam Malik ada di rumah? Katakan kepada beliau, gabenor Madinah mahu berjumpanya,” beritahu gabenor kepada Khabir yang sebenarnya merupakan pelayan di rumah Imam malik.

Sambil mengangguk kepala, Khabir terus masuk semula ke dalam rumah. Buat seketika, Imam Syafie dan gabenor menunggu dari luar rumah.

“Berdoalah, semoga Imam Malik bersetuju bertemu dengan kita,” ujar gabenor sambil memandang Imam Syafie yang berdiri di sebelahnya.

Imam Syafie hanya melemparkan senyuman yang lembut. Beliau meyakini Allah pasti memberikan yang terbaik kepada beliau, tidak kiralah sama ada dapat bertemu ataupun tidak dengan Imam Malik.

Tidak lama kemudian, Khabir kembali menemui mereka di hadapan rumah. Sambil menghulurkan sehelai kertas berserta sebatang tinta, Khabir berkata, "Saya minta maaf Tuan Gabenor, Imam Malik sedang sibuk dan beliau berpesan, sekiranya Tuan Gabenor mempunyai permasalahan mengenai agama maka tulis di atas kertas ini, kemudian nanti Imam Malik akan menjawabnya. Tetapi sekiranya Tuan Gabenor mempunyai urusan lain, beliau meminta supaya ditangguhkan urusan itu hingga pada hari pertemuan yang biasa diadakan bagi bertemu orang ramai," jelas Khabir dengan panjang lebar

"Wahai Khabir, kamu katakan kepada Imam Malik, saya ada membawa sekeping surat daripada gabenor Mekah yang mahu saya sampaikan kepada beliau sendiri, tanpa pengantaraan orang lain," beritahu gabenor sambil menoleh kepada Imam Syafie yang hanya membisu seribu bahasa.

Khabir tersenyum tanda mengerti lalu masuk semula ke dalam rumah. Tidak lama kemudian Khabir datang membawa bersama-sama sebuah kerusi dan diletakkan kerusi itu di hadapan mereka berdua.

Imam Syafie memandang gabenor tanda beliau tidak mengerti dengan tindakan Khabir. Tetapi tatkala melihat wajah gabenor yang berubah gembira, Imam Syafie dapat menangkap sesuatu. Telahan Imam Syafie ternyata tepat apabila tidak lama kemudian muncul seorang lelaki yang agak kecil tubuhnya, tetapi terserlah *keizzahan* dan ketokohannya daripada wajah dan peribadi luaran beliau. Lelaki itu kemudiannya duduk di atas kerusi yang di sediakan oleh Khabir tadi.

"Tuan Imam, saya perlu menyerahkan surat daripada gabenor Mekah ini kepadamu. Harap Tuan sudi membacanya," beritahu gabenor lalu menghulurkan surat itu kepada Imam Malik.

Imam Malik dengan wajahnya yang agak serius membaca isi surat yang diberikan. Suasana sepi sebentar.

Tiba-tiba tanpa disangka, Imam Malik mencampakkan surat yang dibacanya lalu berkata, "Apakah semata-mata mahu belajar ilmu Allah dan hikmah Rasulullah perlu menggunakan surat daripada gabenor Mekah?"

"Surat ini tidak membawa apa-apa makna kepada saya. Adakah kamu tersinggung?" soal Imam Malik dengan tegas. Jelas kelihatan kerutan di dahi beliau tanda beliau tidak berpuas hati dengan tindakan gabenor Mekah yang mengutuskannya surat.

Gabenor Madinah menelan air liur, terasa pahit di tekaknya, beliau risau sekiranya Imam Malik langsung tidak berminat menjadi guru kepada Imam Syafie, jadi bagaimana perlu beliau susunkan kata memberitahu keadaan itu kepada gabenor Mekah nanti. Imam Malik lantas berdiri, kelihatannya mahu kembali masuk ke dalam rumah beliau semula. Imam Syafie bungkam melihat keadaan itu. Lalu Imam Syafie cepat-cepat memperkenalkan dirinya kepada Imam Malik.

"Moga-moga Allah merahmati tindakanmu, Tuan Imam. Sesungguhnya sayalah insan yang mahu belajar menuntut ilmu daripadamu, usah salah faham dengan tindakan gabenor Mekah itu kerana sesungguhnya gabenor Mekah hanya berhasrat mahu membantu saya," jelas Imam Syafie sambil memandang Imam Malik yang sedang berdiri.

Tidak lama kemudian, Imam Malik kembali duduk di kerusinya, membatalkan hasratnya masuk ke dalam rumah. Melihat Imam Malik yang hanya berdiam diri, Imam Syfie lantas menyambung kata-katanya, "Saya berasal dari kota Mekah tetapi dilahirkan di kota Ghazzah, Palestine. Saya anak yatim dan masih mempunyai ibu di kota Mekah. Manakala keturunan saya bertemu dengan keturunan Nabi Muhammad SAW pada datuk Nabi Muhammad SAW yang ketiga iaitu Abdul Manaf. Sesungguhnya hajat saya ke mari adalah mahu berguru denganmu, saya sudah membaca Kitab *Muwattak* hasil karangan Tuan."

Imam Malik mendengar penjelasan daripada Imam Syafie sambil memandang tepat wajah Imam Syafie. Beliau meneliti setiap inci wajah yang berada di hadapannya. Terserlah kezuhudan pemuda itu dan terpancar nur di wajahnya, jelas sekali firasat Imam Malik mengatakan pemuda yang berada di hadapannya itu adalah seorang pemuda yang baik dan kuat beribadah kepada Allah.

"Siapakah nama kamu, anak muda?" tanya Imam Malik

"Nama saya Muhammad bin Idris bin Abbas bin Usman bin Syafie bin Saib bin Abdul Yazid bin Hasyim bin Abdul Mutalib bin Abdul Manaf. Tetapi

saya dipanggil sebagai as-Syafie bersempena dengan nama moyang saya," jelas Imam Syafie lagi

"Baiklah as-Syafie, saya mahu ingatkan dirimu dan diriku malah kepada Tuan Gabenor Madinah juga, takutlah Allah, takutlah Allah, takutlah Allah. Esok, kamu datang ke mari lagi, anak mudaku. Akan aku bacakan isi kandungan kitab *Muwattak* kepadamu," beritahu Imam Malik lembut.

"Wahai Tuan Imam yang saya hormati kerana Allah, kitab *Muwattak* Tuan itu sudah pun habis saya khatam dan saya hafal setiap barisnya," beritahu Imam Syafie jujur. Imam Malik terpegun. Matanya ralit merenung wajah Imam Syafie yang bersih berseri itu.

"Cuba kamu bacakan isi kandungan kitab itu kepadaku sekarang," pinta Imam Malik sambil melemparkan senyuman kepada Imam Syafie

Patuh dengan arahan guru baharunya itu, Imam Syafie pun membacakan setiap baris ayat daripada kitab *Muwattak* kepada Imam Malik dengan lancar dan fasih. Imam Malik bertambah kagum dan menyukai Imam Syafie, lalu beliau berkata lembut, "Adakah kamu sudah menghafaz Quran?"

Imam Syafie hanya menganggukkan kepalanya perlahan-lahan. Khuatir sekiranya dianggap riyak apabila menceritakan amal ibadatnya kepada orang lain.

Tiba-tiba Imam Malik melihat anak muda itu memiliki nur dalam hatinya lalu berkata, "Jangan kamu padamkan nur yang kamu miliki itu dengan melakukan maksiat."

"Baiklah Tuan Imam," ujar Imam Syafie.

"Sekarang kamu tinggal di mana? Apakah kamu mempunyai saudara mara di sini?" tanya Imam Malik lagi.

"Saya akan beriktikaf di Masjid Nabawi. Tuan Imam, setiap umat Islam di serata bumi Allah ini adalah saudara seakidah," jelas Imam Syafie dengan penuh zuhud dan tawaduk.

Imam Malik tersenyum mendengar jawapan daripada Imam Syafie.

"Oleh kerana kita bersaudara, mari tinggal bersama-sama saya. Sesungguhnya ini pasti memudahkan urusan kamu belajar daripada saya.

Tambahan pula kamu adalah tetamu Allah, sepatutnya saya meraikanmu," ujar Imam Malik lalu mendepangkan kedua-dua belah tangan beliau lantas memeluk Imam Syafie erat.

Tuan gabenor mengucapkan lafaz *hamdallah*, memuji memuja keagungan Allah. Sesungguhnya selesai beban amanah yang digalaskan kepada beliau, lalu perlahan-lahan beliau meninggalkan pasangan anak murid dan guru itu. Dari kejauhan kedengaran qasidah yang dinyanyikan oleh sekumpulan penduduk kota Madinah yang sedang bergotong-royong membina rumah saudara mereka. Indah bait katanya,damai bagi yang mendengarnya dan sungguh mengasyikkan bagi jiwa-jiwa yang dekat dengan Penciptanya.

Bab 22 Merantau ke Iraq

Selepas lapan tahun berguru dengan Imam Malik, Imam Syafie mahu meneruskan pengembaraannya bagi menuntut ilmu. Semenjak bermukim di kota Madinah beliau menjadi tetamu di rumah Imam Malik. Segala perbelanjaannya ditanggung oleh gurunya. Selama berada di kota Madinah juga, setiap hari Imam Syafie menziarahi makam Rasulullah SAW. Terasa baginda dekat di hati. Jiwanya rasa tenang apabila berdoa di Raudhah. Sering juga dia ke perkuburan Baqik yang terletak tidak jauh dari Masjid Nabi. Sekiranya diturutkan rasa hati mahu sahaja dia terus menetap di Madinah. Tetapi jiwanya masih dahagakan ilmu agama. Dia mahu terus merantau bagi menuntutnya.

"Ilmu Allah itu amat luas. Sekiranya semua daun-daun kayu dijadikan kertas dan air laut dijadikan dakwat pasti masih tidak mencukupi bagi menulisnya. Merantaulah menuntut ilmu walau sampai ke negeri China. Ketika usia masih muda carilah ilmu sebanyak-banyaknya." Imam Syafie teringat kata-kata Imam Malik.

Kata-kata itu memberi semangat kepadanya bagi merantau menuntut ilmu. Dia tahu masih ramai ulama terbilang yang belum ditemuinya. Sekiranya boleh dia mahu bertemu dan berguru dengan mereka. Tiba-tiba muncul wajah Imam Malik di matanya. Sejak berada di Madinah Imam Malik melayannya dengan baik. Dia diberi tempat tinggal di rumahnya. Makan dan minumnya dijaga dengan sempurna. Dia berasa serba salah mahu meninggalkan Imam Malik yang kini sudah menjadi gurunya.

Tetapi entah mengapa, tiba-tiba membuak-buak perasaannya mahu merantau ke kota Baghdad bagi bertemu anak-anak murid Imam Abu Hanifah. Tambahan pula beliau belum pernah ke sana, malah tidak sempat bertentang mata dengan Imam Abu Hanifah kerana imam tersohor itu sudah meninggal dunia.

"Wahai Tuan Imam yang saya hormati, saya mahu bertanyakan satu pendapat dan juga memohon keizinan daripada tuan," beritahu Imam Syafie dengan penuh hormat kepada Imam Malik yang sedang meneliti kitab di atas kerusinya itu.

Imam Malik menutup kitab, lalu berganjak dari kerusinya dan akhirnya duduk bersebelahan dengan Imam Syafie, beliau tersenyum menatap wajah anak muridnya lalu berkata, "Khabarkanlah kepada saya, wahai as-Syafie. Saya yakin, ini pasti persoalan yang besar bagi dirimu."

"Begini Tuan Imam, saya begitu terkesan melihat kecerdasan anak murid Almarhum Imam Abu Hanifah iaitu Muhammad bin Husain, sesungguhnya ia membuatkan saya mahu bermusafir ke kota Bangdad bagi bertemu dan mengutip ilmu-ilmu daripada anak-anak murid Imam Abu Hanifah yang lain pula," jelas Imam Syafie perlahan.

"Jadi, mengapa kamu bertanya kepadaku? Pergilah, pasti rahmat Allah mengiringi pencinta-pencinta ilmuNya itu," ujar Imam Malik dengan wajah yang sebegitu lembut. Mendamaikan bagi mereka yang memandangnya.

Imam Syafie tersenyum, bagaikan ada udara dingin menghembus ke segenap hatinya, seolah-olah memberi semangat untuknya pergi merantau ke bumi Baghdad.

"Semoga Allah merahmatimu juga, wahai guruku. Doakan kesejahteraan saya di sana nanti," kata Imam Syafie.

"Anakku, sesungguhnya kamulah antara mata-mata rantai Islam, kamulah penerus perjuangan mereka terdahulu, maka tetaplah kamu di atas perjuangan ini, sebarkan ilmu yang kamu ada, tadahlah seberapa ilmu yang kamu mampu cari serta perbaikilah sekiranya ada berlaku kesalahan di antara mata-mata rantai yang lain," pesan Imam Malik sambil, seolah-olah menyatakan hasratnya yang sebegitu kuat.

"Terima kasih, wahai guruku, akan saya ingat nasihat tuan di mana sahaja kaki ini melangkah dan walau di bawah langit mana saya berada," ujar Imam Syafie setelus hati.

Muhammad bin Husain adalah salah seorang ulama di Iraq. Dia pernah berguru dengan Imam Malik. Selesai menunaikan ibadat haji di Mekah beliau singgah di Madinah bagi menziarahi makam Rasulullah SAW. Di samping itu dia mahu mendengar Imam Malik membaca kitab *Muwattak*. Pada hari itu Imam Malik menyuruh Imam Syafie yang membacanya. Muhamad bin Hussain tertarik dengan kehebatan Imam Syafie. Perasaan hormat dan sayangnya semakin menebal apabila mendapat tahu anak muda

itu keturunan Abdul Mutalib. Maka kesempatan itu digunakan oleh ulama Iraq bagi berkenalan dengan Imam Syafie.

Selepas pulang ke Iraq, dia dan kawan-kawannya menyebut-nyebut nama Imam Syafie serta memuji kehebatannya. Ramai penduduk Iraq yang tertarik dengan cerita itu lalu mahu menjemput Imam Syafie datang. Tidak lama kemudian Muhammad bin Husain mengirim surat menjemput Imam Syafie datang ke Iraq. Kedatangan surat itu menambah lagi kuatnya kemahuan Imam Syafie merantau.

“Tuan guru, esok saya akan merantau ke Iraq bagi menuntut ilmu agama. Khabarnya di sana ada beberapa ulama yang boleh saya berguru dengan mereka. Antaranya Abu Yusof dan Imam Muhammad al-Hasan. Selain itu kota Baghdad juga menjadi pusat sumber ilmu pengetahuan. Doakan saya, tuan guru,” kata Imam Syafie meluahkan hasrat di hati kepada Imam Malik.

“Bukankah sebelum ini saya sudah memberi persetujuan? Saya tetap bersetuju serta mendoakan kamu. Pergilah merantau dengan niat mencari ilmu. Sekiranya saya masih muda pasti saya bersama kamu pergi ke Iraq. Tetapi saya sudah tua dan pastinya tidak berdaya lagi menempuh perjalanan yang begitu jauh,” kata Imam Malik pula.

Alangkah gembira hati Imam Syafie mendengar kata-kata gurunya itu. Beliau terus mengemas barang-barang keperluan bagi dibawa ke Baghdad. Dia seolah-olah tidak sabar lagi mahu sampai ke negeri seribu satu malam itu.

Pada hari keberangkatannya Imam Malik bersama orang ramai menghantar Imam Syafie hingga sampai ke pinggir kota Madinah. Di sana sudah menunggu satu rombongan para pedagang Madinah yang akan berangkat ke Kufah membawa barang-barang dagangan mereka.

“Perjalanan dari Madinah ke Kufah mengambil masa selama 24 hari. Saya sudah menyewakan kamu seekor unta bagi dijadikan tunggangan,” kata Imam Malik lalu menunjuk ke arah seekor unta yang sederhana besarnya.

“Tuan, saya sudah nekad mahu berjalan kaki hingga ke Kufah,” kata Imam Syafie yang kelihatan serba salah.

“Saya sudah bayar sewa unta itu kepada tuannya. Sekarang kamu boleh menunggangnya hingga sampai ke Kufah,” balas Imam Malik.

“Tuan guru, Setahu saya tuan tidak pernah menyimpan duit yang banyak. Dari manakah tuan peroleh duit bagi menyewa unta ini?” tanya Imam Syafie pula.

“Jangan kamu khuatir. Petang semalam seorang sahabat saya yang bernama Abu Kasim memberikan saya 100 dinar. Duit itu saya bahagi dua. Sebanyak 50 dinar bagi perbelanjaan keluarga saya. Sebanyak 50 dinar lagi bagi sewa unta itu,” jawab Imam Malik.

Alangkah terharu Imam Syafie mendengarnya. Begitu pemurahnya Imam Malik. Selain begitu pemurah dalam mencurahkan ilmu kepada sesiapa yang dahagakannya beliau juga pemurah dengan harta yang dimilikinya. Selama berada di Madinah, Imam Syafie tinggal di rumah Imam Malik. Makan minum dan segala keperluannya ditanggung tanpa meminta apa-apa bayaran.

“Terima kasih, tuan guru. Halalkan makan minum saya selama berada di rumah tuan. Maafkan sekiranya ada kesalahan dan doakan saya supaya selamat dalam perjalanan. Panjang umur kita pasti bertemu lagi,” balas Imam Syafie.

Mendengar kata-kata Imam Syafie itu, berlinangan air mata Imam Malik. Berat juga hatinya hendak berpisah dengan murid yang cerdik, warak dan pandai mengambil hatinya itu. Sekiranya bukan kerana pergi menuntut ilmu pasti dia tidak dibenarkan berjauhan dengannya.

Sebelum berpisah mereka sempat berpelukan sebagai tanda begitu eratnya kasih sayang antara keduanya. Penduduk Madinah juga ramai yang mengiringi Imam Syafie. Mereka turut mendoakan keselamatannya dalam perjalanan. Sepanjang perjalanan, Imam Syafie banyak menghabiskan masanya dengan membaca Quran. Apabila mereka berhenti rehat beliau juga sering diminta memberi tazkirah kepada anggota kafilah dagang itu. Selepas 24 hari perjalanan akhirnya mereka selamat tiba di Kufah.

Imam Syafie terus menuju ke masjid. Kebetulan pula hampir masuk waktu sembahyang Asar. Walaupun nama Imam Syafie sudah dikenali ramai di Iraq tetapi mereka belum pernah bertemu. Kehadiran Imam Syafie di masjid Kufah itu tidak disedari orang ramai. Selepas mengambil wuduk, Imam

Syafie terus masuk ke dalam masjid. Selesai sembahyang sunat beliau duduk beriktikaf sambil menunggu azan dilaungkan. Tiba-tiba muncul seorang lelaki mengambil tempat duduk di hadapannya. Imam Syafie sempat memerhatikan cara lelaki itu bersembahyang dan ada yang tidak kena di hatinya. Selepas lelaki itu selesai memberi salam lalu dihampirinya.

"Maafkan saya, tuan. Saya melihat terdapat kesalahan semasa tuan bersembahyang tadi. Sebaik-baiknya tuan perbaiki cara sembahyang tuan," kata Imam Syafie dengan suara berbisik.

"Awak siapa mahu mengajar aku?" Lelaki itu melenting marah. "Sudah 15 tahun aku bersembahyang cara begini. Guruku Imam Yusof dan Imam Muhammad tidak pernah menegur aku. Inikan pula awak seorang anak muda yang masih mentah. Siapakah guru kamu?"

"Saya ikhlas menegur tuan. Semoga tuan ikhlas pula menerimanya," balas Imam Syafie.

Mereka tidak dapat berbual panjang kerana muazzin mengumandangkan suara azan. Selepas selesai bersembahyang, ketika mahu keluar dari masjid, lelaki itu bertemu dengan gurunya Imam Abu Yusof dan Imam Muhamad al-Hasan. Lelaki itu mengadu mengenai teguran Imam Syafie tadi.

"Anak muda yang masih mentah itu berani menegur cara saya bersembahyang. Sedangkan tuan berdua ulama besar di Iraq pun tidak pernah menegur saya," kata lelaki itu sambil menunjuk ke arah Imam Syafie yang masih ralit di atas sejadahnya. Seperti biasa selepas bersembahyang dia duduk berzikir atau membaca Quran.

"Siapa anak muda itu?" tanya Imam Abu Yusof.

"Saya tidak kenal. Mungkin baru sampai ke sini," jawab lelaki itu.

"Cuba tanya dia cara sembahyang yang sempurna," kata Imam Muhamad pula. Lelaki itu pergi mendapatkan Imam Syafie lalu bertanyakan soalan gurunya tadi.

"Saya memulakan sembahyang dengan dua fardu dan satu sunat. Dua yang fardu itu adalah berniat dan takbiratul ihram. Satu yang sunat mengangkat

tangan. Tetapi saya melihat tuan tidak bertakbir dan tidak mengangkat tangan. Mungkin juga tidak berniat sembahyang," jawab Imam Syafie.

Lelaki itu mendapatkan gurunya lalu memberitahu jawapan Imam Syafie. Imam Muhamad dan Imam Yusof tertarik hati dengan jawapan itu lalu mendapatkan Imam Syafie.

"Anak muda, kamu berasal dari mana?" tanya Imam Muhammad al-Hasan.

"Saya berasal dari Mekah," jawab Imam Syafie.

"Boleh sebutkan bangsa dan keturunan kamu?" tanya Imam Muhamad al-Hasan lagi.

"Saya bangsa Arab daripada keturunan Abdul Mutalib," jawab Imam Syafie.

"Adakah kamu pernah bertemu dengan Imam Malik?" tanya Imam Abu Yusof pula.

"Saya pergi ke Madinah untuk berguru dengan Imam Malik. Lapan tahun lamanya saya berguru dengannya. Kami baru sahaja berpisah apabila saya datang ke sini," jawab Imam Syafie.

"Apa tujuan kamu datang ke sini?" tanya Imam Muhamad al-Hassan.

"Saya mendapat tahu daripada Muhamad bin Husein, di Kufah terdapat beberapa ulama yang pernah berguru dengan Imam Abu Hanifah. Saya mahu bertemu serta berguru dengan mereka," jawab Imam Syafie.

"Awak sudah berguru dengan Imam Malik. Apakah itu masih belum mencukupi?" tanya Abu Yusuf pula sekadar mahu menduga anak muda itu.

"Sekiranya boleh, saya mahu berguru dengan semua alim ulama di dunia ini. Saya sudah berguru dengan alim ulama di Mekah. Saya juga berguru dengan Imam Malik dan beberapa orang ulama di Madinah. Sekarang saya berada di Kufah bagi berguru dengan Muhamad bin al-Hassan dan Imam Abu Yusuf. Sudikah tuan tunjukkan saya di mana rumahnya?" jawab Imam Syafie.

"Orang yang kamu cari sedang berdiri di hadapan kamu!" kata Imam Muhamad bin al-Hassan.

"*Masya-Allah*, Tuhan permudahkan saya mencari tuan," kata Imam Syafie dengan wajah gembira.

Imam Syafie bersalaman serta mendakap bakal guru-gurunya itu. Kemudian mereka terus duduk bersila dan berbual mesra.

"Selama lapan tahun kamu berguru dengan Imam Malik, tentu banyak perkara mengenai ulama terbilang itu yang kamu ketahui. Boleh ceritakan kepada kami? Tambahan pula ada antara kami yang belum pernah bertemu dengannya," pinta Imam Abu Yusuf.

Menurut Imam Syafie, Imam Malik adalah seorang yang tinggi serta lebar bentuk tubuh badannya. Warna kulitnya putih, dahi luas manakala hidungnya mancung serta menarik pandangan. Setengah daripada budi pekertinya adalah beliau gemar kepada pakaian yang baik dan elok, seperti pakaian yang dibuat di Aden. Beliau suka memakai pakaian yang cantik terutama apabila membaca hadis dan kitab *al-Muwattak*. Selain itu beliau juga suka memakai minyak wangiyang elok.

Mukanya dihiasi dengan janggut dan misai. Beliau tidak pernah mencukur misainya kerana menganggap itu perbuatan yang tidak baik, malah mencelanya. Bagi kelihatan rapi beliau cuma menguntingnya.

"Makanan kegemaran Imam Malik adalah daging. Boleh dikatakan beliau selalu memakan daging. Manakala buah kegemarannya pula adalah pisang. Beliau gemar makan pisang kerana katanya, pisang itu seumpama buah dari syurga kerana buah itu boleh dimakan pada musim panas dan musim sejuk," cerita Imam Syafie.

"Ceritakan pula berkenaan kehebatannya," pinta Imam Abu Yusuf.

Menurut Imam Syafie, apabila Imam Malik membacakan hadis, semua yang mendengar menundukkan kepala. Tidak seorang pun yang berani mengangkat suara apatah lagi membuat bising.

"Saya tidak pernah berasa takut sebagaimana saya rasa takut kepada Imam Malik," kata Imam Syafie.

Menurutnya, Imam Malik seorang yang sangat hebat lantaran itu beliau dihormati oleh murid-muridnya dan juga mereka yang mengenalinya. Malah beliau disegani oleh khalifah. Kehebatan Imam Malik terbit daripada

kekuatan jiwa dan kemasyhurannya diikuti pula oleh peribadinya yang tinggi dan mulia.

"Apa pendapat kamu berkenaan kitab *al-Muwattak*?" tanya imam Yusuf lagi.

"Tidak ada sebuah kitab pun di muka bumi ini yang lebih banyak mengandungi kebenaran daripada *al-Muwattak* Imam Malik," jawab Imam Syafie.

"Adakah kamu sudah mempelajarinya hingga tamat?" tanya Imam Muhamad al-Hassan pula.

"Dengan izin Tuhan saya sudah dapat menghafalnya," jawab Imam Syafie.

Imam Abu Yusof dan Imam Muhamad al-Hasan terkejut mendengar jawapan Imam Syafie. Bagi menguji kebenarannya, mereka meminta Imam Syafie membacakan kitab *al-Muwattak*. Imam Syafie pun membacanya dengan lancar.

"Adakah kamu sudah mempelajari Quran dan hadis?" tanya Imam Muhammad al-Hasan.

"Dengan izin Tuhan saya sudah hafal Quran dan hadis," jawab Imam Syafie.

"Boleh kami menguji kebenaran kata-kata kamu?" tanya Imam Abu Yusof.

"Boleh tuan," jawab Imam Syafie.

Imam Muhammad dan Imam Abu Yusof menulis beberapa masalah yang berkaitan dengan zakat, jual beli, faraid, pajak gadai, haji dan lain-lain pada beberapa helai kertas. Kemudian Imam Syafie diminta menjawab masalah itu satu per satu. Kesemua masalah itu dapat dijawab oleh Imam Syafie berpandukan ayat-ayat Quran dan hadis hingga memuaskan hati kedua-dua ulama itu.

"Wahai Imam Syafie, nama kamu sudah terkenal di Iraq. Kedatangan kamu pasti menggembirakan orang ramai," kata Imam Abu Yusof.

"Mari tinggal di rumahku. Kamu akan kami layan seperti tetamu yang istimewa," kata Imam Muhamad al-Hasan pula.

Imam Syafie mengucapkan syukur kerana Allah memudahkan pertemuannya dengan Imam Muhamad al-Hassan dan Imam Abu Yusuf. Imam Muhamad al-Hasan pula bermurah hati mengajak Imam Syafie tinggal bersamanya.

Bab 23 Surat-surat Lama

Bumi Mesir yang kering dan kaya dengan peninggalan sejarah itu juga banyak melahirkan ulama dan pahlawan terbilang. Salah seorangnya adalah Al-Laith bin Saad atau dikenali juga dengan nama Abu Haris bin Saad bin Abdul Rahman al-Masri. Beliau daripada golongan tabii-tabiin iaitu mereka yang pernah bertemu dengan sahabat Rasulullah. Imam Al-Laith dilahirkan beberapa tahun sebelum Imam Malik lahir. Beliau meninggal dunia empat tahun sebelum Imam Malik.

Imam Al-Laith bersahabat baik dengan Imam Malik. Kedua-duanya kaya dengan ilmu dan harta. Mereka juga sama-sama pemurah. Harta yang diperoleh digunakan bagi membantu mereka yang memerlukan.

Imam Al-Laith sering datang ke Madinah bagi menziarahi makam Rasulullah SAW serta berkunjung ke rumah Imam Malik. Beliau seringkali memberikan hadiah-hadiah yang berharga kepada sahabatnya itu.

Tetapi apabila kedua-duanya sudah sama-sama meningkat tua dan uzur, tidak lagi mengizinkan kedua-duanya bertemu. Imam Malik menulis sepucuk surat yang panjang kepada sahabat baiknya itu.

Surat ini daripada Malik kepada sahabatku Al-Laith bin Saad.

Selamat sejahtera ke atas kamu, saya memuji Tuhan yang tidak ada tuhan yang lain melainkan Dia (Allah). Moga-moga Allah memelihara kami dan kamu dengan mentaatinya yang lahir dan yang batin dan semoga melepaskan kita daripada perkara yang tidak disukainya.

Semoga Allah memberi rahmat ke atas kamu, bahawa saya dapat tahu kamu memberi fatwa kepada orang ramai dengan perkara-perkara yang berlawanan dengan kebanyakan orang di sisi kami. Begitu juga dengan negeri yang kita ada sekarang. Kamu bertanggungjawab pada keseluruhan anak negeri kamu. Kamu dihajati oleh mereka yang sebelum daripada kamu, dan mereka berpegang pada apa-apa yang datang daripada kamu. Hendaklah benar-benar kamu menjaga diri dan hendaklah kamu menuruti perkara yang melepaskan diri kamu kerana Allah menyatakan dalam kitab suci Quran melalui surah at-Taubah ayat 100, “Orang yang terdahulu lagi yang pertama (masuk Islam) di antara orang Muhajirin dan Ansar dan orang yang

mengikuti mereka dengan baik, Allah reda kepada mereka dan mereka pun reda kepada Allah menyediakan bagi mereka syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang sebenar-benarnya."

"Sampaikanlah berita kegembiraan kepada mereka yang mendengar ayat-ayat Allah dan mereka ikuti yang lebih baik mereka itulah orang yang diberi petunjuk dan mereka orang yang mempunyai hati." (Az-Zumar ayat 17 dan 18)

Manusia adalah pengikut kepada orang Madinah, padanya berlaku hijrah, di sana diturunkan Quran dan dihalalkan perkara-perkara yang halal dan diharamkan perkara-perkara yang haram kerana Allah ada bersama mereka dan wahyu masih turun kepadanya. Beliau memerintah mereka dan mereka mematuhiNya. Rasul memerintah sesuatu kepada mereka dan mereka patuhi hingga junjungan kembali ke rahmatullah. Beliau memilih untuk mereka menuruti apa yang terdapat di sisi Rasulullah. Selawat dan salam ke atas mereka juga rahmat dan berkat.

Kemudian orang yang terakhir menurut ajarannya, orang ramai pun menuruti mereka dan siapa yang menjalankan perkara-perkara mengikut hukum yang diturunkan, apa-apa yang mereka lakukan mereka jalankan dan apa yang tidak diketahui ditanya. Kemudian mereka mengambil pendapat yang lebih kuat mengikut ijtihad dan apa yang berlaku pada zaman itu. Apabila ada pertentangan daripada orang lain ataupun ada pendapat yang lebih kuat dan baik mereka meninggalkan pendapat mereka, terus berpegang dengan yang lain.

Orang yang kemudian (At-Tabiin) menuruti jalan-jalan itu juga. Apabila satu-satu perkara sudah dipraktik orang ramai, maka saya tidak fikir ada seorang pun yang menyalahi apa yang terdapat di kalangan mereka yang sudah menjadi pusaka dan tidak harus mereka nafikan dan tidak harus pula mereka tonjol-tonjolkan.

Sekiranya penduduk negeri lain berpendapat, pekerjaan ini adalah pendapat di negeri kami dan ini adalah pekerjaan mereka yang terdahulu daripada kami, mereka itu tidak boleh dipercayai dan tidak pula perkara ini yang harus bagi mereka.

Hendaklah kamu fikirkan semoga kamu diberi rahmat, apa yang saya tuliskan kepada kamu. Dan ingat bahawa saya berharap perkara yang

mendorong saya menulis surat ini adalah dengan niat yang ikhlas kerana Allah sahaja penyudahan adalah daripada kamu dan begitu juga pilihan. Sekiranya kamu ikut kamu harus ingat saya bukan memaksa kamu dengan nasihat ini.

Moga-moga Allah memberi petunjuk kepada saya dan kamu untuk taat kepadaNya dan kepada RasulNya dalam kesemua perkara dan di setiap masa.

Wassalammu alaikum warahmatullah.

Selepas membaca surat itu dengan teliti, Al-Laith berlapang dada menerima nasihat Imam Malik. Namun tidak semua perkara dipersetujuinya. Dia tetap mempertahankan pendapatnya. Al-Laith menjawab surat itu seperti berikut.

Salam sejahtera ke atas kamu. Aku memuji Allah dan berterima kasih kepadaNya. Tuhan yang tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan dia (Allah). Moga-moga Allah memberi kesihatan kepada kami dan kamu dan mudah-mudahan dianugerahkan penyudahan yang baik di dunia dan akhirat.

Surat kamu selamat saya terima. Kamu menyebutkan kebaikan diri kamu yang mana menyenangkan hatiku. Saya berdoa semoga Allah kekalkan kamu dalam keadaan yang demikian, dan disempurnakan lagi apabila kamu bersyukur dan diberi tambahan dengan rahmatNya. Kamu sebutkan juga mengenai surat yang saya hantarkan kepada kamu dan kamu sebutkan juga pendirian kamu pada surat itu, dan kamu sudahi dengan tanda mohor kamu dan surat balasan itu sudah kami terima. Moga-moga Allah memberi balasan yang baik kepada kamu. Surat itu adalah surat daripada kamu kepada kami. Saya mahu menerangkan hakikat surat itu dengan pandangan daripada kamu.

Kamu menyebutkan bahawa surat saya menggembirakan, disebabkan penghargaan saya pada kamu hingga kepada permulaan surat saya dengan nasihat kamu berharap supaya surat itu menjadi tempat perhatian dan tidak menegah kamu daripada perkara yang kamu percayakan selain daripada baik tanggapan pada kami. Sekiranya tidak, sudah tentu saya tidak memperingati kamu dengan cara ini.

Sesungguhnya kamu mendapat tahu bahawa saya memberi fatwa-fatwa yang berlawanan dengan pendapat segolongan manusia di negeri kamu. Saya mahu menjaga diri saya lantaran pegangan orang sebelum saya dengan apa yang saya sudah berikan fatwa kepada mereka. Sesungguhnya seluruh

manusia menjadi pengikut kepada orang Madinah yang menjadi tempat hijrah dan di sana juga diturunkan Quran.

Sebenarnya dakwaan kamu itu adalah benar, insya-Allah. Saya termasuk di bawah orang yang kamu kehendaki. Saya tidak pernah dapati seorang pun yang berilmu saya benci kepadanya kerana fatwa-fatwanya yang luar biasa, dan saya pula sangat membeza ulama Madinah yang lampau. Saya tidak mengambil salah fatwa yang mereka bersepakat pada saya. Segala pujian hanya tertentu kepada Allah yang tidak ada kongsi bagiNya.

Berhubung dengan apa yang kamu sebutkan mengenai makam Rasulullah di Madinah dan juga di sana diturunkan wahyu Quran dan di sana juga terdapat sahabat Rasulullah, seluruh manusia adalah pengikut kepada mereka sebagaimana yang kamu sudah ketahui.

Ramai orang yang terdahulu keluar berjihad kerana mengharapkan keredaan Allah, mereka menyatukan negeri-negeri Islam dan ramai manusia yang menuruti mereka. Mereka berpegang pada ayat-ayat Quran dan hadis Rasulullah. Mereka berijtihad mengikut pendapat mereka mengenai perkara-perkara yang tidak disebutkan dalam Quran dan hadis Rasulullah.

Orang yang mengetuai mereka adalah Abu Bakar, Umar dan Uthman mereka dipilih oleh orang Islam, dan mereka bertiga tidak sekali-kali mengurangkan persediaan melatih tentera-tentera Islam dan tiada pula mereka abaikan. Bahkan mereka tetap menegakkan agama Islam dan mereka memberi amaran jangan berselisih dengan ajaran Quran dan nabiNya. Mereka tidak sedikit pun meninggalkan perkara-perkara yang diterangkan Quran ataupun yang diamalkan oleh Rasulullah atau suruhan-suruhan yang ditunjukkan bagi mereka yang sesudahnya, mereka sampaikan kepada mereka itu kesemuanya.

Apabila datang sesuatu perkara yang dilakukan oleh sahabat-sahabat Rasulullah di Mesir, Syam, dan Iraq iaitu semasa khalifah Abu Bakar, Umar dan Uthman, mereka tetap beramal dengan ajaran-ajaran itu sepanjang hidup mereka. Mereka tidak menyuruh dengan ajaran-ajaran yang lain. Kita tidak dapati bahawa nabi ada mengharuskan negeri Islam mengadakan sesuatu perkara yang tidak dibuat oleh orang yang terdahulu daripada sahabat Rasulullah begitu juga At-Tabiin.

Sahabat-sahabat Rasulullah berselisih juga dalam memberi fatwa-fatwanya. Sebenarnya sekiranya tidak disebabkan saya mengetahui bahawa kamu

faham mengenai masalah itu, sudah tentu saya tidak menulis kepada kamu. Para At-Tabiin juga pernah berselisih dalam beberapa perkara, seumpama Said bin al-Musaiyab dan mereka yang seumpamanya, orang yang selepas mereka juga berselisih. Setengah mereka berada di Madinah dan di tempat lain.

Orang yang menjadi ketua mereka pada masa itu adalah Ibnu Syuaib dan Rabiah bin Abi Abdul Rahman.

Adapun perselisihan antara Rabiah dengan orang terdahulu, sebenarnya kamu juga sudah mengetahuinya. Saya mendengar pendapat kamu dalam perkara ini, juga pendapat orang yang bijak pandai dari Madinah seperti Yahya bin Said, Ubaidullah bin Umar dan lain-lain daripada golongan orang yang lebih muda daripada kamu dan tidak kurang juga daripada orang yang lebih tua darinya hingga kamu terpaksa meninggalkan majlis mereka lantaran kamu tidak setuju dengannya.

Pandangan kamu dan Abdul Aziz bin Abdullah mengenai merendah-rendahkan Rabi'ah dalam perkara yang tersebut di atas yang mana kamu berdua bersetuju dengan penolakan itu, memang kamu benci kepada perkara yang saya benci sungguhpun demikian kebaikan Rabi'ah banyak. Fikirannya pula tulen, lidahnya tajam, kelebihan-kelebihannya sangat nyata seluruh perjalanan hidupnya adalah baik untuk agama Islam. Manakala perhubungannya dengan sahabat-sahabatnya pada am dan dengan kita khasnya adalah baik. Moga-moga Allah memberi rahmat kepadanya serta diampunkan dosanya serta diberi pula ganjaran yang lebih kepada amalannya.

Sebagaimana diketahui, perselisihan Ibnu Syihab dengan rakan-rakannya adalah banyak. Apabila beliau ditanya dalam satu masalah, dengan kebijaksanaan akalnya maka jawapannya akan berpecah kepada tiga perkara. Mereka mengkritik antara satu sama lain sehingga tidak disedari dengan apa yang dilakukan itu menyebabkan masalah menjadi semakin rumit. Inilah sebabnya saya tinggalkan perkara yang tidak kami setuju.

Kamu juga tahu sebab saya mengingkari pengharusan sembahyang jamak di negeri-negeri Islam pada malam yang hujan, sebenarnya hujan di negeri Syam lebih banyak dari hujan di Madinah. Ini tiada siapa yang mengetahui sebabnya melainkan Allah. Pada hal tidak seorang imam pun yang mengharuskan sembahyang jamak pada malam hujan antara mereka adalah

Abu Ubaidah al-Jarrah, Khalid bi al-Walid, Yazid bin Abi Sufian, Amru al-Ash dan Muaz bin Jabal.

Rasulullah pernah berkata, orang yang lebih mengetahui mengenai halal dan haram adalah Muaz bin Jabal. Juga dikatakan pada hari kiamat Muaz mendahului ulama-ulama dengan kelebihannya. Begitu juga dengan Syurahbil bin Hasanah, Abu Dardak dan Bilal bin Rabah.

Antara mereka itu juga, di Mesir Abu Zar, Az Zubir bin Awwam dan Sa'ad bin Abi Waqas, di Hims pula tujuh orang ahli badar, di Iraq pula adalah Ibnu Mas'ud, Huzaifah al-Yaman, Imran bin al-Husain, Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib dan beberapa orang lagi sahabat Rasulullah, mereka beberapa tahun (dibuang) tidak pernah menghimpun sembahyang antara (dibuang) Maghrib dan Isyak.

Antara masalah lain pula adalah berhubung dengan hukuman yang berdasarkan kepada seorang saksi dan sumpahan orang yang mendakwa. Kamu tahu bahawa hukuman ini masih berjalan di Madinah sedangkan tidak seorang pun sahabat Rasulullah menghukum demikian sama ada di Syam, Hims, Mesir dan Iraq dan tidak seorang pun daripada khalifah ar-Rasyidin iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali yang menulis kepada mereka.

Sebagaimana kamu tahu daripada sejarah, apabila Umar bin Abdul Aziz memegang jawatan khalifah beliau seorang yang sangat tegas dan bekerja keras bagi menegapkan agama, beliau seorang yang sangat bijak serta sangat mengetahui perkara-perkara yang berlaku di kalangan manusia.

Pada suatu masa, Zuraikh bin al-Hakam menulis surat kepadanya, katanya, Tuan menghukum di Madinah berdasarkan kepada seorang saksi atau sumpahan orang yang mendakwa. Khalifah menjawab dengan berkata, "Kami menghukum dengan yang demikian di Madinah tetapi kami mendapat tahu orang di Syam menghukum lain daripada cara itu. Maka jangan kamu menghukum kecuali dengan seorang saksi yang adil ataupun dua orang saksi perempuan."

Khalifah tidak pernah menghimpunkan sembahyang Maghrib dan Isyak pada malam yang hujan, Sedangkan hujan turun dengan lebat semasa beliau berada di rumahnya di Khanasirah.

Antara masalah yang berselisih juga adalah, orang Madinah mengharuskan pembayaran mas kahwin (sadak) yang tertangguh apabila isteri memintanya. Para ulama Iraq dan Syam bersepakat dengan orang Madinah dalam masalah

ini dan begitu juga pendapat orang Mesir. Sedangkan tidak seorang pun daripada sahabat Rasulullah dan mereka selepasnya menghukum sebagaimana orang Iraq, Syam dan Mesir kecuali perceraian berlaku dengan sebab mati ataupun talak. Dengan ini baru perempuan berhak menuntut mas kahwin yang tertangguh.

Masalah lain pula adalah mengenai sumpahan iaitu apabila seorang suami bersumpah tidak mahu berjimak dengan isterinya dalam masa empat bulan, maka isterinya tidak tercerai melainkan selepas disempurnakan yukaf iaitu suami kembali kepada isteri atau pun dipertalakannya, sekalipun telah genap empat bulan. Sedangkan Nifa' menceritakan kepada saya mengikut apa yang diterima daripada Abdullah bin Umar mengatakan, tidak harus bagi orang bersumpah mendekati isterinya apabila sampai tempoh melainkan selepas disempurnakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah ataupun ia menceraikan isterinya.

Kamu berpendapat sekiranya ia tidak berbuat sesuatu pada hal tempoh empat bulan sudah cukup sedangkan suami belum bertindak melakukan sesuatu maka talak tidak jatuh.

Mengikut apa yang saya tahu, Uthman bin Affan, Zaid bin Thabit, Kubaishah bin Duaib dan Aba Salamah bin U'uf berkata, "Apabila genap empat bulan jatuh talak satu, dan diharuskan suami kembali atau rujuk semasa dalam idah."

Antara lain pula Zaid bin Thabit pernah berkata, "Apabila suami memberi kuasa talak kepada isteri, tetapi si isteri bersetuju kekal dengan suaminya, hukumnya jatuh satu talak dan sekiranya isteri mentalak dirinya sendiri dengan tiga talak maka gugur satu talak sahaja." Pendapat ini sama dengan pendapat Abdullah bin Marawan.

Rabi'ah bin Abdul Rahman berkata, "Hampir keseluruhan manusia bersepakat sekiranya isteri memilih kekal bersama suaminya, hukumnya tidak jatuh talak dan sekiranya isteri menceraikan dirinya sama ada dengan satu talak ataupun dua harus baginya kembali rujuk kepada isterinya tetapi sekiranya isteri mencerai tiga talak hukumnya adalah talak ba'in. Tidak harus bagi suaminya berkahwin dengan isteri yang dicerai dengan talak ba'in melainkan selepas isterinya berkahwin dengan lelaki lain, dan suami barunya itu menceraikannya selepas melakukan persetubuhan yang sah atau dengan sebab suami yang baru itu meninggal dunia, kecuali sekiranya suami yang

terdahulu berkata, aku memberi kuasa satu talak sahaja, si suami hendaklah bersumpah membenarkan percakapannya kemudian diasingkan antara keduanya.”

Antara masalah lain pula, Abdullah bin Mas’ud berkata, “Siapa sahaja daripada kaum lelaki berkahwin dengan hamba (amah) kemudian mereka membelinya dengan pembelian itu, suaminya sudah menjatuhkan tiga talak, begitu juga dengan pendapat Rabi’ah. Hukumnya adalah sama sekiranya seorang perempuan merdeka berkahwin dengan seorang hamba lelaki kemudian ia membelinya.”

Sebenarnya kami mendapat tahu daripada kamu juga mengenai fatwa bagi orang yang dipaksa. Saya sudah menulis kepada kamu dalam setengah daripada masalah yang tersebut, tetapi kamu tidak memberi keterangan dalam masalah yang saya sebutkan itu. Saya bimbang perkara itu menyusahkan kamu lantaran itu saya tidak menyebutnya.

Antara lain pula, saya mengetahui kamu meminta Zufar mendahulukan sembahyang daripada khutbah semasa melakukan sembahyang istisqa’ iaitu sembahyang minta hujan. Dalam hal ini kamu sudah membuat satu perkara yang luar biasa kerana khutbah dan sembahyang minta hujan adalah sama dengan sembahyang Jumaat kecuali imam perlu berdoa minta hujan selepas daripada khutbah, kemudian barulah dilakukan sembahyang.

Sedangkan khalifah Umar bin Abdul Aziz, Abu Bakar bin Muhamad Ibnu Hazm dan lain-lain membaca khutbah dan berdoa minta hujan sebelum sembahyang, jadi perbuatan Zufur itu adalah mengelirukan keseluruhan manusia pada masa itu, lantaran itu mereka ingkari.

Antara lain pula, kamu berpendapat harta yang bercampur dengan sebab perkongsian tidak diwajibkan zakat kecuali tiap-tiap bahagian sudah cukup nisabnya, tetapi menurut kata Umar al-Khattab, diwajibkan zakat walaupun tidak sama bahagian dan hukum itu pernah berlaku semasa khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Antara lain lagi, kamu berpendapat, apabila seseorang menjual barang miliknya kepada seseorang tiba-tiba pembeli itu jatuh miskin atau bankrap dan setengah barang itu dibawa bicara kepada hakim ataupun pembeli sudah membelanjakan sebahagian daripadanya, maka hendaklah penjual mengambil barang yang masih tinggal, sedangkan orang ramai berpendapat apabila sudah dibawa bicara kepada hakim ataupun pembeli sudah

membelanjakan setengah daripada barang itu, maka barang itu tidak dikira sebahagian daripada barang yang tersebut.

Antara lain lagi, Nabi Muhammad pernah menghadiahkan kepada Zubir bin Awwam satu bahagian sahaja selaku seorang tentera berkuda, padahal seluruh manusia pada masa itu menceritakan Rasulullah memberi empat bahagian untuk dua orang tentera berkuda dan menahan orang yang ketiga, sedangkan orang ramai berpendapat seperti berikut.

Orang Syam, Mesir dan Iraq dan juga Afrika tidak berselisih faham dengan pendapat orang ramai sekalipun berita itu kamu mendengarnya daripada orang yang tidak sihat akalnya.

Saya tinggalkan banyak lagi perkara yang hampir sama dengan masalah-masalah tersebut di atas. Saya berharap semoga kamu mendapat taufik dan hidayah daripada Allah dan dilanjutkan usia kamu, moga-moga orang ramai dapat mengambil faedah daripada kamu. Saya bimbang orang seperti kamu akan hilang, saya tetap memuliakan sekalipun kita berada berjauhan tempat.

Inilah taraf kamu pada pandangan saya. Maka hendaklah kamu yakin dan percaya hak ini. Saya berharap kamu selalu menulis surat kepada saya moga-moga saya dapat mengetahui berita kamu dan juga keluarga.

Syukur kepada Allah semasa menulis surat ini kami semua dalam keadaan sihat dan baik. Kami berharap semoga Allah mengurniakan kepada kami dan tuan semua kesyukuran di atas nikmat yang diberikan kepada kita dan disempurnakannya.

Akhirnya salam sejahtera dan rahmat ke atas kamu.

Imam Malik berlapang dada membaca surat daripada Imam Al-Laith itu. Malah beliau sering meminta dibacakan oleh anak-anak muridnya supaya dapat mereka jadikan perbincangan.

Imam Yahya bin Yazid An-Naufal juga pernah menulis surat kepada Imam Malik seperti berikut.

Dengan nama Allah yang pengasih, penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad pada permulaan dan pengakhiran. Surat ini daripada Yahya bin Yazid bin Abdul Malik. Surat ini ditujukan kepada Malik bin Anas.

Saya mendapat tahu kamu suka memakai pakaian yang lembut, dan memakan makanan yang baik. Sementara hamparan pula hamparan yang baik dan mahal. Kamu menduduki majlis ilmu dan ramailah orang yang datang mempelajari ilmu daripada kamu, dan menjadikan kamu imam dan mereka mendengar serta patuh dengan pendapat kamu.

Saya berharap hendaklah kamu bertakwa kepada Allah dan hendaklah merendah diri. Saya menulis surat ini adalah dengan niat yang ikhlas dan akhirnya sambutlah salam sejahtera daripada saya.

Selepas membaca serta meneliti kandungan surat itu maka Imam Malik segera membalasnya.

Dengan nama Allah Tuhan yang maha pengasih dan penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad dan salam ke atas keluarganya dan juga sahabat-sahabatnya.

Surat ini daripada Malik bin Anas kepada Yahya bin Yazid. Salam sejahtera ke atas kamu. Surat kamu selamat saya terima. Ia adalah sebagai suatu nasihat dan simpati dengan budi bahasa yang baik daripada kamu. Moga-moga Allah mengurniakan rahmat serta diberi balasan baik bagi nasihat yang kamu berikan. Saya berdoa semoga saya mendapat taufik dan hidayah dalam hidupku. Tidak ada kekuasaan dan tidak ada pertolongan melainkan dengan kekuasaan Allah yang maha besar.

Berhubung dengan perkara yang kamu sebutkan bahawa saya memakan makanan yang baik dan saya memakai pakaian yang lembut dan mahal harganya serta memakai kain langsir di pintu-pintu rumah, dan saya duduk pula di atas hamparan yang berharga mahal, memang benar kami berbuat demikian. Kami meminta keampunan daripada Allah atas perbuatan itu. Tetapi berhubung dengan perkara itu, Allah ada menjelaskan dalam surah al-A'raf sayat 32, "Katakanlah, siapakah yang mengharamkan perhiasan-perhiasan daripada Allah yang dikeluarkan untuk hambaNya, dan (siapakah pula yang mengharamkan) rezeki yang baik? Katakanlah semuanya itu bagi orang yang beriman dalam hidup dunia khusus (untuk mereka sahaja) di hari kiamat. Demikian kami menjelaskan ayat-ayat itu bagi orang yang mengetahui.

Sesungguhnya saya mengetahui bahawa meninggalkan perkara itu lebih baik daripada membuatnya. Selalulah menulis surat kepada kami dan kami akan menulis pula surat kepada kamu.

Salam sejahtera kepada kamu.

Bab 24 Pertemuan Terakhir

Imam Malik bersyukur kerana dikurniakan umur yang panjang. Beliau sempat menyiapkan karya agungnya kitab *al-Muwattak* kemudian sempat pula menyebarkannya kepada orang ramai. Menjelang hari-hari tuanya beliau mendapat kedudukan yang istimewa daripada orang ramai. Khalifah-khalifah Abbasiyah juga menyayanginya kerana sikapnya yang tidak menunjukkan permusuhan kepada pemerintah.

Sejak Imam Syafie berada di Iraq beliau tidak pernah lupa kepada gurunya Imam Malik. Tambahan pula Imam Malik juga tidak pernah melupakannya. Apabila ada kenalannya pergi ke Iraq pasti dikirimnya duit bagi perbelanjaan Imam Syafie menuntut ilmu di Iraq.

"Imam Malik sekarang hidup dalam keadaan yang mewah dan kaya-raya. Allah menghujaninya dengan harta kekayaan yang banyak," kata saudagar Naufal yang baru sampai ke Iraq dan terus menemui Imam Syafie bagi memberikan hadiah daripada Imam Malik.

"*Alhamdulillah*, semoga Allah terus memberi taufik dan hidayah kepadanya," kata Imam Syafie.

"Orang ramai pun memberi harapan yang serupa. Kami bimbang apabila hidup dalam kemewahan seseorang itu boleh menjadi lalai dengan agamanya," kata Naufal sambil menceritakan rumah kediaman Imam Malik sekarang sudah besar dan cantik. Perabot-perabot mahal menghiasi rumahnya.

Kata-kata itu membuat Imam Syafie tidak senang hati mendengarnya. Lantas dia mahu berjumpa dengan gurunya itu. Tidak lama kemudian dia meninggalkan Iraq menuju ke Madinah. Apabila berjumpa, Imam Malik menatap wajah Imam Syafie agak lama lalu bertanya. "Apakah kamu ini Muhammad Idris Syafie?"

"Benar Tuan Imam, saya ini bukanlah orang lain selain Syafie, anak muridmu yang miskin dan hina dina," jawab Imam Syafie.

Imam Malik berasa gembira kerana bertemu semula dengan anak murid yang paling disayanginya itu. Imam Syafie pula berasa terperanjat apabila

melihat kehidupan Imam Malik jauh berbeza dengan kali pertama dijumpainya beberapa tahun yang lalu. Benarlah seperti kata Naufal, Imam Malik hidup dalam kemewahan. Bisik hatinya.

"Dipersilakan masuk ke rumah saya," pelawa Imam Malik tetapi Imam Syafie seperti enggan.

"Biarkan sahaja saya beriktikaf di Masjid Nabi," kata Imam Syafie.

"Apakah yang menghalang kamu untuk masuk ke rumah saya?" tanya Imam Malik.

"Tuan Imam, Apakah yang berlaku kepada teratak kecil yang tuan miliki semasa saya berada di sini dahulu? Saya lebih selesa memasuki teratak itu," jawab Imam Syafie.

"Rumah itu sudah dirobohkan dan diganti dengan rumah ini. Lebih besar dan luas ruangnya bagi membolehkan orang ramai berkumpul mendengar saya membaca kitab *al-Muwattak*," jawab Imam Malik.

Mendengar kata-kata guru yang paling dihormati dan disayanginya itu, tiba-tiba Imam Syafie berasa sedih yang teramat sangat. Kemudian dia menangis teresak-esak.

"Mengapa kamu menangis? Apakah kamu menyangka saya memburu dunia dan mengorbankan akhirat dengan semua yang kamu lihat ini?" tanya Imam Malik.

"Itulah yang sangat saya bimbangkan. Membuatkan hati saya ini menjadi teramat sedih dan bimbang. Saya tidak mahu tuan menjadi lalai dengan kemewahan yang tuan sedang nikmati ini," jawab Imam Syafie.

Imam Malik seperti sudah menjangka perkara itu yang membuat anak murid kesayangannya itu menangis. Dia langsung tidak tersinggung dengan kata-kata yang keluar dari mulut Imam Syafie.

"Sesungguhnya kamu ini seorang sahabat yang benar-benar ikhlas. Sahabat yang ikhlas menegur sahabatnya di hadapan bukannya mengumpat di belakang," kata Imam Malik.

"Saya ini anak murid tuan. Bukan sahabatmu," kata Imam Syafie pula.

“Dahulu kamu anak muridku tetapi sekarang kamu sudah menjadi seorang ulama yang dibenarkan membuat ijtihad sendiri. Jadi kedatangan kamu kali ini adalah sebagai sahabat yang ikhlas,” kata Imam Malik.

Kemudian kata Imam Malik lagi, “Apa yang kamu lihat ini adalah nikmat kurniaan Allah. Kesemua ini adalah hadiah yang diberi oleh anak-anak muridku yang datang dari Khurasan, Mesir dan tempat lain. Rumah dan perabot yang cantik itu adalah hadiah daripada khalifah. Kamu tentu tahu Rasulullah SAW tidak pernah menolak apa-apa hadiah yang diberikan kepadanya. Dengan mengikuti sunnahnya, saya tidak menolak apa-apa hadiah yang diberikan.”

Menurut Imam Malik lagi, dia bukannya hidup mewah seperti yang disangka Imam Syafie. Keuntungan daripada perniagaannya digunakan bagi membantu anak-anak muridnya yang datang belajar. Tambahan pula mereka terdiri daripada keluarga miskin yang datang dari luar Madinah.

“Memang benar khalifah selalu memberi hadiah. Saya menerimanya kerana harta itu diambilnya dari baitulmal. Harta yang diberikan khalifah itu saya sedekahkan kepada fakir dan miskin. Tidak pernah saya menyimpannya,” kata Imam Malik.

Barulah senang hati Imam Syafie mendengarnya. Dia bersetuju dengan pelawaan Imam Malik menjadi tetamu di rumahnya. Pada keesokan harinya Imam Malik dan Imam Syafie sembahyang subuh berjemaah. Imam Malik menjadi Imam dan Imam Syafie menjadi makmum. Demi menghormati mazhab Syafie yang membaca doa qunut ketika sembahyang subuh, maka Imam Malik pun membaca doa qunut. Keesokan harinya Imam Syafie pula menjadi imam. Demi menghormati mazhab Maliki yang sembahyang subuh tidak membaca qunut, Imam Syafie tidak membacanya. Sikap kedua-dua ulama tersohor itu mendapat pujian daripada orang ramai. Walaupun kedua-duanya berlainan mazhab tetapi saling hormat-menghormati.

Pada suatu hari sedang kedua ulama itu berbincang tiba-tiba datang seorang lelaki lalu Imam Syafie mencadangkan mereka mencuba kebolehan masing-masing dengan ilmu firasat.

“Pada firasat tuan, apakah pekerjaan lelaki itu?” tanya Imam Syafie.

“Tukang besi,” jawab Imam Malik selepas membuat penelitian ke atas lelaki itu.

“Firasat saya mengatakan lelaki itu seorang peniaga,” kata Imam Syafie pula.

Bagi memastikan firasat siapa yang benar maka mereka bertanya kepada lelaki itu apakah pekerjaannya.

“Saya berniaga,” jawab lelaki itu.

“Bukankah benar firasat saya?” kata Imam Syafie sambil tersenyum.

“Apa pekerjaan kamu sebelum kamu menjadi peniaga?” tanya Imam Malik pula seperti tidak mahu mengalah.

“Tukang besi,” jawab lelaki itu.

“Bukankah firasat saya juga betul?” kata Imam Malik pula.

“Sebenarnya tuan, saya berniaga besi, kerana itu firasat tuan berdua memang betul. Saya menjadi tukang besi dan saya juga memperniagakannya,” kata lekai itu.

Kemudian Imam Malik memimpin tangan Imam Syafie lalu membawanya berjalan-jalan di sekitar kawasan rumahnya. Selepas agak lama berjalan akhirnya mereka sampai ke kandang kuda. Di situ terdapat beberapa ekor kuda.

“Kuda-kuda ini adalah hadiah daripada khalifah Harun ar-Rasyid. Cuma seekor sahaja yang saya beli,” kata Imam Malik.

“Alangkah cantiknya kuda itu. Belum pernah saya melihat kuda secantik itu,” kata Imam Syafie sambil menunjuk ke arah seekor kuda putih yang kelihatan bersih dan cantik.

“Kuda itu saya hadiahkan kepada kamu,” kata Imam Malik.

Imam Syafie terkejut lalu berkata, “Saya tidak bermaksud mahu memintanya daripada tuan, kerana tuan yang lebih memerlukan kuda yang cantik itu daripada saya.”

“Sejak kuda-kuda itu dihadiahkan oleh khalifah, saya belum pernah menunggangnya. Saya hadiahkan kepada kamu bagi memudahkan perjalanan kamu,” kata Imam Malik bersungguh-sungguh.

“Mengapa tuan tidak mahu menunggangnya?” tanya Imam Syafie.

“Saya tidak sanggup menunggang kuda di atas bumi di mana tempat berehatnya Rasul kesayangan,” jawab Imam Malik.

“Sekiranya tuan tidak sanggup menunggangnya kerana menghormati jasad Rasulullah SAW, saya juga begitu,” kata Imam Syafie.

“Menurut firasat saya, kamu tidak lama berada di Madinah kerana kamu akan pulang ke Mekah bagi berjumpa dengan ibu kamu,” kata Imam Malik.

“Memang benar, Tuan Imam. Saya singgah di Madinah bagi menziarahi makam Rasulullah SAW serta berjumpa dengan tuan. Esok saya pulang ke Mekah,” kata Imam Syafie.

Keesokan harinya Imam Syafie meninggalkan Madinah bagi pulang ke Mekah. Imam Malik menghadiahkan kuda putih itu kepada Imam Syafie bagi memudahkan perjalanannya. Diberinya juga duit sebanyak 5,000 dinar.

Nama Imam Malik semakin popular. Khalifah Harun ar-Rasyid mengarahkan supaya kitab *al-Muwattak* disalin dan disebarkan ke merata tempat. Semakin ramai yang membacanya. Malah dijadikan panduan selain Quran dan hadis.

“Tuan Imam Malik, sekiranya saya datang mahu mencaci kitab *al-Muwattak* apa yang akan tuan lakukan?” tanya seorang lelaki yang mengatakan dia datang dari Khurasan.

“Saya akan berlapang dada mendengar cacian kamu itu,” jawab Imam Malik.

“Sekiranya saya datang mahu memuji kitab *al-Muwattak*?” tanya lelaki itu lagi.

“Saya akan bersyukur,” jawab Imam Malik.

"Saya datang bukan mahu mencaci kitab *al-Muwattak, d*an bukan juga mahu memujinya. Tetapi saya datang mahu membacakan sebuah syair yang saya karang khas untuk kitab *al-Muwattak*," beritahu lelaki itu.

"Bacakanlah, saya mahu mendengarnya," ujar Imam Malik.

Lelaki itu pun membacakan syairnya.

Seandainya kamu mahu disebut seorang yang alim

Janganlah kamu jauhkan diri dari ilmu-ilmu orang Madinah

Apakah kamu mahu meninggalkan sebuah negeri

Di mana terdapat seorang insan yang paling mulia?

Rumahnya bukan sebuah istana

Tetapi selalu diulang alik malaikat Jibrail

Di sini Rasulullah meninggalkan kita

Dengan ajarannya

Para sahabat ikut berbicara ilmu

Pengetahuan sudah berpecah di kalangan pengikutnya

Setiap orang ada mazhab ikutannya

Muncul pula ajaran sesat mengelirukan umat

Imam Malik menyusun dengan baik kitabnya

Dengan keterangan dan kajian yang benar dan baik

Untuk menyelamatkan manusia

Wahai sekalian manusia

Bacalah kitab al-Muwattak

Sebelum terlewat

Tidak ada selepasnya untuk kebenaran yang dicari

Dapatkan dari al-Muwattak tiap-tiap ilmu yang kamu mahu

Kerana al-Muwattak adalah matahari

Yang lain adalah bulan

Siapa yang tidak menyimpan kitab al-Muwattak di rumahnya

Maka penghuni rumah itu akan jauh dari petunjuk

Semoga Allah memberi ganjaran kepada Imam Malik

Dengan sebaik ganjaran yang diberi kepada seorang yang mulia

Dengan keberkatan al-Muwattak

Ahli ilmu menjadi mulia

Di masa hidup dan mati

Mereka dijadikan perumpamaan untuk manusia

Menjadi kenangan sepanjang masa.

Imam Malik gembira mendengar bait-bait syair yang dibaca oleh lelaki itu. Sebagai tanda penghargaan diberinya lelaki itu seribu dinar sebagai hadiah.

Kemudian lelaki itu pergi ke Baghdad lalu membacakan syair itu di hadapan khalifah Harun ar-Rasyid. Beliau juga tertarik dengan syair yang ditulis lelaki itu lalu memberinya pelbagai hadiah. Ini kerana khalifah Harun ar-Rasyid suka dengan kitab *al-Muwattak*. Sejak itu semakin ramai penyair yang memuji kitab *al-Muwattak*dalam bait-bait syairnya.

Pada suatu hari sedang Imam Malik duduk bersendirian di rumahnya datang seorang penyanyi lalu menyanyikan lagu ciptaannya.

Bagaimana keadaan kaum kamu wahai Ribah

Mereka memandangmu

Dengan kerlingan mata

Seolah-olah kemarahan

Menyimpan dendam

Sirami hati-hati mereka wahai Ribah

Dengan ilmu dan kasih sayang.

Lelaki itu rasa kecewa kerana Imam Malik seperti tidak mengendahkan nyanyiannya. Maka diulangi sekali lagi nyanyiannya dengan harapan Imam Malik akan memberi pujian dan hadiah.

“Mengapa tuan tidak suka dengan nyanyian saya?” tanya penyanyi itu.

"Lagu yang kamu nyanyikan itu langsung tidak berguna. Kamu sudah membuat banyak kesilapan. Alunan lagunya tidak betul. Melodinya tidak sempurna. Penyampaiannya juga tidak baik. Saya boleh buat jauh lebih baik daripada lagu kamu itu," jawab Imam Malik.

Lelaki itu tersinggung lalu berkata, "Saya adalah penyanyi terkenal yang menjadi pujaan ramai. Berpuluh ribu orang memuji laguku ini. Cuma tuan seorang sahaja yang tidak pandai menilai keindahannya."

"Saya boleh nyanyikan jauh lebih baik daripada itu," balas Imam Malik pula.

"Saya cabar tuan buktikannya," kata lelaki itu.

Imam Malik pun menyanyikan sebuah lagu. Terbukti nyanyiannya lebih sedap dan mempesonakan penyanyi itu. Dengan rasa kagum penyanyi terkenal itu pun bertanya, "Memang benar lagu yang tuan nyanyikan itu jauh lebih sedap daripada nyanyian saya. Daripada manakah tuan mendapatkan lagu itu? Siapa yang menciptanya?"

"Sebenarnya lagu itu saya cipta baru sebentar tadi bagi menyahut cabaran kamu itu. Saya juga mempunyai minat dan bakat dalam bidang nyanyian. Malah semasa kecil dahulu saya pernah bercita-cita mahu menjadi penyanyi. Tetapi ibu saya tidak mengizinkannya. Dia mahu saya menjadi seorang ulama. Saya rasa pilihan ibu itu lebih tepat. Saya tidak kesal kerana tidak menjadi seorang penyanyi," kata Imam Malik.

Lelaki itu semakin berasa kagum lalu berkata, "Bolehkah tuan ajar saya menyanyikan lagu tadi? Saya akan menjadi lebih terkenal."

"Saya tidak setuju sebab nanti kamu akan beritahu orang ramai saya yang mengajarnya," kata Imam Malik pula.

"Saya berjanji akan merahsiakannya," kata lelaki itu.

"Lebih baik kamu mempelajari ilmu hadis daripada saya," kata Imam Malik.

Penyanyi itu segera berlalu.

Pada hari yang lain Imam Malik terdengar seorang penyanyi menyanyikan sebuah lagu yang seni katanya seperti berikut.

Engkau saudaraku

Engkaulah kehormatan jiranku

Sebenarnya aku berkewajipan menjaga tetangga

Aku tetap selamanya menjaga jiranku

Dan aku tetap menjaga rahsia-rahsianya

Aku tak peduli sama ada pintunya tertutup

Atau pintunya terbuka.

Imam Malik memuji seni kata lagi itu dengan berkata, “Sekiranya dinyanyikan di sisi Kaabah adalah diharuskan. Wahai anak-anakku sekalian. Perdengarkan nyanyian itu kepada keluarga kamu.”

Ternyata Imam Malik memang suka dengan nyanyian yang tidak melalaikan, kerana itu dalam kitab *al-Muwattak* tidak langsung disebut nyanyian itu hukumnya haram.

Pada hari-hari tuanya, Imam Malik disayangi serta dihormati orang ramai. Dia satu-satunya ulama terkenal yang pada hari-hari tuanya hidup dengan tenang dan aman daripada gangguan pemerintah. Cuma sekali sahaja dia diseksa hingga patah tulang rusuknya. Namun selepas itu dia tidak pernah disakiti lagi.

Tidak lama kemudian Imam Malik jatuh sakit. Ramai yang menziarahinya termasuk khalifah Harun ar-Rasyid. Selepas sakit selama 22 hari, Imam Malik pun menghembuskan nafasnya yang terakhir. Ketika itu umurnya 84 tahun. Pemergiannya diratapi bukan sahaja oleh penduduk Madinah tetapi seluruh umat Islam. Mereka ibarat kehilangan sebutir bintang yang cahayanya menerangi dunia Islam.

Sebelum Imam Malik meninggal dunia beliau sempat berwasiat antaranya, “Sebaik-baik amalan adalah amalan yang dibuat oleh Rasulullah SAW. Sejahat-jahat amalan adalah perbuatan yang dibuat-buat atau bidaah,” kata Imam Malik.

Kemudian katanya lagi, “Sesungguhnya saya hanya manusia biasa, kadangkala salah dan kadangkala benar, maka telitilah pendapatku. Yang sesuai dengan al-Kitab dan as-Sunnah ambillah dan yang tidak sesuai dengan al-Kitab dan as-Sunnah tinggalkanlah. Sesungguhnya pendapat

semua orang boleh diterima ataupun ditolak kecuali perkataan Nabi Muhammad.

"Sekiranya seseorang diminta memberikan fatwa, sebelum memberikannya orang itu wajib meletakkan dirinya antara syurga dan neraka, serta memikirkan nasibnya di akhirat kelak. Kemudian baru boleh dia memberikan fatwanya."

"Orang yang mencela sahabat-sahabat Nabi, ia tidak termasuk dalam golongan Islam"

Ketika keadaannya semakin tenat. Seorang sahabatnya bernama Qa'nabi datang menziarahinya. Ketika itu dilihatnya Imam Malik sedang menangis.

"Wahai Abu Abdullah, kenapa kamu menangis?" tanya Qa'nabi.

"Wahai sahabatku Qa'nabi, bagaimana saya tidak menangis dan siapa lagi yang lebih berhak menangis selain saya. Demi Tuhan, saya lebih suka ketika ini saya dipukul sekiranya ada fatwa yang saya berikan lahir daripada fikiranku sendiri," jawab Imam Malik.

Kemudian dia berpesan supaya jenazahnya dikafankan dengan pakaian putih yang sering dipakainya setiap hari. Beliau juga meminta dikebumikan di perkuburan Baqik yang terletak tidak jauh dari Masjid Nabi.

Walaupun Imam Malik seorang ulama terbilang juga seorang ahli perniagaan yang mempunyai kilang kain dan kilang batu jubin tetapi ketika meninggal dunia wang tunai dalam simpanannya cuma 3,300 dinar sahaja.

Kata-kata Mereka Tentang Imam Malik

Ibnu Wahbin berkata, “Sekiranya Allah tidak menyelamatkan saya menerusi Imam Malik pasti berada dalam kesesatan. Saya dapati banyak hadis yang dikatakan daripada Rasulullah SAW hingga saya bingung dan ragu-ragu. Kemudian saya bertanya kepada Imam Malik dan Imam al-Laits. Kedua-duanya berkata, ambil yang ini dan tinggalkan yang ini.”

Imam Syafie berkata, “Saya tidak pernah berasa takut berhadapan dengan sesiapa seperti saya berasa takut apabila berhadapan dengan Imam Malik.”

Said bin Hind al-Andalus pula berkata, “Tiada seorang pun yang dapat menandingi kehebatan Abdul Rahman bin Muawiyah tetapi apabila saya bertemu dengan Imam Malik, saya rasa kehebatan Abdul Rahman tidak seberapa.”

Berkenaan ilmu hadis Imam Malik pula, Imam Syafie berkata, “Apabila disampaikan hadis kepada kamu daripada Imam Malik, peganglah hadis itu kuat-kuat kerana ia menjadi alasan yang kuat bagi kamu.

“Apabila disebut mengenai ulama hadis, Imam Malik adalah bintangnya. Tiada seorang pun yang saya percaya berkenaan hadis lebih daripada Imam Malik. Imam Malik dan Imam Ibnu Uyainah adalah dua ulama serangkai dalam ilmu hadis. Sekiranya tidak ada dua orang ini, musnahlah ilmu hadis.”

Imam Sufyan bin Uyainah pula berkata, “Imam Malik tidak suka menyampaikan hadis melainkan yang dipastikan daripada Nabi Muhammad SAW dan beliau tidak suka meriwayatkan hadis melainkan yang diterimanya daripada orang yang beliau percaya. Tiada seorang pun yang lebih teliti menyelidik perawi hadis dan tiada yang lebih mengetahui kelakuan mereka selain Imam Malik.”

Imam Yahya bin Muin seorang ulama hadis berkata, “Imam Malik adalah umpama raja bagi orang beriman dalam ilmu hadis.”

Imam Abdul Rahman bin Mahdi pula berkata, “Saya belum pernah mengutamakan orang lain selain perkataan Imam Malik mengenai kesahihan

hadis. Tiada seorang pun di muka bumi ini yang saya percaya berkenaan hadis Rasulullah SAW selain Imam Malik.”

Imam Al-Nasa’ie berkata, “Sesudah para tabiin tiada seorang pun bagi saya yang lebih saya percayai daripada Imam Malik dan tiada seorang pun yang lebih tinggi dan lebih aman riwayatnya berkenaan hadis selain Imam Malik.”

“Saya pernah bertanya kepada ayah saya, siapakah orangnya daripada kalangan sahabat Al-Zuhri yang lebih kukuh kepercayaannya? Ayah saya menjawab, Imam Malik lebih kukuh mengenai segalanya,” kata Imam Abdullah bin Ahmad anak Imam Ahmad bin Hanbal (Imam Hanbali)

Imam Hammad bin Salamah pula berkata, “Sekiranya ada seseorang meminta saya pilih siapa antara umat Muhammad yang patut dijadikan sumber mengambil ilmu pengetahuan pasti saya berkata, orang itu tidak lain adalah Imam Malik. Bahkan lebih layak menjadi pemimpin umat ini.”

“Saya belum pernah menemui seorang pun yang dapat menyampaikan ilmu daripada Rasulullah SAW begitu baik hingga meresap ke dalam diriku selain Imam Malik. Saya belum pernah melihat seorang yang sangat saya hormat pada hadis-hadis Rasulullah SAW selain Imam Malik. Bahkan saya belum melihat seorang pun yang lebih cermat dalam urusan agamanya selain Imam Malik. Oleh itu sekiranya ada permintaan bagi seorang pemimpin umat ini, pasti saya memilih Imam Malik,” kata Imam Abdullah bin Mubarak.

Nasihat Imam Malik

1. Ilmu itu adalah agama. Oleh itu hendaklah kamu perhatikan daripada siapa kamu pelajari ilmu itu.
2. Ilmu itu cahaya. Ia tidak akan jinak kecuali hanya kepada hati yang takwa dan khusyuk.
3. Apabila seseorang itu zahid (tidak tamak pada dunia) Allah akan memberi nikmat kepadanya.
4. Sebaik-baik perkara adalah yang jelas dan nyata. Sekiranya kamu syak antara dua perkara, maka ambillah yang lebih meyakinkan.
5. Siapa mahu menjawab sesuatu masalah dia perlu bentangkan dahulu dirinya ke dalam syurga dan neraka dan berusaha bagaimana dia akan selamat di akhirat.

6. Perumpamaan orang munafik itu ketika berada dalam masjid adalah seperti burung yang berada di dalam sangkar. Apabila pintu sangkar itu terbuka mereka berebut-rebut keluar.
7. Menurut apa yang diketahui bahawa ulama akan ditanya di akhirat kelak seperti ditanya para nabi.
8. Apabila seseorang itu memuji dirinya maka hilanglah kebijaksanaannya.
9. Orang yang menuntut ilmu agama pastilah dia warak, bersikap tenang dan takwa.
10. Seorang alim tidak patut bercakap berkenaan ilmu kepada mereka yang tidak layak mendengarnya dan mereka yang membencinya kerana dia hanya akan menjadikan ilmu itu hina.
11. Apabila kamu ditanya berkenaan sesuatu perkara, kamu perlu halusi dan teliti pendapat kamu dengan pendapat orang lain kerana penelitian itu menghapuskan fikiran sempit seperti api menghilangkan kotoran emas.
12. Allah tidak kasih kepada hamba-hambaNya yang diberi nikmat melainkan hamba itu melahirkan kesan nikmat Allah itu. Lebih-lebih lagi orang yang berilmu.
13. Maka sepatutnya dia memelihara maruahnya dengan pakaian yang baik bagi memuliakan ilmu.
14. Siapa yang tahu percakapannya menunjuk-nunjuk kadar amalannya, maka kuranglah percakapannya.
15. Zahid kepada dunia adalah mencari keuntungan dengan memendekkan cita-cita.
16. Apabila seseorang manusia itu tidak berbuat baik kepada dirinya sendiri dia pun tidak baik di sisi manusia.
17. Seseorang itu tidak menjadi orang baik kecuali dia meninggalkan perkara yang tidak ada kaitan dengan dirinya dan bekerja menunaikan kewajipannya. Apabila dia bersikap demikian akan terbuka mata hatinya kepada Allah.
18. Tidak ada kebaikan bagi sesiapa yang melihat dirinya dalam satu-satu perkara tetapi orang lain tidak melihatnya sebagai ahli dalam perkara itu.